

**PEMIKIRAN HATTA AZAD KHAN DALAM TEKS DRAMA
MUZIKAL KAMPUNG BARU**

MADZLAN BIN ABET

PUSAT KEBUDAYAAN

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

2016

**PEMIKIRAN HATTA AZAD KHAN DALAM TEKS DRAMA
MUZIKAL KAMPUNG BARU**

MADZLAN BIN ABET

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SENI PERSEMBAHAN
(DRAMA)**

**PUSAT KEBUDAYAAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: _____ (No. K.P/Pasport: _____)

No. Pendaftaran/Matrik: _____

Nama Ijazah: _____

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"): _____

Bidang Penyelidikan: _____

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:

Jawatan:

ABSTRAK

Kajian ini menggunakan Teori Marxisme dengan pendekatan Model Pencerminan yang bertujuan melihat pemikiran Hatta Azad Khan dalam teks drama Muzikal Kampung Baru. Objektif dalam kajian ini ialah untuk mengkaji pemikiran, persoalan-persoalan dari aspek politik, ekonomi serta mengenal pasti nilai-nilai murni yang terdapat di dalam teks drama Muzikal Kampung Baru. Kajian ini bertitik tolak daripada permasalahan kurangnya pengdokumentasian teks drama-drama muzikal beliau serta terdapat banyak penerapan nilai-nilai sosial yang dibangkitkan oleh Hatta Azad Khan. Metodologi yang telah digunakan ialah berbentuk kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah penggumpulan data, kajian lapangan dan juga temuramah. Hasil kajian mendapati bahawa teks drama Muzikal Kampung Baru merupakan refleksi kepada kisah sebenar yang berlaku di Kampong Bharu, Kuala Lumpur di mana penghasilan karya kreatif itu mempunyai hubungan kait dengan penulis. Maka hal ini menjadikan Hatta Azad Khan sebagai seorang penulis yang prolifik sehingga ke hari ini kerana beliau gemar mengangkat naskah yang berkaitan dengan kerencaman sosial masyarakat marhaen. Jadi kajian ini mengesahkan karya Hatta Azad Khan dipengaruhi oleh teori Marxisme.

ABSTRACT

This study uses the Marxism theory based on the four approaches namely Reflection Model that review the thoughts of Hatta Azad Khan via Kampung Baru Musical drama text. The objective in this study is to explore the thoughts, questions based on political aspects, economy and to identify the moral values in the drama. This research stemmed from lack of his musical dramas plus there are moral values raised by Hatta Azad Khan. The method used in this research is qualitative-based which consists of data collection, field study and also through interviews. This research discovers that this drama reflects on real stories revolve around Kampung Baru whereby the creative process has connections with the playwright. Therefore, this has made Hatta Azad Khan to become a prolific playwright until today. This is because he favours coming up with dramas that are linked to social issues among people. Hence, this study confirms that Hatta Azad Khan's works are influenced by Marxism theory.

PENGHARGAAN

Allah mendidik kita melalui kesusahan, kesenangan, pujian mahupun cercaan. Apabila bertemua kesusahan, Allah mendidik kita tentang sabar. Apabila kesenangan bertamu, Allah mengajar kita erti kesyukuran. Ingat, Allah mendidik kita pada setiap masa dan peristiwa.

Terlebih dahulu saya ucapkan penghargaan yang tidak terhingga kepada keluarga saya yang sentiasa memberi sokongan dan galakan padu terhadap bidang yang saya ceburi ini. Tanpa restu dan iringan doa daripada ahli keluarga, tidak mungkin saya mampu meletakkan diri saya di tempat di mana saya berdiri sekarang ini.

Jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Rosdeen Suboh kerana sentiasa membantu dan membimbing saya dalam memberi nasihat, panduan, dorongan, idea serta kekuatan bagi saya memperbaiki kelemahan serta meningkatkan prestasi kerja sebagai pelajar dalam menghasilkan penulisan ini.

Yang dihormati Prof. Dr. Hatta Azad Khan yang memberi kerjasama dengan baik sekali. Terima kasih di atas sokongan beliau. Kepada bekas-bekas pensyarah di Fakulti Filem, Teater dan Animasi di Universiti Teknologi Mara, Puan Umi Khalsom Binti Ahmad, Encik Hamzah Bin Tahir dan Encik Hafiz Askiak yang tidak kenal erti jemu membantu saya. Seterusnya, terima kasih kepada sahabat handai serta individu yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung yang menjadi sebageian daripada keluarga dan tulang belakang saya selama ini. Akhir kata, dapat jua saya melayarkan bahtera jiwa mengikut kehendak dan naluri yang dipendam sekian lama. Bahtera jiwa ini akan ku terus pelayarannya untuk keluarga bangsa dan agama.

JADUAL KANDUNGAN

PRAKATA

BORANG PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
ABSTRAK	iii
<i>ABSTRACT</i>	iv
PENGHARGAAN	v
JADUAL KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI GAMBAR	x
SENARAI RAJAH	xii

JADUAL KANDUNGAN

1. PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	9
1.3 Objektif Kajian	12
1.4 Justifikasi Kajian	13
1.5 Skop Kajian	16
1.6 Kesimpulan	18
2. KAJIAN LITERATUR	20
2.1 Pengenalan	20
2.2 Kepentingan aspek pemikiran dalam teks drama Hatta Azad Khan	21
2.3 Kritikan pemikiran Hatta Azad Khan sebagai penulis	22
2.4 Teater muzikal dari sudut pandang Hatta Azad Khan	27
2.5 Sejarah penubuhan Kampong Bharu	30
2.6 Instrument kajian dalam teks drama Muzikal Kampung Baru	32
2.7 Latarbelakang Hatta Azad Khan sebagai penulis	37
3. METODOLOGI KAJIAN	44
3.1 Pengenalan	44
3.1.1 Data Kajian Perpustakaan	45
3.1.2 Data Maklumat Internet (Sumber Sekunder)	47
3.1.3 Data dari Kajian Lapangan	50
3.2 Kerangka Teori	64
3.2.1 Teori Marxisme	64
3.2.2 Model Teori Marxisme	68
3.2.2.1 Model Pencerminan	68
3.3 Kesimpulan	69

4.	PEMIKIRAN HATTA AZAD KHAN DALAM DRAMA MUZIKAL KAMPUNG BARU	
4.1	Pengenalan	71
4.2	Teks Muzikal Kampung Baru refleksi kehidupan orang Melayu Di Kampong Bharu	73
4.2.1	Kampung Baru untuk orang Melayu	74
4.2.2	Kehidupan penduduk di Kampung Baru yang mundur	82
4.3	Kerencaman kehidupan masyarakat Melayu dalam Muzikal Kampung Baru	115
4.3.1	Politik	115
4.3.2	Ekonomi	131
4.4	Nilai-nilai murni di dalam teks Drama Muzikal Kampung Baru	142
4.4.1	Muzikal Kampung Baru suatu bentuk sifat madani penulis	142
4.4.2	Semangat patriotism yang tinggi	143
4.4.3	Muzikal Kampung Baru memaparkan satu ideologi bangsa Melayu satu kekeluargaan yang kuat	150
5.	KESIMPULAN	164
5.1	Rumusan Kajian	164
5.2	Perbincangan	169
	BIBLIOGRAFI	175
	LAMPIRAN	
	LAMPIRAN A	185
	Drama Muzikal Kampung Baru	
	LAMPIRAN B	186
	Federation of Malaya Government Gazette	
	LAMPIRAN C	
	Carta organisasi Lembaga Pentadbiran Malay Agricultural Settlement, Kampung Bharu, Kuala Lumpur	187
	LAMPIRAN D	
	Sejarah Ringkas Malay Agricultural Settlement, Kampung Bharu, Kuala Lumpur	188
	LAMPIRAN E	
	Peta Kampong Bharu, Kuala Lumpur	189

LAMPIRAN F

Ringkasan Pelan Induk Terperinci Pembangunan Kampong Bharu,
Kuala Lumpur

190

University of Malaya

Senarai Jadual

Jadual	Penerangan	Muka surat
2.1	Huaraiian enam elemen Aristotle dalam teks drama Muzikal Kampung Baru	34 - 37
3.1	Keratan akhbar yang diambil melalui atas talian internet yang berkaitan dengan Kampung Bharu dan Hatta Azad Khan	47 - 48
3.2	Sumber-sumber lain yang berkaitan dengan muzikal teater	49
3.3	Keratan akbar diperolehi dari simpanan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur yang berkaitan dengan Hatta Azad Khan	50 - 51
3.4	Keratan akbar diperolehi dari simpanan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur yang ditulis oleh Hatta Azad Khan	51 - 52
3.5	Ulasan daripada pengkritik berkaitan dengan karya Hatta Azad Khan	53
3.6	Sumber-sumber lain yang berkaitan dengan Kampung Bharu	53
3.7	Temuramah yang dijalankan oleh pengkaji kepada beberapa orang responden.	56 - 58
4.1	Senarai projek pembangunan komuniti dengan Seksyen Kejuruteraan Pembangunan Kampong Bharu (PKB), Kampong Bharu Kuala Lumpur pada tahun 2014.	90 - 91
4.2	Jadual menunjukkan projek pembangunan komuniti dengan Seksyen Kejuruteraan Kampong Bharu (PKB) pada tahun 2014.	91 - 95
4.3	Sebahagian gerai-gerai yang terdapat di Kampong Bharu di lokasi yang berbeza.	107
4.4	Cadangan perlaksanaan dalam membangunkan Kampong Bharu	136
4.5	Jadual menunjukkan beberapa buah lagu yang terdapat di dalam teks drama Muzikal Kampung Baru yang menunjukkan sifat Patriotisme	144 - 147

Senarai Gambar

Gambar	Penerangan	Muka surat
3.1	Jalan raya di kawasan Kampong Bharu, Kuala Lumpur	58
3.2	Keadaan rumah yang terdapat di kawasan Kampong Bharu, Kuala Lumpur	59
3.3	Gerai makan yang terdapat di kawasan Kampong Bharu, Kuala Lumpur	59
3.4	Kedai-kedai yang terdapat di kawasan Kampong Bharu, Kuala Lumpur	60
3.5	Federation of Malaya Government Gazette	61
4.1	LRT Kampong Bharu	88
4.2	Kawasan permainan di Kampong Bharu	88
4.3	Rumah usang yang masih kelihatan di Kampong Bharu	97
4.4	Rumah usang yang masih kelihatan di Kampong Bharu	98
4.5	Rumah yang telah diubahsuai juga terdapat di Kampong Bharu	98
4.6	Kelihatan tandas usang yang terletak di luar rumah.	100
4.7	Kelihatan tandas usang yang terletak di luar rumah.	101
4.8	Kelihatan tandas usang yang terletak di luar rumah.	101
4.9	Kawasan Kampong Bahru yang kelihatan tong sampah tidak diuruskan dengan baik.	104
4.10	Kawasan Kampong Bahru yang menyediakan tempat pembuangan sampah tetapi tidak diuruskan dengan baik. Perkara seperti ini menyebabkan pembiakan nyamuk, lalat, lipas, dan tikus.	104
4.11	Penduduk Kampong Bharu membuang sampah di merata-rata tempat.	105
4.12	Kelihatan tong sampah penuh dengan sampah sarap yang terletak di tepi gerai-gerai makan, Kampong Bharu.	105
4.13	Pintu gerbang utama untuk masuk ke Jalan Raja Muda Musa, Kampong Bharu.	108
4.14	Deretan gerai-gerai makan yang terdapat di Kampong Bharu	108
4.15	Restoran Nasi Lemak Antarabangsa, Kampong Bharu	109
4.16	Pelbagai kuih muih yang terdapat di gerai Chunburi Seafood, Kampong Bharu.	109
4.17	Rumah usang yang masih terdapat di Kampong Bharu	120

4.18	Rumah usang yang masih terdapat di Kampong Bharu	120
4.19	Ilustri artis 1 blok Komplek Sukan Bersepadu 5 Tingkat yang diperolehi dari buku Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu Laporan Tahunan 2014	135
4.20	Ilustri artis Kompleks Islam Bersepadu yang diperolehi dari buku Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu Laporan Tahunan 2014	135
4.21	Bangunan Pembangunan Kampong Bharu	159
4.22	Hospital Pakar Al Islam, Kampong Bharu	160
4.23	Dewan Serbaguna Kampong Bharu yang terletak di dalam bangunan Malay Agricultural Settlement (M.A.S)	160
4.24	Masjid Jamek, Kampong Bharu yang telah dinaiktaraf dengan menelan belanja RM20 juta.	161

Senarai Rajah

Rajah	Penerangan	Muka surat
3.1	Formasi pentadbiran Lembaga Pentadbiran (M.A.S), Kampong Bharu, Kuala Lumpur	63
3.2	Ringkasan bagi pandangan Teori Marxisme	67

University of Malaya

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Drama merupakan satu proses kreativiti yang begitu panjang. Penggiat drama terus melakukan eksplorasi dan bereksperimentasi dengan hasil karya mereka sehinggalah melahirkan pelbagai jenis dan bentuk pementasan drama. Menurut Solehah Ishah (2010), drama dapat diklasifikasikan mengikut sub-genre seperti tragedi, komedi, tragedi komedi, melodram, *farce* dan *burlesque*. Malahan drama juga berubah mengikut peredaran masa seperti bangsawan, sandiwara, absurdisme, surrealisme dan drama tari (p.3).

Walaupun terdapat pelbagai genre dan bentuk drama namun di dalamnya tetap mempunyai cerita, kisah dan kehidupan. Drama menceritakan kembali tentang perkara-perkara yang telah terjadi dalam kehidupan manusia seharian. Tujuannya sama ada untuk menceritakan kembali (*flashback*), berhibur, memberi kesedaran, protes, berfikir dan mempengaruhi. Maka drama itu boleh dijadikan sebagai satu medium penyebaran maklumat.

Roselina Johari Md. Khir (2009) menyifatkan drama itu sebagai satu komunikasi antara manusia dalam menyampaikan maklumat. Kisah kehidupan dijadikan sebagai medium untuk dijadikan bahan cerita. Beliau juga menyatakan bahawa drama itu sebuah lakonan yang mempunyai kisah dan ceritera. Pemikir dan pengarang yang mengolah cerita dan kisah itu akan melakukan proses selektif, disusun, diadun, menjadi sebuah struktur di mana komponennya ialah plot, bahasa, pemikiran, latar dan muzik demi menimbulkan pengalaman estetik bagi mengalami keseronokan menonton dan kehairahan

pragmatismenya (p. 54-55). Clay Hamilton menyatakan drama itu merupakan suatu cerita yang digarap dan dikarang serta disusun atur (Brahim, 1968). Bagi Sophocles, lakon drama itu sebagai satu bentuk komunikasi dan perhubungan yang sangat penting untuk diberitahu kepada masyarakat (Richard Courtney, 1991).

Dalam garapan sesebuah cerita pasti ada konfliknya. Tanpa konflik drama akan menjadi bosan, tidak bertenaga dan mendatar jalan ceritanya. Keperluan konflik itu adalah untuk melihat persoalan-persoalan pemikir untuk mencapai resolusi sama ada dapat diakhiri dengan keputusan ataupun tanpa keputusan walaupun keputusan itu sebenarnya terletak di tangan penonton. Di sini berlakunya pertentangan dua fahaman iaitu dari pengarang/penulis dan juga pembaca/penonton.

Menurut Roselina Johari Md. Khir lagi, drama merupakan satu pemikiran ataupun idea-idea pengarangnya. Pengarang yang menghasilkan drama itu mempunyai mesej yang tersembunyi di sebalik ceritanya. Sama ada mesej itu disampaikan secara tersurat mahupun tersirat terpulang kepada pengarangnya (2009, p. 2). Drama umpamanya mempunyai suatu kuasa yang begitu kuat dalam masyarakat. Idea yang disampaikan secara terus itu mampu memberi kesan yang kuat kepada pembaca/penonton. Kesannya itu dapat mempengaruhi masyarakat dan tampok kepimpinan (Saparman Bakri, 1982, p.54).

Dalam menyampaikan idea, drama perlu melalui satu hasil karya seni yang kreatif mengikut kreativiti pengarangnya. Drama perlu menyuntik elemen-elemen dramatik kepada khalayak. Sesebuah drama yang kreatif itu haruslah memberikan penekanan dalam penulisannya yang meliputi aspek gagasan idea, plot, penceritaan dan unsur

kesinambungan. Perkara ini akan menjadikan sesebuah karya itu akan lebih menarik serta dapat menimbulkan kesan kepada khalayak sama ada penonton mahupun pembaca (Rahmah Bujang, 1994). Jadi dalam penghasilan sesebuah drama, pengarang itu tidak boleh menyetepikan enam elemen penting yang telah diperkenalkan oleh Aristotle iaitu plot, watak, tema (pemikiran), bahasa, muzik dan kekaguman.

“Penulisan drama adalah satu-satunya cabang seni yang dapat mengemblem hampir kesemua seni-seni lainnya seperti seni lukis, senibina, seni suara (nyanyian), seni muzik, hiasan dalam, kostum, seni tari, mekap dan lain-lain. Seni lukis diperlukan untuk ciptaan latar, senibinaan diperlukan kerana pengetahuan itu dapat digunakan dalam membuat gambaran tentang bentuk binaan, cara membinanya dan bahan-bahan yang ada dan mampu diperolehi oleh perejanya kelak. Penulis yang memahami fungsi hiasan dalaman dapat memberi kesan kepada fungsi drama tersebut. Sejajar dengan fesyen pakaian yang sesuai bagi pelakon malahan mekap juga perlu ada dalam lakonan kerana ianya dapat dipertingkatkan lagi mutu lakonan. Seterusnya pengetahuan tentang pentas dan sebagainya yang berkaitan dengan bahagian artistik adalah sangat dititikberatkan” (Saparman Bakri, 1982, p. 78 - 79).

Oleh yang demikian penulisan drama berbeza dengan penulisan novel, puisi, sajak dan pantun. Dalam drama ianya perlu menekankan unsur-unsur artistik seperti pencahayaan, set, prop, kostum, solekan, bunyi dan multimedia. Penulis ataupun pengarang harus memikirkan unsur-unsur ini bagi menggambarkan situasi yang hendak disampaikan secara spesifik. Tujuannya mudah untuk pembaca atau penonton untuk berimajinasi dan menginterpretasi jalan cerita. Selain itu juga di dalam penulisan drama terdapat arahan-arahan pentas dan jalan ceritanya disampaikan dalam baris-baris dialog.

Hamzah Tahir (2009) menyifatkan elemen-elemen seperti ‘set’, ‘kostum’, ‘solekan’, ‘prop’, ‘cahaya’, dan ‘bunyi’ mestilah bersatu, seragam, berkait antara satu sama lain, seimbang dan harusnya lengkap untuk memberi keberkesanan dalam pementasan yang

mantap. Ianya akan bercerita secara figuratif dan imaginatif kepada penonton. Ianya juga sebagai elemen penguat katarsis kepada penonton (p. 119).

Sehingga ke hari ini dalam menghasilkan drama yang bermutu tinggi, banyak aspek yang perlu dititik beratkan. Bukan sahaja dari segi idea yang bernas tetapi pemikir yang mempunyai tingkat kesedaran yang tinggi akan mementingkan pembaca/penonton untuk menerima idea mereka dalam medium yang bersesuaian mengikut peredaran zaman. Dari era bangsawan sehinggalah muzikal, drama disampaikan dalam bentuk yang pelbagai. Namun yang penting ialah isu, persoalan, pemikiran yang cuba dibangkitkan oleh penulis.

Walaupun naskah drama itu tidak dipentaskan, kajian masih tetap boleh dijalankan. Pementasan teater itu merupakan satu cara untuk memvisualkan isi kandungan yang terkandung di dalam naskah agar ianya mudah difahami. Menurut Sapparman Bakri (1982) terdapat dua jenis drama iaitu “drama di kertas” dan “drama di pentas”. Drama di kertas atau skrip ditulis untuk bacaan sahaja. Jadi segala arahan pentas, pergerakan pelakonya hingga sesuatu yang terperinci dinyatakan di dalam skrip. Arahan-arahan ini digunakan oleh pembaca untuk memahami dan membayangkan segala pergerakan para pelakon seolah-olah seperti ia menonton lakonan tersebut. Bagi drama untuk dipentaskan pula arahan-arahan pentas dikurangkan kerana untuk memberi kreativiti kepada pelakon untuk menginterpretasikannya. Sekiranya arahan diberikan secara terperinci ditakuti akan membunuh kreativiti pelakon dan pengarahnya.

Drama yang dipentaskan juga dikenali sebagai teater. Menurut kamus Dewan edisi keempat pula, “teater” (p. 1620) adalah bangunan yang di dalamnya terdapat pentas tempat mempersembahkan drama, muzik dan hiburan untuk ditonton oleh orang ramai.

Theatre also refers to the company of players (and owners, managers, and technicians) who perform in such a space and to the body of plays that such a company producer. In this sense, is a combination of people, ideas, and the works of arts that emanate from their collaboration (Robert Cohen, 2000: 7-10).

Maka, teater itu merujuk kepada sebuah produksi ataupun sebuah organisasi yang merancang untuk menghasilkan satu produk khusus untuk tontonan khalayak. Jadi produk yang dihasilkan itu haruslah dalam bentuk persembahan yang akan melibatkan satu kombinasi di antara aksi pelaku, penonton, ruang dan masa yang sama. Oleh yang demikian intipati bentuk persembahan bergantung kepada kehendak dan tujuan organisasi tersebut. Maka tidak hairan kiranya terdapat pelbagai jenis dan bentuk teater yang dipersembahkan kepada masyarakat masa kini.

Menyentuh tentang teks muzikal maka muzik merupakan satu elemen yang terkandung di dalam pembinaan sesebuah drama. Muzik hanyalah merupakan bentuk dan gaya penyampaian. Walaupun drama itu diolah dalam bentuk muzik/muzikal tetapi ianya masih perlu ada sebuah cerita yang hendak disampaikan. Drama itu boleh berdiri dengan sendiri walaupun tidak diolah dalam bentuk muzikal, tetapi muzik digunakan sebagai satu medium untuk menarik minat pembaca dan penonton untuk mendekatinya.

Muzik membawa kesan yang besar ke dalam hidup orang ramai melalui lagu dan irama. Perkembangannya muzik masih mengalami perubahan dari masa ke semasa. Era

zaman muzik boleh dibahagikan kepada enam peringkat iaitu zaman Medieval, Renaissance, Baroque, Classical dan Era Kedua Puluh (Craig Wright & Bryan Simms, 2006).

Dalam mengkaji sejarah dan asal-usul drama, bunyi dan gerak adalah asasnya. Bunyi berkembang menjadi muzik dan lagu. Manakala gerak pula berubah menjadi tari yang mengikut irama muzik dan lagu itu. Lakonan hanya ditambah bagi memperjelaskan cerita yang hendak disampaikan.

... most drama throughout theatre's history has been in fact musical, that musical theatre is, indeed, the dominant – not merely an alternative – mode of dramatic art. Classic Greek tragedy was sung and danced...most Renaissance and commedia dell'arte plays included song and instrumental music, and twenty-five of Shakespeare's thirty-eight plays contain at least some singing...all major Asian dramatic forms involve singing, dancing, and instrumental music – sometimes continuously throughout the performance (Robert Cohen, 2005: 291 - 292).

Perkembangan muzik sejajar dengan perkembangan kehidupan manusia. Maka muzik itu sebenarnya sudah ada dalam diri manusia dan tidak dapat dipisahkan. Dalam kehidupan manusia bunyi dan gerak adalah asas kehidupan. Tanpa disedari gerak terhasil daripada bunyi sekeliling. Bunyi-bunyi yang ada di persekitaran dapat mempengaruhi tindak tanduk (pergerakan) olah tubuh manusia. Contohnya apabila kita bercakap pelbagai jenis intonasi yang terhasil. Jadi tanpa disedari pergerakan spontan (*unconscious movement*) sama ada kepala, tangan, memek muka, kaki, badan turut bergerak mengikut lontaran suara yang dikeluarkan. Menurut Steve Sawa (2012), interaksi dan komunikasi manusia setiap hari akan melakukan pergerakan yang tidak disedari di mana ianya merupakan satu tindak balas emosi dan mereka yang sebenar. Maka di sini pengkaji melihat perkaitan antara bunyi dan gerak tidak dapat dipisahkan.

Bunyi itu digubah dan diolah menjadi satu bentuk komposisi yang baru dan dikenali sebagai muzik. Muzik menurut kamus Dewan edisi keempat bermaksud gubahan bunyi yang menghasilkan bentuk dan irama yang indah dan menyenangkan ataupun satu bentuk bunyi-bunyian. Menurut Campbell, muzik adalah satu kesenian yang tertumpu pada aspek pendengaran atau aural (Rohani Abdullah, 1999, pg. 194). Oleh yang demikian, muzik boleh diperkenalkan kepada sesiapa sahaja. Penerimaan muzik setiap individu adalah berbeza-beza mengikut minat dan peringkat usia, masyarakat dan latar belakang kehidupan.

Selain daripada itu juga muzik didefinisi sebagai satu cabang seni dan juga sains yang menggabungkan bunyi-bunyi vokal atau instrumental termasuk bunyi-bunyi semula jadi dari persekitaran atau rekaan dengan satu cara yang dianggap memuaskan mengikut estetika, corak pemikiran dan emosi manusia yang juga boleh mencerminkan sesuatu budaya tertentu (Peter Ong, 2011).

Oleh yang demikian gabungan muzik dan vokal boleh diertikan sebagai muzikal kerana muzik merujuk kepada sesuatu bunyi yang diolah untuk menghasilkan satu bentuk yang berharmoni manakala vokal pula merujuk kepada bunyi-bunyi semulajadi ataupun bunyi suara yang dilontarkan oleh individu manusia.

Plato berpendapat bahawa sahsiah seseorang itu dapat dipengaruhi oleh unsur-unsur seni yang halus seperti muzik, sastera dan lukisan. Akhlak seseorang itu juga boleh diperbaiki jika didedahkan dengan muzik dan unsur-unsur seni yang lain. Menurut Plato juga pendedahan seperti ini dapat melahirkan individu yang harmoni dari segi rohani dan jasmani (Johami Abdullah, 1997, pg. 32).

Kekuatan muzikal adalah muziknya. Muzik mempunyai pengaruh yang sangat kuat dalam kehidupan manusia. Pengaruh beginilah yang menjadi punca muzikal berkembang menjadi satu genre seni pentas yang boleh dipasarkan sebagai produksi seni kreatif. Melihat perkembangan teater dari zaman Greek sehinggalah kini, muzik turut berkembang seiring dengan perkembangan teater semasa. Muzik adalah representasi yang menarik minat orang ramai. Menurut kata Napoleon Bonaparte, '*... give me control over he who shapes the music of a nation; I care not who makes the laws*' (Downs, Wright & Ramsey, 2007: 414).

Muzik mempunyai pengaruh yang kuat dalam kehidupan manusia. Hal ini kerana muzik seolah-olah memberi satu getaran kepada tubuh manusia untuk bertindak balas. Selain daripada itu juga muzik adalah sebagai imuniti kepada manusia dalam memberi respons persekitaran. Secara sedar atau tidak sedar, manusia sentiasa di kelilingi oleh bunyi. Bunyi itu sendiri merupakan satu bentuk muzik. Bunyi atau muzik tidak dapat dilihat melalui penglihatan. Hal ini kerana muzik itu bukannya sesuatu objek tetapi satu katarsis yang di sampaikan melalui getaran. Menurut Gerard Chesire (2011), mendengar muzik boleh membangkitkan emosi reaksi manusia. Kelajuan muzik atau biasan getaran yang dihasilkan itu memberikan emosi yang berlainan (p.31). Bagi pendapat Dr. Sharol Lai Sujak (2008), muzik adalah satu bentuk getaran tenaga bunyi. Getaran tenaga bunyi bergetar pada tahap yang berbeza-beza. Tenaga yang serupa juga wujud dalam tubuh dan minda manusia. Apabila getaran bunyi boleh bergetar seiring dengan tenaga dalam badan kita, muzik boleh dianggap sebagai ubat yang dapat memulihkan.

Jadi drama muzikal hanyalah satu bentuk medium masa kini kepada penulis dalam mencuba secara teknikal untuk berkarya mahupun dalam menyampaikan maklumat.

Penggunaan terma muzikal adalah medium untuk menarik minat penonton selain turut mengekalkan nilai-nilai artistik di dalamnya. Namun perkara pokoknya tetap meruju kepada tunjang jalan cerita yang hendak disampaikan kepada masyarakat amnya.

“The artistic material that feeds you, will feed others, and ultimately, seed the artistic future of our art form” (Frederic & Ben, 2006, p. 154).

Kesimpulannya, drama itu ada suara dalaman para pemikir/penulis. Mereka melontarkan rasa kepuasan mahupun ketidakpuasan itu diorientasikan dalam bentuk cerita kehidupan. Ceritanya diolah, disusun, distruktur dan dikonstrak dengan unsur-unsur artistik. Malahan drama juga disampaikan dalam bentuk yang pelbagai seperti muzikal. Perkara ini dilihat bahawa muzik itu lebih dekat dengan manusia, muzik itu lebih dominan untuk mempengaruhi manusia untuk mendekati drama. Walaupun begitu, kekuatan muzik itu masih tetap bergantung kepada jalan cerita, persoalan dengan idea penulis itu. Jadi dalam kajian ini penulis masih melihat dan menekan isu dan idea Hatta Azad Khan dalam drama Muzikal Kampung Baru. Hal ini kerana Hatta Azad Khan merupakan seorang penulis yang turut mengikuti arus perkembangan drama dan teater di Malaysia.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Rentetan ke hari ini tiada kajian khusus berkenaan dengan drama muzikal Hatta Azad Khan. Begitu sedikit tulisan-tulisan yang membincangkan mengenai drama muzikal yang ditulis oleh beliau. Pengkaji mendapati perlunya ada pengdokumentasian serta pengkajian terhadap karya-karya muzikal Hatta Azad Khan. Kalau adapun tidak begitu banyak artikel yang membicara tentang drama-drama muzikal Hatta Azad Khan dan

intipatinya kurang daya ilmiahnya. Kebanyakan, kajian ilmiah yang dijalankan terhadap karya-karya Hatta Azad Khan lebih memfokuskan kepada karya awal beliau iaitu ‘Patung-Patung’, ‘Kerusi’ dan ‘Mayat’.

Berkaitan dengan kajian ilmiah, belum ada lagi kajian yang khusus terhadap drama-drama muzikal Hatta Azad Khan sama ada kajian terhadap naskah sahaja mahupun persembahannya. Walaupun kita sedia maklum terdapat enam buah naskah muzikal Hatta Azad Khan yang telah diterbitkan dalam bentuk bercetak. Di antara keenam-enam buah naskah tersebut hanya “Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu” pernah dipentaskan di Istana Budaya dalam bentuk skala yang besar pada tahun 2006 yang melibatkan Hatta Azad Khan secara langsung. Walau bagaimanapun kajian-kajian ilmiah yang lepas lebih terarah kepada kajian tentang semiotik gaya bahasa yang terdapat di dalam naskah popular beliau seperti ‘Patung-Patung’, ‘Kerusi’ dan ‘Mayat’.

Sejajar dengan itu juga komentar dan kritikan terhadap naskah-naskah muzikal Hatta Azad Khan tidak begitu meluas. Hal ini kebarangkalian disebabkan naskah beliau masih belum dipentaskan dalam bentuk persembahan. Walaupun sedemikian pengkaji tidak melihat persembahan itu sebagai satu medium untuk melihat peranan naskah tersebut. Dalam kajian sastera amnya tidak ada sebarang bentuk persembahan atau medium-medium yang perlu memvisualkannya tetapi sastera itu tetap dijadikan bahan kajian. Jadi pengkaji mengambil pendekatan seperti itu untuk mengkaji naskah beliau untuk melihat pemikiran Hatta Azad Khan. Hal ini kerana pengkaji mendapati dalam naskah beliau terdapat isu, idea dan nilai-nilai sosial yang menceritakan tentang masyarakat Malaysia. Muzikal Kampung Baru merupakan naskah yang dijadikan bahan kajian. Hatta Azad Khan sebenarnya cuba

mengangkat kehidupan manusia yang hidup dalam masyarakat majmuk. Konflik yang wujud diambil daripada realiti kehidupan masyarakat itu sendiri yang melibatkan politik, ekonomi dan sosial untuk dijadikan bahan utama dalam naskah muzikal ini.

Pengkaji tertarik untuk menjalankan kajian ini kerana dilihat banyak lompong dan kekurangan yang harus ditangani oleh pengkaji demi masa depan drama-drama yang mendatang agar lebih efektif dan progresif. Dalam dunia yang serba moden ini, drama seakan-akan tersepit di tengah kehidupan budaya. Namun kita boleh merujuk negara-negara yang maju, moden dan membangun seperti di Eropah, Amerika dan Jepun di mana dalam situasi yang sama drama mereka tetap berkembang dan subur, malah posisi budaya drama itu lebih tinggi darjatnya. Malahan kita boleh mengambil contoh negara-negara jiran seperti Indonesia dan Thailand yang menjadikan drama sebagai teras dalam kebudayaan mereka.

Kepentingan kajian ini adalah untuk mengenali dengan lebih dekat lagi tentang hasil pemikiran Hatta Azad Khan terhadap karya muzikal beliau. Kini sudah sampai waktunya karya muzikal Hatta Azad Khan dihurai untuk melihat pemikiran yang cuba disampaikan melalui penulisan kreatif beliau. Kajian drama terlalu sedikit maka pengkaji bertekad untuk menelusuri fenomena ini agar segala falsafah yang cuba disampaikan mampu dirungkai untuk dijadikan kegunaan persada dunia pendidikan antarabangsa dalam era globalisasi seiring dengan ledakan budaya saintifik dan multimedia.

Timbul persoalan tentang apakah pemikiran baru yang dibawakan oleh beliau untuk karya-karya yang dihasilkan. Mungkinkah telah wujud suatu aliran baru dalam

perkembangan drama Melayu di Malaysia hari ini. Daripada pemikiran beliau akan dapat difahami dan dikenal pasti bahan, sumber, pendekatan penyampaian atau kemungkinan pengaruh yang telah berkembang dalam bidang drama dan teater Melayu.

Persoalan lain yang cuba ditimbulkan oleh pengkaji seperti politik, ekonomi serta hal-hal yang berkaitan dengan nilai-nilai murni teks dalam memartabatkan jati diri bangsa Melayu itu. Besar atau kecil pengaruhnya dapat memberi kesan kepada pembaca dan harus diketengahkan sebagai bahan bacaan kepada umum malahan sebagai membentuk dan menstruktur teks drama.

Diharap dengan beberapa penghuraian dapat memberi gambaran mengenai persoalan dan pemikiran karya muzikal Hatta Azad Khan dapat diteroka. Sesungguhnya kajian teks yang diusahakan ini hanyalah sebagai langkah permulaan bercorak pengenalan. Mengharapkan suatu kajian yang lebih positif, konkrit, objektif, dedikasi dan diuntukkan masa yang panjang dapat dilakukan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Penyelidikan ini menyasarkan beberapa objektif supaya proses kajian penyelidikan lebih fokus dan terarah. Objektif-objektif kajian ini bertujuan untuk melihat pemikiran Hatta Azad Khan dalam beberapa aspek iaitu:

- 1.3.1 Menganalisis pemikiran Hatta Azad Khan dalam drama Muzikal Kampung Baru melalui model cerminan Teori Marxisme.

- 1.3.2 Mengkaji persamaan persoalan-persoalan politik dan ekonomi yang terdapat dalam drama Muzikal Kampung Baru dan realiti Kampong Bharu.
- 1.3.3 Mengenal pasti nilai-nilai murni yang terdapat di dalam Muzikal Kampung Baru dan realiti Kampong Bharu.

1.4 JUSTIFIKASI KAJIAN

Pengkaji memilih aspek pemikiran dan nilai-nilai murni sebagai dasar perbincangan, bukan sahaja memandangkan aspek ini menjadi unsur terpenting dalam pembinaan sesebuah drama tetapi dengan tidak secara langsung dapat menggambarkan kecemerlangan sesuatu bangsa. Dengan memandangkan hal ini sebagai satu usaha yang jitu bagi meninjau drama muzikal yang dikaji adalah bertujuan untuk menyingkap perkembangan pemikiran.

Di dalam sastera kita dapat mengenali hati dan nurani manusia secara indah dan lebih mendalam. Perkara ini merupakan satu bentuk tindakan yang kreatif dan kritis. Menurut Ali Ahmad (1994) karya sastera terkandung di dalamnya nilai-nilai estetika atau keindahan manakala bahasa sastera lahir bersama-sama pembinaan rasa, cita-cita, imaginasi kehidupan, dan fikiran. Selain itu karya sastera tidak dapat lari dari membawa bersamanya unsur nilai yang ada perkaitan dengan keagamaan, kebudayaan, dan kemasyarakatan.

Drama “Muzikal Kampung Baru” merupakan bahan dan sampel kajian pengkaji. Muzikal Kampung Baru merupakan sebuah karya kreatif Hatta Azad Khan yang telah memenangi tempat kedua dalam Sayembara Mengarang Skrip Drama Pentas Sempena

Perayaan Jubli Emas Dewan Bahasa dan Pustaka. Muzikal Kampung Baru adalah *master plan* terhadap pembangunan kampung Melayu dalam bandar raya Kuala Lumpur. Drama muzikal garapan Hatta Azad Khan ini penuh dengan humor, tari dan lagu yang merupakan kritikan dramatis terhadap kegagalan pihak-pihak berwajib dalam membangun dan memodenkan Kampong Bharu yang terletak di tengah-tengah bandar raya yang bertaraf dunia. Sebelum lahirnya naskah ini, beliau mula mengenali Kampong Bharu, Kuala Lumpur itu sendiri bermula sejak awal 1970-an sehinggalah sewaktu beliau mula menetap di Villa Puteri dan berkhidmat sebagai Pengarah Akademi Seni Kebangsaan (kini dikenali sebagai Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan, ASWARA) pada tahun 1999. Jadi pemerhatian beliau terhadap keadaan persekitaran fizikal Kampong Bharu, penghuni tetapnya, orang pendatang, orang politik, pegawai kerajaan, peniaga dan pelanggan menjadikan beliau untuk menyuarakan pendapat tentang ketiakpuasan dalam bentuk muzikal ini. Drama ini mula digarap sejak tahun 2004 dan siap sepenuhnya pada 27 Disember 2005 (Hatta Azad Khan, 2013).

Menurut Solehah Ishak, Muzikal Kampung Baru ini menggambarkan Hatta Azad Khan prihatin dengan masyarakat Malaysia yang dilihatnya bukan melalui lensa Melayu semata-mata, tetapi melalui lensa kepelbagaian bangsa dan kemungkinan beliau cuba membongkar dan mengupas *angst*, *psyche* dan *ethos* Melayu dalam konteks zaman moden yang menekankan unsur globalisasi. Malahan Hatta juga mengambil berat tentang keturunan watak-watak yang wujud di dalamnya. Muzikal Kampung Baru itu sebenarnya merupakan *masterplan* yang dicipta Hatta Azad Khan untuk membangunkan Kampong Bharu dalam dunia nyata agar menjadi baru dan maju. Keseluruhannya dapat dilihat keperihatinan dan kegelisahan Hatta Azad Khan terhadap kaum bawahan ini yang

dieksploitasi oleh orang atasan dalam penyalahgunaan kuasa menyebabkan beliau. Walaupun terdapat jurang yang memisahkan rakyat, kaya – miskin, suka – duka, kejayaan – kegagalan, harapan – mimpi, Hatta Azad Khan masih meletakkan harapan bahawasanya masyarakat marhaen ini boleh mengecapi kegemilangan (Hatta Azad Khan, 2013, p. Xvii - xviii).

Hal ini yang menyebabkan pengkaji mendapati Hatta Azad Khan sebenarnya menyuarakan isu yang menyentuh tentang masyarakat Melayu, politik, ekonomi dan hak milik tanah di Kampong Bharu. Oleh yang demikian, pengkaji mengharapkan dengan adanya kajian ini ianya dapat memperjelaskan pemikiran Hatta Azad Khan tentang kerencaman yang berlaku di Kampong Bharu.

Penghasilan drama muzikal ini sekadar pengolahan Hatta Azad Khan mengikut kehendak penonton yang lebih gemar kepada genre persembahan lakon yang mempunyai unsur nyanyian dan tarian. Malahan muzikal kini mendapat tempat di hati khalayak untuk menontonnya. Di Barat penerimaan persembahan teater yang berbentuk muzikal lebih mendapat perhatian daripada penonton. Perkara ini adalah disebabkan oleh permintaan dan kehendak semasa. Menurut Alif Imran Hakim (2008), industri pentas di Broadway memberikan sumbangan ekonomi yang besar iaitu menyumbangkan lebih AS\$5 billion (RM16.5 billion) setahun dan memberi pekerjaan tetap kepada kira-kira 45,000 orang. Broadway nama besar dan terkenal dalam dunia pentas teater, terkenal di seluruh dunia dan menarik berjuta-juta pelancong asing setiap tahun.

Oleh yang demikian pengkaji mengharapkan dengan adanya kajian ini akan dapat membuka mata ramai pihak untuk melihat pemikiran Hatta Azad Khan dalam karya kreatif beliau. Bukan tujuan pengkaji untuk membuat satu bentuk promosi bagi pihak Hatta Azad Khan tetapi sudah tiba masanya untuk kita melahirkan karya-karya yang bermutu tinggi dan boleh dianggap sebagai karya-karya agung. Rentetan daripada rencaman kehidupan masyarakat setempat menjadikan ianya satu bentuk aliran drama yang bercirikan kemalaysiaan. Sudah tibanya untuk kita lari daripada tema-tema berkisarkan kisah “cinta ciptaan melankolik” yang hanya dicipta kesempurnaannya berdasarkan keinginan oleh manusia itu sendiri.

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini hanya melihat dari beberapa aspek yang dianggap berkenaan sahaja. Tajuk yang dipilih oleh pengkaji iaitu mengenalpasti pemikiran, persoalan-persoalan dari aspek politik dan ekonomi serta nilai-nilai murni yang terdapat di dalam drama Muzikal Kampung Baru karya Hatta Azad Khan. Bahkan pengkaji juga menjadikan kejadian di Kampong Bharu sebagai sampel untuk membuktikan bahawa kejadian realiti di Kampong Bharu itu merupakan biasan ataupun cerminan kepada naskah muzikal Kampung Baru tersebut. Pengkaji mengambil batasan ruang lingkup tersebut bagi melicinkan proses kajian yang dijalankan dan diharapkan ianya memberi manfaat yang besar. Skop kajian hanya terbatas kepada teks drama Muzikal Kampung Baru dan realiti di Kampong Bharu sahaja.

Dalam merujuk kajian terhadap teks drama, pengkaji akan melihat empat elemen penting dalam penghasilan sesebuah drama iaitu:

a) Tema

Tema dalam sesebuah drama merupakan dasar atau tunjang yang dibicarakan atau dibincangkan. Watak dan perwatakan memainkan peranan dalam menjayakan dan mengukuhkan tema tersebut. Pembaca/penonton memperoleh nilai moral dalam karya tersebut.

b) Plot

Di dalam penghasilan drama, ianya harus mempunyai plot untuk menjadikan jalan cerita bervariasi. Plot tersebut haruslah mempunyai permulaan, perkembangan, perumitan, klimaks dan peleraian. Ianya terjadi kepada watak dan perwatakan di mana ianya bertindak sebagai cabaran dan pelaksana objektif.

c) Watak

Watak yang ditonjolkan sama ada manusia mahupun bukan manusia. Watak dan perwatakan yang diwujudkan di dalam drama bertindak sebagai penggerak plot cerita. Watak dan perwatakan itu penting untuk membuat keputusan sama ada baik atau buruk dipenghujungnya.

d) Bahasa

Bahasa yang digunakan dipilih oleh penulis sama ada bahasa laras tinggi, bahasa laras rendah, bahasa klasik, bahasa istana, bahasa sains dan lain-lain lagi. Kepelbagaian jenis bahasa juga dikenali sebagai ragam bahasa di mana bahasa-bahasa dicampur adukan penggunaannya.

Sehubungan dengan itu juga pengkaji akan menggunakan Teori Marxisme sebagai hubungkait empat elemen iaitu tema, plot, watak dan bahasa dalam naskah muzikal Kampung Baru. Penggunaan Teori Marxisme ini dirasakan relevan kerana teori ini secara

jelas menunjukkan dalam Model Pencerminan, penghasilan sesebuah karya melalui proses kreatif ianya diambil atau ditiru daripada kehidupan sebenar. Dengan penggunaan teori ini akan dapat menjelaskan pemikiran Hatta Azad Khan.

1.6 KESIMPULAN

Kajian ini membawa pembaca untuk mengetahui pemikiran Hatta Azad Khan dalam teks drama Muzikal Kampung Baru. Hatta Azad Khan merupakan seorang penulis yang mengikuti arus perkembangan teater tanah air. Bermula dengan karya “Mayat”, “Kerusi” dan “Patung-Patung” yang beraliran absurdisme sehinggalah muzikal menjadi trend persembahan masa kini maka Hatta Azad Khan juga tidak ketinggalan dalam menghasilkan karya-karya kreatif berbentuk muzikal. Diantaranya seperti “Muzikal Tanah, Air, Api dan Angin”, “Muzikal KL”, “Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu”, “Semimuzikal RAM” dan “Muzikal Kampung Baru”.

Fokus kajian ini khusus kepada teks drama Muzikal Kampung Baru dan realiti Kampong Bharu. Drama merupakan satu medium penyebaran maklumat. Oleh yang demikian pengkaji hanya melihat pemikiran dan nilai-nilai murni yang terdapat di dalam naskah ini dengan realiti sebenar di Kampong Bharu tersebut. Dalam menjalani kajian terhadap pemikiran Hatta Azad Khan pengkaji akan menyentuh beberapa elemen penting dalam penghasilan sesebuah drama iaitu plot, tema, watak dan bahasa.

Kekurangan kajian berkaitan dengan karya-karya Hatta Azad Khan yang terkini menyebabkan pengkaji terpenggil untuk melakukan kajian ke atas muzikal Kampung Baru.

Hal ini kerana Muzikal Kampung Baru merupakan karya beliau yang terkini dalam bentuk bercetak dan telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2007. Selain daripada itu juga pengkaji menjadi realiti di Kampong Bharu sebagai sampel sebenar yang diceritakan oleh Hatta Azad Khan di dalam naskah tersebut. Hal ini kerana naskah-naskah sebelum ini Hatta Azad Khan gemar mengangkat tentang kisah kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia. Jadi kajian ini menelusuri sama ada fenomena falsafah yang dibawa oleh beliau dapat memberi kesan yang besar dalam perkembangan drama dan teater tanah air. Bersesuaian dengan pepatah *kalau melentur buluh biar dari rebung*, maka dalam usaha untuk mengangkat dan memartabatkan seni persembahan itu sewajarnya kita menggalakkan generasi baru untuk menjadikan bahan-bahan sastera tempatan sebagai bahan ilmiah yang tinggi mutu dan nilainya.

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Bahan-bahan atau sumber maklumat berdasarkan bacaan artikel, jurnal, kertas kerja, tesis, internet, temuramah, keterlibatan (*participate*), tinjauan, pemerhatian (*observation*), perbandingan serta buku-buku yang mempunyai kaitan ataupun yang menghampiri dengan tajuk yang dikaji. Kesemua sumber rujukan boleh dirujuk dan diperolehi sama ada dari dalam ataupun luar negara. Di samping itu juga, kajian literatur merupakan satu cara untuk melihat kebarangkalian pengkaji memperoleh jawapan kepada tajuk yang hendak diperbincangkan. Tujuan kajian literatur ini adalah untuk berkongsi hasil kajian dengan pembaca. Selain daripada itu juga kajian literatur dapat menghubungkan sesuatu kajian lepas kepada satu bentuk perbincangan yang lebih besar, persis dan jitu berkenaan dengan tajuk yang dikaji.

Namun begitu, pengkaji mendapati bahawa tidak banyak kajian yang dilakukan terhadap karya-karya Hatta Azad Khan yang terkini. Walaupun beliau telah banyak melahirkan karya-karya drama pentas namun drama-drama seperti “Kerusi”, “Mayat” dan “Patung-Patung” menjadi kajian segelintir para pengkaji yang lain. Karya-karya beliau yang terkini dan bergenrekan muzikal belum ada pengkaji-pengkaji luar untuk membuat kajian.

Dalam melakukan kajian ini, pengkaji hanya merujuk dua kajian ilmiah yang khusus mengkaji karya Hatta Azad Khan iaitu *Absurdisme dalam drama Melayu: Analisis*

karya-karya empat penulis kontemporari oleh Mohd Ramli Rahman dan *Persoalan dan pemikiran Hatta Azad Khan dalam teks drama Patung-Patung* dari perspektif teori *Persuratan Baharu* oleh Ahmad Zaidi Bin Baharuddin.

2.2 KEPENTINGAN ASPEK PEMIKIRAN DALAM TEKS DRAMA HATTA AZAD KHAN

Mohd Ramli Rahman (1992) dalam latihan ilmiah peringkat Ijazah Sarjana (Master of Art), Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya dengan tajuk tesisnya *Absurdisme dalam drama Melayu: Analisis karya-karya empat penulis kontemporari*. Kajian ini menggunakan penerapan falsafah eksistensialisme sebagai teras utama dalam mengkaji drama Mayat. Pembicaraan kajian ini melihat dari aspek watak perwatakan, tema dan juga bahasa. Penganalisan ini dilihat melalui cara pengolahan Hatta Azad Khan dalam menghasilkan drama Mayat tersebut. Ianya juga melihat mesej yang cuba disampaikan oleh Hatta Azad Khan kepada penonton secara simbolik. Penggunaan watak perwatakan secara simbolik menjadikan drama tersebut diolah dalam bentuk absurd. Walau bagaimanapun kajian ini tidak menyentuh aspek watak dan perwatakan secara lebih mendalam. Pengkaji ini lebih menjurus kepada memberi resepsi terhadap watak-watak yang terdapat di dalam naskah Maya itu. Malahan kajian ini lebih memfokuskan kepada pengolahan gaya bahasa yang terdapat di dalam naskah MayaT.

Ahmad Zaidi Bin Baharuddin (2010) dalam latihan ilmiah peringkat Ijazah Sarjana Pendidikan (Kesusteraan Melayu), Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris dengan tajuk tesisnya *Persoalan dan pemikiran Hatta Azad Khan dalam teks*

drama Patung-Patung dari perspektif teori Persuratan Baharu menyifatkan pengolahan bahasa yang terdapat di dalam drama Patung-patung dan Mayat dapat menggambarkan keperibadian Hatta Azad Khan dalam menghasilkan karya yang baik. Pengolahan gaya bahasa Hatta yang ringkas dan bersignifikan mampu menggarap sebuah drama yang menekankan nilai moral yang tinggi. Selain daripada itu Hatta juga menerapkan nilai-nilai dakwah Islam secara tiak langsung dalam karya tersebut. Pengkaji ini juga merungkai bagaimana teori Persuratan Baharu dapat menjelmakan pemikiran Hatta dari konteks penggunaan bahasa.

2.3 KRITIKAN PEMIKIRAN HATTA AZAD KHAN SEBAGAI PENULIS

Menurut Yusuf Ariffin (2010), Hatta masih menimbulkan suara kritikan sosial dalam drama “Mayat” dan “Stesen”. Drama “Mayat” dibina di atas premis yang mudah, mengangkat persoalan sosioekonomi. Pada suatu latar yang futuristik ketika karya itu ditulis, manusia digambarkan tidak lagi cakna pada nilai kemanusiaan dan keagamaan apabila ruang untuk tanah kubur bukan lagi menjadi suatu keutamaan. Manakala di dalam drama “Stesen” ianya ditulis dalam bentuk yang lebih santai dan realistik yang belum pernah dicuba oleh Hatta sebelum itu. Walaupun kedua-dua drama tersebut merupakan usaha awal Hatta untuk menguasai ruang komedi dalam penulisan skrip drama pentas.

Menurut beliau lagi Hatta Azad Khan mempunyai kupasan isu yang tidak basi ditelan dek zaman. Drama “Syyy!...” memperlihatkan nada protes Hatta yang selari dengan kritikan sosialnya. Protes itu disampaikan dengan cukup bersahaja sehingga pembaca tidak sedar sikap anti pihak berkuasa dan golongan atasan masih tergambar melalui dialog-

dialognya. Drama “Awang” menyentuh ketokohan seorang pemimpin politik yang dianggap sebagai wira dalam kalangan rakyat marhaen yang menghuni kawasan setinggan kerana jasa tokoh berkenaan terhadap rakyat. Manakala drama “Nasib”, Hatta menunjukkan kritikan beliau terhadap masyarakat yang selama ini diperjuangkan melalui pelbagai watak wira. Hatta menegur sesetengah anggota masyarakat Melayu khususnya yang mudah menyerah pada nasib dan tidak mahu berusaha meningkatkan taraf kehidupan apatah lagi pendidikan mereka.

Zakaria Ariffin (2009), Hatta Azad Khan suka bereksperimentasi dengan karya-karya beliau. Berkesperimentasi bukan sahaja dengan jalan cerita tetapi juga gaya persembahan. Walau bagaimanapun Hatta tidak lari dengan buah fikirannya yang tidak dapat berkompromi dengan apa yang dianggapnya sebagai sesuatu yang tidak kena dalam sistem sosial masyarakat kita.

Sehubungan dengan itu juga H. Ardy (2009) menggelarkan Hatta Azad Khan sebagai “dramatis berkesedaran sosial yang tinggi” di dalam majalah Dewan Sastera dengan tajuk *Sindiran Sosial yang Tajam*. H. Ardy menyatakan tentang kredibiliti Hatta Azan Khan dalam menghasilkan sesebuah karya penulisan. Turut dinyatakan bahawa pada peringkat awal kemunculan Hatta dalam dunia tetaer, beliau mempelopori drama absurd ala Malaysia. Antara naskah beliau yang dikategorikan sebagai absurd ala Malaysia ialah *Kerusi*, *Patung-Patung* dan *Mayat* yang begitu popular pada tahun 1970-an dan masih dipentaskan hingga ke hari ini. Hatta merupakan karyawan yang konsisten menghasilkan karya yang menggambarkan kemajmukan Malaysia. Beliau lebih suka mendengar suara rakyat bawahan yang tertindas dan terpinggir oleh arus kemodenan.

Hatta Azad Khan sinonim dengan “kehidupan sosial masyarakat marhaen”. Ianya seolah sudah sebatikan dalam diri beliau. Setiap karya yang dihasilkan pasti akan menyentuh tentang kelompok masyarakat marhaen ini. Menggambarkan serta menceritakan tentang bagaimana pola kehidupan ini dalam menempuh kehidupan seharian mereka. Ditindas, diskriminasi, kemiskinan, permasalahan setinggan, semuanya diluahkan Hatta dalam penulisan kreatif beliau itu.

Kenyataan memperjuangkan hak sosial masyarakat yang ditimbulkan Hatta Azad Khan turut dikukuhkan lagi dengan pernyataan Solehah Ishak (2009), Hatta terus membuat percubaan dan mencipta pembikinan teater yang berbeza. Hal ini terjadi kerana beliau adalah seorang yang bukan sahaja kreatif, tetapi mengikut arus perkembangan teater terkini dan peka dengan estetika seni persembahan. Kini Hatta Azad Khan menceburkan diri dalam penulisan drama muzikal. Pengiktirafan Hatta di peringkat antarabangsa mengukuhkan lagi bukti tentang kepekaan, kepelbagaian dan kreativiti beliau. Drama-drama beliau itu diasaskan oleh situasi, tempat, keadaan sebenar dan kemudiannya diolah kreativitinya. Ditransformasikannya menjadi drama, sama ada dalam bentuk abstrak, absurd, realisme atau muzikal.

Ketelusan dan ketulusan Hatta dalam meyuarkan hal-hal sosial masyarakat bukan sahaja diterjemahkan di dalam bentuk drama. Malahan keberanian dan kelantangan Hatta dalam berkarya menyuntik sentimen nakal dalam mengalih pandangan masyarakat tentang kederhakaan Hang Jebat dalam sejarah Melayu. Hatta Azad Khan berjaya mengolah cerita “Jebat” dengan menarik serta menampilkan beberapa adegan sarkastik untuk menghidupkan cerita ke dalam suasana lain. Jebat yang disanjung dan sebaliknya Hang

Tuag adalah seorang yang kurang bermaruah kerana membelakangkan sahabatnya semata-mata kerana kesetiaan pada seorang raja (Safri Ali, 1987).

Ketokohan, kehebatan, keberanian dan banyak lagi sifat yang baik pada diri Hang Tuah itu dipupuk sekian lama dalam masyarakat kita walaupun ianya sekadar dongengan sejarah. Walau bagaimanapun Hatta Azad Khan sekaligus merubah sejarah dan legenda dalam sastera klasik di Malaysia. Drama ini menjurus pada satu sindiran yang begitu tajam terhadap konsep pemikiran orang Melayu menteladani sastera sejarah. Segala perbuatan, perlakuan diakui betul belaka. Watak Jebat dalam drama Hatta ini menggambarkan Jebat sebagai seorang hulubalang. Jebat juga gemar menyelongkar hal-hal lama mencari kesalahan orang tertentu dan mendedahkan kepada orang ramai. Walau bagaimanapun rakyat mula menyukai Hang Jebat. Perdolak alihan dalam cerita Jebat ini sebenarnya adalah untuk menyindir golongan-golongan tertentu dalam dramanya ini.

Disebabkan kehendak dan permintaan oleh masyarakat yang disebabkan oleh arus kemodenan, maka di situ Hatta turut membawa dirinya untuk mencipta dan mereka karya-karya mengikut arus alirasan semasa. Seperti yang dinyatakan oleh Solehah Iskah sebelum ini, Hatta Azad Khan sekali lagi menegaskan bahawa kemajuan teknologi tidak boleh dibelakangi dalam menghasilkan karya drama pentas mahupun di layar perak. Ianya haruslah sejajar dengan arus perkembangan teknologi yang dapat membantu dalam persembahan agar ianya lebih mudah dan memberi impak kepada penonton (Mohd. Rasdan Ahmad, 2012).

Hakikat pengarang mencurahkan pandangan terhadap zaman dibuktikan dengan hasil karya-karya mereka. Begitulah seperti yang dinyatakan oleh Hafizah Iszahanid (2011), drama Muzikal Kampung Baru memaparkan isu kontemporari mengenai perbangunan Kampung Baru, kampung warisan dan tradisional orang Melayu di tengah kota yang dikelilingi pembangunan pesat. Sehubungan dengan itu karya tersebut begitu relevan dengan pancaroba kehidupan penduduk Kampung Baru, orang Melayu yang mengalami deruan ombak dalam aspek sosial mahupun politik.

Walaupun banyak komentar yang mengatakan bahawa beliau merupakan “suara sosial masyarakat” namun bagi pendapat Hatta sendiri ialah:

“Antara ciri sebuah negara maju ialah kerancakan aktiviti seninya, yang terserlah melalui filem, muzik, seni halus, tarian serta teater dan Malaysia sendiri melakar pertumbuhan hebat dalam semua bidang itu. Walaupun ramai orang percaya kreativiti lahir secara semulajadi, tetapi para bijak pandai berpendapat ia sesuatu yang perlu digilap kerana kreativiti hanya 1% peratus dan 99% lagi ialah usaha keras. Kunci utama kejayaan yang digapai oleh tokoh-tokoh seni ialah tunjuk ajar yang diterima daripada mentor masing-masing untuk memajukan diri sebagai insan seni. (Shanty Deviayadurai, 2013).

Pengkaji berpendapat bahawa Hatta Azad Khan mempunyai jati diri yang kuat dalam mengubah nasib kehidupan. Sebagai seorang yang inginkan kemajuan dalam diri, masyarakat, bangsa dan negara, perlu adanya pengorbanan yang tinggi bermula dalam diri sendiri. Kecekalan dan ketabahan adalah kunci dengan diiringi dengan doa dan tawakal. Hal ini telah dinyatakan secara terang di dalam ayat al-Quran:

“Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat ppenjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari suatu bahaya) dengan perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapaupun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu, dan tidak ada sesiapaupun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadanya (SurahAr-Ra’D, ayat:11).

Menyentuh mengenai jati diri, pengkaji melihat ianya merupakan salah satu elemen terpenting dalam seseorang individu yang bergiat dalam bidang kreatif. Merujuk kamus Dewan edisi keempat, jati diri memperlihatkan sifat pemilik, mengandungi ciri-ciri unik dan istimewa pada individu (merangkumi adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya). Ciri-ciri ini menjadi teras terhadap perlambangan keperibadian seseorang individu. Lambang keperibadian diibaratkan sebagai penampilan identiti yang menjadi bentuk sahsiah rupa pada diri perkembangan seseorang manusia. Bentuk penampilan menghubungkan martabat seseorang manusia mewakili nilai-nilai perkembangan peribadi untuk pengukuhan diri. Nilai-nilai ini membangkitkan semangat penyatuan berlandaskan kecintaan pada diri dan kesetiaan pada negara. Hal ini berkai rapat dengan pembinaan identiti bangsa berlandaskan kepada semangat patriotik yang utuh. Pengisian program kebudayaan yang merangkumi pembangunan jati diri menjadi begitu penting bagi membentuk sahsiah belia pada masa kini dan akan datang.

2.4 TEATER MUZIKAL DARI SUDUT PANDANG HATTA AZAD KHAN

Bunyi dan gerak adalah asasnya. Bunyi berkembang menjadi muzik dan lagu sementara gerak berubah menjadi tari yang mengikut irama muzik dan lagu itu. Lakonan atau pemerananyahnya di tambah bagi memperjelasn cerita (Hatta Azad Khan, 2009).

Orang Melayu, Cina, India, Asia, Eropah serta seantero dunia sememangnya secara semula jadi menggemari muzik, lagu dan tari. Hampir setiap seorang daripada kita boleh menyanyi serta menari dan sedikit sebanyak menghafal lagu-lagu kegemaran masing-masing. Di dalam filem-filem Allahyarham P.Ramlee juga turut memasukkan unsur-unsur muzik, lagu dan tari. Orang Melayu sejak awal lagi sememangnya menggemari filem Hindi dari India yang formulanya tidak pernah lari dari cerita yang bersulamkan muzik, lagu dan tarian. Di dalam teater tradisional seperti Makyung, Menora, Jikey, Ulik Mayang, Boria, turut mempunyai rencah yang sama dengan adanya tiga elemen utama seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Bentuk muzikal awal yang lengkap adalah Makyung yang merupakan dramatari atau muzikal Melayu tradisional pertama menggunakan muzik, lagu, tari dan lakonan (Hatta Azad Khan, 2009).

Menurut Hatta Azad Khan (2008), istilah teater muzikal adalah merangkumi genre muzikal, opera dan revue. Perbezaan antara ketiga-tiganya ialah di dalam persembahan opera keseluruhan dialog akan dinyanyikan, muzikal pula sebahagian dialognya diucap oleh pelakon dan sebahagian lagi akan dinyanyikan dan revue pula sekalipun ada tari dan nyanyian, ia tidak mempunyai plot atau jalan cerita yang khusus sebagai struktur utama, sekalipun ada sesuatu tema yang menyarankan kesatuan. Walaupun begitu ketiga-tiga genre ini mempunyai satu aliran yang sama iaitu penyampaian penceritaan melalui muzik, nyanyian, tarian, lakonan yang menekankan aspek kekaguman dari segi set, pencahayaan, pemandangan dan lain-lain lagi selain daripada aspek utamanya iaitu muzik. Kenyataan Hatta Azad Khan itu adalah merupakan elemen-elemen yang harus ada di dalam sebuah naskah drama beraliran muzikal.

Walau bagaimanapun Ghulam Sarwar Yousof menyatakan permulaan teater muzikal di Malaysia ada terdapat di dalam persembahan Makyung yang mewakili teater muzikal tradisional dan bangsawan yang mewakili teater muzikal moden. Dalam persembahan Makyung watak-watak utama seperti Pak Yong dan Mak Yong menyanyi dan menari sementara watak Inang dan Pengasuh yang bertindak selaku korus turut menyanyi dan menari dengan iringan muzik yang dimainkan oleh pemuzik. Dalam Bangsawan pula, watak-watak utama yang berdialog turut menyampaikan kesan emosi, perasaan dan harapan mereka sambil menarik nasib iaitu menyanyi dengan suara nada rayu yang hiba. *Extra-turn* yang terdapat di dalam Bangsawan juga dikatakan sebagai salah satu elemen yang menepati ciri-ciri dalam persembahan sebuah teater muzikal walaupun *extra-turn* tiada hubungan dengan cerita yang dipersembahkan (Said Halim Said Nong, 2009).

Ada ahli akademik menyatakan Makyung dan Bangsawan merupakan bentuk kepada teater muzikal di mana strukturnya telah diambil untuk diguna pakai dalam filem Melayu pada era 1950-an (Zulkifli Mohamad, p. 463, 2012).

Bagi Zulkifli Mohamad (2012), teater muzikal di Malaysia telah diacuankan dalam bentuk yang baru di mana ianya digabungkan dengan model muzikal Broadway dan West End. Broadway dan West End merupakan dua tempat penghasilan teater-teater muzikal yang bergiat aktif sehingga ke hari ini. Selain daripada itu juga bentuk muzik di dalam teater muzikal Malaysia mengekalkan citarasa muzik pop Melayu seiring dengan muzik tempatan.

Sekali lagi Hatta Azad Khan (2008) menegaskan bahawa Makyung dan Bangsawan merupakan contoh terawal elemen muzikal kerana di dalamnya sudah terdapat dialog, muzik, lagu dan tari. Walaubagaimanapun ia tidak menjadi suatu bentuk muzikal Melayu moden yang khusus kerana menjadikan Bangsawan sebagai opera Melayu dengan meminjam format opera Barat tidak pernah wujud. Sehingga ke hari ini dalam persembahan Bangsawan segmen *extra-turn* masih dikekalkan bagi memberi ruang kepada pekerja pentas untuk menukar set untuk babak seterusnya. Oleh itu, usaha dalam menjadikan bangsawan sebagai suatu cerita opera atau muzikal yang lengkap apabila muzik, lagu dan tari menjadi sebahagian daripada cerita dan watak tidak pernah terjadi. Maka muzikal Melayu mahu atau tidak terpaksa mencari tapak awalnya sendiri dengan meminjam format muzikal Barat.

2.5 SEJARAH PENUBUHAN KAMPONG BHARU

Penempatan kawasan Kampong Bharu mula dibuka pada tahun 1899. Dalam menguruskan pentadbiran Kampong Bharu, *Malay Agricultural Settlement* telah ditubuhkan pada 12 Januari 1900 oleh Kerajaan *Federated Malay States* dengan tanah pengurniaan oleh Sultan Selangor iaitu Sultan Abdul Samad dengan keluasan 223 ekar. Kawasan perkampungan Kampong Bharu bersempadankan dengan Jalan Raja Muda Abdul Aziz di sebelah utara, Jalan Dang Wangi di sebelah selatan, di barat pula Jalan Tuanku Abdul Rahman dan di timur terlataknya Sungai Klang. *Malay Agricultural Settlement* yang ditadbirkan oleh satu badan *Board of Manager* yang kini dikenali sebagai “Lembaga Pentadbiran (M.A.S) Kampong Bharu”. Badan ini bertanggungjawab ke atas segala urusan pentadbiran di kawasan tanah Kampong Bharu sehingga kini walaupun setelah

pengistiharaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 1 Februari 1974 oleh Kerajaan Pusat.

Kampung Bharu terbentuk hasil gabungan tujuh buah perkampung kecil iaitu Kampung Hujung Pasir, Kampung Periuk, Kampung Masjid, Kampung Pindah, Kampung Paya, Kampung Atas A dan Kampung Atas B. Setiap kampung ini di ketuai oleh seorang Ketua Kampung.

Tujuan penempatan Kampong Bharu ini khusus kepada orang Melayu yang datang dari kepulauan Melayu, wajib beragama Islam, bercakap Melayu dan membudayakan adat Melayu dan orang yang mengistiharkan sebagai melayu oleh Lembaga M.A.S. Selain daripada itu, tujuan penubuhan penempatan Kampong Bharu juga bertujuan menggalakkan pertanian di kalangan orang Melayu, mengambil bahagian dalam menguruskan pentadbiran sendiri dan mengambil peluang ekonomi yang ada pada zaman tersebut dengan galakan pembelajaran bahasa Inggeris di kalangan anak Melayu serta keterlibatan sama dalam bidang perniagaan.

Menurut Shamsuri Shuradi (2012) yang dipetik dalam akhbar *online* Utusan Malaysia, Setiausaha Kehormat Lembaga Penempatan Tanah Pertanian Melayu atau Malay Agricultural Settlement (M.A.S), terbentuknya kawasan penempatan di Kampung Bharu adalah disebabkan berlakunya aktiviti perlombongan bijih timah di sekitar Sungai Gombak dan Sungai Klang. Permintaan yang tinggi terhadap bijih timah menyebabkan pihak British memindahkan masyarakat yang duduk di sekitar kawasa Sungai Klang dan Sungai Gombak ke kawasan yang baru dan kini dikenali sebagai Kampong Bharu. Tujuannya untuk

melibatkan orang Melayu mengambil bahagian dalam bidang pentadbiran dan menikmati pembangunan. Selain daripada itu juga ianya bertujuan memudahkan anak-anak Melayu menikmati sistem pendidikan yang teratur.

Lembaga Pentadbiran Malay Agricultural Settlement terdiri daripada 11 ahli jemaah. Lima (5) ahli lembaga yang dilantik oleh Menteri besar adalah Naib Yang Dipertua, Setiausaha Kehormat, Bendahari kehormat, Penasihat Bangunan dan Penasihat Kesihatan. Tujuh (7) ahli lembaga yang dilantik terdiri daripada pewaris setiap wilayah (kampung) yang dikenali sebagai Ketua Kampung.

2.6 INSTRUMEN KAJIAN DALAM TEKS DRAMA MUZIKAL KAMPUNG BARU

Muzikal Kampung Baru mengisahkan sekumpulan anak muda yang terdiri daripada Gulam Russel, Ratnasari, Nathan, Rosemera, Tulus dan Joshua Ong lulusan universiti luar dan dalam negara dalam pelbagai bidang. Mereka hadir dengan pelan strategik dalam memajukan Kampung Baru untuk kesenangan bersama. Perancangan tersebut mencakupi dari pelbagai perkara termasuklah kemudahan infrastruktur, latihan kemahiran kepada penduduk setempat, agihan hartanah yang sama rata kepada penduduk selepas Kampung Baru dimajukan. Sebelum mengemukakan cadangan tersebut, mereka terlebih dahulu telah menjalankan penyelidikan secara terperinci dengan jabatan kerajaan dan juga pihak berkuasa yang berkaitan.

Walaupun bagaimanapun kehadiran mereka tetap disenangi oleh sesetengah penduduk di Kampung Baru. Jalad dan Nesan merupakan orang suruhan Raja Molek menentang sekeras-kerasnya cadangan Gulam Russel dan rakannya-rakannya. Raja Molek merupakan orang lama yang telah menetap di Kampung Baru itu enggan menerima perubahan tersebut. Hal ini adalah kerana Raja Molek mempunyai kepentingan terhadap tanah dan juga penduduk setempat.

Namun begitu terdapat segelintir masyarakat yang mahu akan berlaku perubahan. Contohnya Cik Pa, Mak Renong, Yam Marman dan Pak Gito. Mereka tidak kisah sekiranya pelan tersebut membawa keuntungan bersama kerana ianya bukan sahaja memberi kesan yang baik kepada dirinya malahan turut dapat dirasai oleh anak cucuk mereka nanti. Mereka ini sentiasa memberi sokongan kepada Gulam Russel dan rakan seperjuangannya.

Bagi Haji PALAWAN pembaharuan itu tidak akan dapat mendatangkan faedah kepada penduduk di Kampung Baru. Sebenarnya Haji PALAWAN masih menyimpan dendam dan geram kepada pihak yang bertanggungjawab dalam membangunkan Kampung Baru. Beliau masih mengimpikan kepimpinan seperti Dato' Onn dan Tunku Abdul Rahman dalam membela nasib rakyat.

Jadual 2.1: Huraian beberapa elemen dalam teks drama Muzikal Kampung Baru

PERKARA	PENERANGAN
<p>Tema</p>	<p>Drama Muzikal Kampung Baru, Hatta Azad Khan mengupas tentang masyarakat Kampong Bharu di Kuala Lumpur. Ianya berkaitan tentang kawasan perkampungan yang terletak di tengah-tengah bandar raya yang membangun. Kampung Baru di kelilingi dengan bangunan-bangunan pencakar langit dan menjadi tumpuan pelancongan. Permasalahan yang berlaku apabila penduduk Kampung Baru tidak mahu menerima perubahan yang telah dirancang. Selain itu drama muzikal ini turut mengupas tentang hal keberadaan orang Melayu.</p>
<p>Plot</p>	<p>i) Permulaan Drama ini dimulakan dengan sekumpulan anak muda yang diketuai oleh Gulam Russel dalam membantu untuk membangunkan Kampung Baru. Dia turut di bantu oleh isterinya iaitu Ratnasari dan rakan-rakan yang lain iaitu Rosemera, Nathan, Tulus dan Joshua. Mereka mempunyai <i>master plan</i> dalam untuk membawa perubahan Kampung Baru serta penduduknya sekali. Pelbagai perancangan yang telah dirancang seperti memberi ruang perniagaan kepada penduduk setempat, pendidikan dan pelancongan.</p> <p>ii) Perkembangan Kerencaman seperti tentangan daripada Nesan dan Jalad terhadap idea Gulam Russel dan rakan-rakannya menyebabkan tujuan pembangunan tidak dapat diteruskan. Pelbagai helah dilakukan oleh Nesan dan Jalad atas hasutan oleh Rajak Molek yang merupakan orang yang berharta dan terpengaruh di Kampung Baru itu.</p> <p>iii) Klimaks Kemuncak cerita dalam drama Muzikal Kampung Baru apabila Gulam Russel dan rakan-rakan memberi penerangan terperinci kepada penduduk kampung. Semua penduduk kampung terpegun dengan hujah-hujag yang dikemukakan tentang pelan pembangunan Kampung Baru. Semuanya akan memberi keuntungan yang besar kepada seluruh penduduk Kampung Baru. Malahan Raja Molek tidak dapat berkata apa-apa dengan idea yang bernas ditujahkan oleh anak-anak muda ini. Malahan pelan perancangan itu turut disokong dengan padu oleh Haji PALAWAN dan Mak Renong yang sentiasa memberi sokongan kepada mereka. Akhirnya Jalad dan Nesan terpaksa akur tentang perancangan tersebut kerana terpaksa mengikut kehendak Raja Molek yang juga menerima cadangan Gulam Russel dan rakan-rakannya.</p>

Jadual 2.1, sambungan: Huraian beberapa elemen dalam teks drama Muzikal Kampung Baru

PERKARA	PENERANGAN
	<p>iv) Peleraian Pengakhiran drama ini melihat seluruh warga kelihatan gembira kerana menerima segala perancangan yang telah diaturkan oleh Gulam Russel dan rakan-rakannya. Mereka menari dan menyanyi menyanyikan lagu “Kampung Baru Baru”</p>
Watak	<p>i) Gulam Russel Mempunyai darah kacukan pelbagai bangsa dan keturunan. Datuknya berasal dari Pakistan dan neneknya pula Melayu. Ibu Gulam Russel pula berkahwin dengan seorang lelaki Inggeris. Manakala Gulam Russel sendiri telah berkahwin dengan seorang wanita yang turut mempunyai darah campuran Cina dan India iaitu Ratnasari. Gulam Russel merupakan graduan undang-undang dan pengurusan perniagaan di universiti United Kingdom.</p> <p>ii) Ratnasari Ratnasari merupakan isteri kepada Gulam Russel. Lulusan Jabatan Sejarah dari Universiti Malaya. Kemudian dia melanjutkan pengajian di School of African and Oriental Studies di Universiti of London di peringkat ijazah sarjana. Mempunyai kepakaran berkaitan sejarah Tanah Melayu sebelum merdeka dan sejarah Asia Tenggara.</p> <p>iii) Rosemera Rosemera merupakan adik kepada Gulam Russel. Seorang yang lantang bersuara jadi tidak hairan dia bekerja sebagai penerbit program hal ehwal semasa di stesen televisyen tempatan. Dia juga merupakan pakar dalam bidang multimedia.</p> <p>iv) Nathan Nathan merupakan abang kepada Ratnasari. Lulusan kejuteraan awam daripada universiti tempatan. Dia juga bekerja dalam bidang yang sama sebagai seorang jurutera.</p> <p>v) Tulus Tulus merupakan anak jati Kampung Baru. Dia merupakan lulusan Sarjana Muda Pelancongan dari universiti di New Zealand. Berkawan dengan Gulam Russel sejak dari kecil lagi dan akrab sehingga dewasa.</p>

Jadual 2.1, sambungan: Huraian beberapa elemen dalam teks drama Muzikal Kampung Baru

PERKARA	PENERANGAN
	<p>vi) Joshua Ong Joshua merupakan seorang arkitek yang menjurus dalam seni bina Asia dan pakar dalam bidang seni bina Nusantara. Merupakan kawan karib Ratnasari dan Nathan.</p>
	<p>vii) Haji PALAWAN Haji PALAWAN merupakan penduduk asal di Kampung Baru. Seorang yang mempunyai pendirian yang teguh dan tegas dengan setiap keputusan yang dibuatnya. Dia juga sukar untuk dibawa berunding kerana dia enggan menerima perubahan dan mendengar nasihat daripada golongan-golongan orang muda.</p>
	<p>viii) Mak Renong Seorang janda dalam usia lewat 60-an. Walaupun janda dia seorang wanita yang mempunyai pendidikan dan berpelajaran. Mempunyai buah fikiran yang bernas. Boleh membuat keputusan dengan baik dan boleh dibawa berbincang. Malahan dia disukai ramai kerana mempunyai sikap yang ramah, baik hati, lembut tutur katanya dan disayangi oleh anak-anak dan orang sekelilingnya.</p>
	<p>ix) Cik Pa Cik Pa merupakan penduduk asal Kampung Baru. Berusia dalam 60-an dan masih bujang. Mempunyai skuter vesta peninggalan arwah ayahnya. Cik Pa mendapat gelaran Mat Vespa di kalangan penduduk setempat tetapi anak-anak muda memanggilnya dengan gelaran Abang Pa. Dia menjadikan rumahnya sebagai pusat perjumpaan peminat-peminat vespa . Dia seorang yang mesra, baik hati serta mengambil berat tentang anak-anak muda di kawasan Kampung Baru.</p>
	<p>x) Yam Marman Yam marman seorang janda yang cantik dan mempunyai nasi lemak “world class”. Ramai pengunjung yang datang ke waungnya kerana kejelitaannya dan dia pandai mengambil hati pelanggan.</p>
	<p>xi) Pak Gito Pak Gito seorang lelaki lewat 40-an dan bekerja di warung Yam Marman. Berasal dari Indonesia tetapi sudah lama menetap di Kampung Baru. Ia tidak banyak bercakap tetapi lebih banyak memerhati keadaan persekitarannya. Kata-katanya berkias dan sinis.</p>

Jadual 2.1, sambungan: Huraian beberapa elemen dalam teks drama Muzikal Kampung Baru

PERKARA	PENERANGAN
	<p>xii) Sulastri Sulastri berusia dalam lewat 20-an. Bekerja di warung Yam Marman. Seorang yang ramah dan sentiasa gembira dengan tindakan yang dibuatnya. Dia juga suka menyanyi dan menari.</p>
	<p>xiii) Nesan dan Jalad Nesan dan Jalad merupakan anak jati Kampung baru. Mereka berdua ligat dan mengambil kesempatan atas apa sahaja peluang yang boleh menghasilkan keuntungan.</p>
	<p>xiv) Raja Molek Raja Molek juga merupakan penduduk asal di Kampung Baru. Orang kaya yang ternama tetapi kurang pintar. Sering dimanipulasi oleh dua pengikut setianya itu Nesan dan Jalad.</p>
	<p>xv) Pelakon Tambahan</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Enam orang anak muda lelaki berpakaian segar yang sentiasa mengikut Nesan dan Jalad. b) Lapan orang anak muda yang terdiri daripada lelaki dan perempuan bekerja di warung. c) Sepuluh orang anak muda yang sering membantu dan dibantu kerana meminati Cik Pa. d) Dua belas orang lelaki sekitar usia antara 20-an hingga 30-an dan kawan-kawan sebaya Cik Pa yang menggelarkan diri mereka Geng 60-an.

2.7 LATARBELAKANG HATTA AZAD KHAN SEBAGAI PENULIS

Kejayaan setiap individu adalah didokong oleh cara seseorang itu dibesarkan. Pendidikan secara formal dan tidak formal menjadi faktor yang mendorong seseorang individu untuk berjaya mencapai apa yang dikehendaki. Sepertimana dengan individu yang lain, Hatta Azad Khan yang dahulunya adalah hanya seorang pelajar biasa dan berasal dari golongan sederhana, kini merupakan seorang tokoh teater, dramatis dan ahli akademik. Hal ini kerana penglibatan beliau dalam meneraju beberapa organisasi serta hasil nukilan beliau

mendapat pengiktirafan yang tinggi. Walaubagaimanapun kejayaan yang dikecepati beliau bukanlah kejayaan yang datang tanpa usaha. Beliau menyatakan pengalaman hidup yang dilalui sebelum ini banyak memberi pengajaran kepadanya di dalam menghadapi cabaran terutamanya menempuh perjalanan kejayaan beliau hari ni. Beliau tidak menafikan, pengalaman hidup yang ditempuh sebelum ini turut memberikan idea dalam menghasilkan kreativiti ke dalam karya-karya tulisan beliau. Justeru pengkaji akan membincangkan mengenai retrospektif Hatta Azad Khan, latar belakang pendidikan dan pengalaman kerjaya beliau yang menjadi faktor utama beliau menjadi seorang tokoh teater hari ini.

Mohamad Hatta Azad Khan atau lebih dikenali sebagai Hatta Azad Khan dilahirkan pada 29 Januari 1952 di Jerneh, Terengganu. Beliau dibesarkan seperti kanak-kanak lain dengan mendapat pendidikan awal dengan menamatkan Grade 1, Standard 6 pada tahun 1964 di Sekolah Pusat Jerneh, Terengganu. Di awal tahun 1950-an dan 1960-an, ketiadaan televisyen tidak menghalang beliau untuk menikmati hiburan yang wujud ketika itu. Panggung wayang dan wayang pacak adalah satu-satunya bentuk hiburan yang menjadi tatapan beliau dan anak-anak kecil serta orang dewasa untuk berhibur. Selain itu kehadiran kumpulan *fun-fair* yang juga turut menyajikan persembahan pentas termasuklah teater tradisional seperti Makyong, Wayang Kulit dan Menora menjadi salah satu hiburan beliau ketika itu. Walaubagaimanapun sesekali turut juga kehadiran rombongan persembahan sandiwara dan bangsawan.

Ketika kecil lagi Hatta Azad Khan sudah pun didedahkan dengan dunia seni persembahan. Hal ini kerana sekolah dan kelab sosial beliau atau beliawanis turut menubuhkan pancaragam dan dalam masa yang sama turut mementaskan drama. Beliau

merupakan penonton setia sejak kecil dan tidak pernah ketinggalan untuk menikmati hiburan yang sedia ada pada waktu ketika itu. Apabila beliau beranjak usia remaja, Hatta Azad Khan mula mengenali dunia wayang gambar dengan sajian cerita-cerita Hindi dan Bollywood serta filem-filem terbitan Malay Film Productions dan Cathay Keris Singapura melalui Bajar Cinema. Bajar Cinema yang merupakan satu-satunya panggung wayang di pekan Jerneh yang memperkenalkan beliau dengan dunia wayang gambar yang baru mula untuk bertapak di Tanah Semenanjung.

Kesimpulannya, persekitaran kehidupan dan pengalaman beliau tidak begitu banyak menunjukkan beliau sebagai seorang tokoh teater mahu filem. Namun yang demikian, ciri-ciri meminati bidang kesenian agak nampak apabila beliau sering menjadikan pementasan-pementasan teater tradisional dan filem sebagai bahan hiburan. Perkara inilah yang menjadikan beliau sebagai seorang tokoh dan dramatis yang mempunyai ciri-ciri unik iaitu mempunyai gaya dan kreativiti tersendiri yang dapat dilihat di dalam setiap karya arahnya.

Menganjak ke alam remaja, Hatta Azad Khan telak meletakkan dirinya sebagai seorang pelajar aliran sains di Sekolah Menengan Tuanku Abdul Rahman Ipoh, Perak dan kini sekolah tersebut merupakan salah sebuah sekolah bestari di Malaysia. Pada tahun 1970 beliau tamat sehingga Tingkatan Lima dan lulus *Malaysian Certificate of Education* (MCE) dan sekali lagi pada tahun 1973 Hatta Azad Khan telah lulus dengan cemerlang dalam High School Certificate (HSC). Seterusnya beliau melanjutkan pelajarannya di Kolej Pertanian Serdang atau kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia. Oleh disebabkan beliau tidak

berminat akan kursus tersebut maka beliau tidak meneruskan kajian tersebut dan berhenti daripada melanjutkan dalam bidang pertanian.

Keputusan drastik untuk berhenti belajar dalam bidang yang tidak diminati sedikit sebanyak telah membuka lembaran baru kepada beliau dalam menimba pengalaman bekerja di Radio Televisyen Malaysia (RTM) di kawasan Timur Malaysia. Keinginan beliau untuk mempelajari dan mendalami ilmu seni persembahan tidak berhenti sebegitu sahaja apabila permohonan beliau diterima masuk ke Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Teater, Komunikasi dan Seni Halus.

Sebelum melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana, Hatta Azad Khan berkesempatan menjadi Tutor (dikenali sebagai pensyarah ketika itu) di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pada tahun 1980 beliau telah melanjutkan pelajarannya di Purdue University, Amerika Syarikat dalam bidang Pengarahan Teater dan Sinografi. Kemudian beliau mengambik Certificate Theatre Planning British Council di London University pada tahun 1983. Sekembalinya beliau ke tanah air, sekali lagi beliau berkhidmat di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pada tahun 1986, sekali lagi beliau melanjutkan pelajarannya di peringkat Doktor Falsafah dalam pengajian filem di University of New South Wales, Sydney, Australia. Sekali lagi sekembali beliau ke tanah air, Hatta Azad Khan berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dalam meneruskan kerjaya sebagai seorang ahli akademik, Hatta Azad Khan dipertanggungjawabkan dan dilantik sebagai Profesor Madya dan Dekan Pengasas di

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSKG), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada tahun 1993 sehinggalah 1997. Setelah berkhidmat selama lima tahun di Sarawak, beliau kembali ke Semenanjung Malaysia dengan menyandang Pengarah di Akademi Seni Kebangsaan Malaysia (ASK) selama dua tahun iaitu dari tahun 1999 sehinggalah 2001. Seterusnya pada tahun yang sama iaitu 2001, Hatta Azad Khan dilantik menjadi Ketua Pengarah di Istana Budaya sehinggalah beliau meletak jawatan pada 18 April 2005 sebelum menyandang jawatan sebagai Dekan di Fakulti Teknologi Kreatif & Artistik, Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Perdana, Shah Alam, Selangor dengan gelaran Profesor Dr. Mohamad Hatta Azad Khan. Walaubagaimanapun pada tahun 2012 sehinggalah sekarang, Hatta Azad Khan sekali lagi menjadi Pengarah atau dikenali sebagai Rektor di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) yang dulu dikenali sebagai ASK.

Selain keterlibatan Hatta Azad Khan di dalam bidang akademik, beliau juga aktif dalam kegiatan teater, filem dan penulisan skrip. Beliau telah menulis beberapa naskah drama pentas seperti Mayat, Patung-Patung, Kerusi, Stesen, Nasib, Muzikal Tanah Air Api dan Angin, Muzikal Tun Perak, Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu, Muzikal Kuala Lumpur, dan Muzikal Kampung Baru.

Zaman kegemilangan Hatta Azad Khan berada di puncak apabila drama pentas Syy! diolah dalam bentuk drama televisyen yang menjadi satu fenomena rancangan hiburan tv yang bertahan paling lama di Malaysia iaitu selama 18 tahun dan mempunyai penonton yang paling ramai sekali. Kemudian siri komedi ini bertukar nama mengikut kesesuaian perkembangan semasa. Mula dikenali dengan sitkom Syy!, seterusnya ditukar kepada

Kampung Seri Wangi, Flat Seri Wangi dan akhir sekali dikenali sebagai Pi Mai Pi Mai Tang Tu. Skrip ini juga pernah memenangi Hadiah Sastera Malaysia. Filem cereka pertama beliau Mat Som yang berasaskan buku komik karya LAT (Datuk Mohammad Nor Khalid) turut memenangi Anugerah Lakon Layar Terbaik di Festival Filem Malaysia pada tahun 1992. Sehubungan dengan itu juga, Hatta Azad Khan turut mewakili Malaysia dalam Festival-Festival Filem Antarabangsa yang lain seperti Tokyo International Film Festival, Best of Asian Cinema Section, Shibuya, Tokyo (27 September 1991 – 6 Oktober 1991), Indian International Film Festival, Bangalore, India (November 1991), Indonesia Film Festival, Jakarta (Disember 1991), 36th Asia-Pacific Film Festival, Taipei (3 – 8 Disember 1992), Hawaii International Film Festival, Manoa (Mac 1992) dan Fukuoka Asian Film Festival, Fukuoka, Japan (April 1992).

Dalam pembuatan filem Hatta Azad Khan turut merangkul beberapa anugerah dalam festival filem tempatan. Filem Wayang yang ditayangkan pada 13 November 2008 yang dibintangi oleh Eman Manan, Ida Nerina, Zul Huzaimy Marzuki dan seorang pendatang baru iaitu Mas Muharni pernah mendapat pencalonan terbanyak iaitu sebanyak 12 pencalonan di dalam Festival Filem Malaysia ke-21 dan pelakon Zul Huzaimy Marzuki telah memenangi Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik dan filem tersebut juga menerima Anugerah Khas Juri.

Bagi Anugerah Skrin 2009 sekali lagi filem Wayang dicalonkan dalam beberapa kategori utama dan telah memenangi bagi kategori Filem Terbaik, Pengarah Terbaik Filem, Pelakon Lelaki Terbaik Filem, Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik Filem dan Pelakon Pembantu Terbaik Wanita Filem. Filem Wayang juga menang keseluruhan dalam kategori

Jury Meirt Award dalam Kuala Lumpur International Film Festival 2008. Selain itu filem ini juga turut dibawa ke festival antarabangsa di antara ialah Festival Filem Antarabangsa India, Goa tahun 2009 dan Festival Filem Antarabangsa Indoa, Pune pada tahun yang sama. Pada tahun 2010 sekali lagi filem Wayang di calonkan untuk Gold Panda Award Chengju, China untuk kategori Sinematografi Terbaik. Selain daripada filem Wayang, Hatta Azad Khan pernah mengarah dua buah filem lain iaitu Senario Asam Garam dan Kembar Siang.

Pencapaian tertinggi beliau ialah menerima anugerah Southeast Asian Writers Award (S.E.A) pada tahun 2008 dan penerima Anugerah Tokoh Akademik pada tahun yang sama. Selain daripada itu beliau turut menerima beberapa anugerah lain seperti Drama Sebak Terbaik, Dewan Bahasa dan Pustaka (1976), Hadiah sagu Hati Drama Panjang, Dewan bahasa dan Pustaka (1976), Skrip Drama Terbaik, Hadiah Sastera Nasional Malaysia (1983), Lima Skrip Drama Terbaik, Peraduan Menulis Drama Eso-Gapena 1 (1983), Hadiah Penghargaan Drama Televisyen, Peraduan Menulis Drama Eso-Gapena 1 (1990), Anugerah Seni Negeri Terengganu dalam bidang Penulisan (2005), Hadiah Penghargaan Skrip Musikal, Istana Budaya (2006), Hadiah Pertama Pertandingan Menulis Skrip Filem Cereka, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) (2006), Anugerah Seni Negara Teater: Penulisan Skrip, Kementerian Kebudayaan, Kesenian & Warisan (2006) dan Skrip Drama Kedua: Sayembara Mengarang Skrip Drama Pentas Sempena Perayaan Jubli Emas, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (2006).

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian merujuk kepada kaedah penyelidikan bagaimana sesuatu maklumat itu diperolehi. Perancangan yang teliti dapat membantu memudahkan data serta maklumat penyelidikan dikumpulkan, dianalisa dan seterusnya dinilai bentuk penyelidikan, kerangka konseptual, lokasi kajian, subjek kajian, prosedur mendapatkan data pemprosesan data dan penganalisan data.

Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah pengumpulan data. Kaedah ini dapat membantu menginterpretasi maklumat dan data bagi menyokong kajian ini. Rujukan perpustakaan adalah merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mendapatkan sumber kajian yang boleh dirujuk secara terus melalui buku, majalah, jurnal, suratkhobar, artikel, risalah yang mempunyai kaitan dengan tajuk. Dalam pada masa yang sama juga pencarian maklumat berkaitan dengan bahan yang dikaji melalui kajian-kajian lepas serta kertas kerja bagi melengkapkan kajian ilmiah ini. Selain daripada itu juga, pengkaji turut memilih internet sebagai bahan dan proses untuk mencari maklumat. Maklumat yang diambil kira adalah sumber-sumber yang relevan sahaja. Kaedah temuramah turut digunakan untuk mengukuhkan kajian ini.

3.1.1 DATA KAJIAN PERPUSTAKAAN

Rujukan perpustakaan adalah merupakan satu kaedah yang penting dalam membantu pengkaji mendapatkan serta mengumpul maklumat bagi meneruskan kajian ilmiah ini. Hal ini kerana pengkaji mendapatkan sumber kajian yang boleh dirujuk secara terus melalui buku, majalah, jurnal, suratkhobar, artikel, risalah yang mempunyai kaitan dengan tajuk. Keratan-keratan akbar lama yang berkaitan dengan Hatta Azad Khan diperolehi daripada simpanan data perpustakaan di Dewan Bahasa dan Pustaka. Kebanyakan maklumat yang diperolehi diambil daripada simpanan data oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Pengkaji juga merujuk dua tesis yang menyentuh tentang penulisan Hatta Azad Khan iaitu *Absurdisme dalam drama Melayu: Analisis karya-karya empat penulis kontemporari* oleh Mohd Ramli Rahman dan *Persoalan dan pemikiran Hatta Azad Khan dalam teks drama Patung-Patung dari perspektif teori Persuratan Baharu* oleh Ahmad Zaidi Bin Baharuddin. Kedua-dua kajian ilmiah ini lebih menjurus kajian terhadap penggunaan bahasa sebagai simbolisme terhadap pemikiran Hatta Azad Khan. Selain daripada itu juga bahasa melambangkan pemikiran Hatta Azad Khan dalam memprotes terhadap isu-isu yang cuba dibangkitkan seperti kuasa, tanah, ekonomi dan politik.

Pengkaji turut merujuk buku-buku yang berkaitan dengan perkembangan drama dan teater di Malaysia bagi menyokong tentang kajian ini. Di antaranya seperti *Drama Moden Malaysia* (Abdul Rahman Napiah, 1987), *Teater Melayu Teks dan Eksperimentasi* (Fazilah Husin, 2010), *Pemikiran Drama Moden* (Mana Sikana, 1989), *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pascamoden* (Mana Sikana, 2006). Tujuannya untuk melihat bagaimana perkembangan drama dari masa ke semasa. Jadi ianya turut membantu pengkaji melihat

sejauh mana perkembangan Hatta Azad Khan dalam bidang penulisan drama ini. Hal ini kerana Hatta Azad Khan turut giat menulis drama sejak awal 1970-an sehingga ke hari ini.

Sehubungan dengan itu juga pengkaji melihat skrip-skrip drama yang telah di tulis oleh Hatta Azad Khan. Drama-drama yang ditulis oleh beliau kebanyakannya telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Di antaranya seperti buku Tiga Teater Muzikal (Hatta Azad Khan, 2008) yang menampilkan tiga buah skrip muzikal seperti “Muzikal KL”, “Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu” dan “Semimuzikal RAM”. Selain itu skrip drama yang dibukukan dalam sebuah buku yang bertajuk Patung-Patung (Hatta Azad Khan, 2009) di mana terdapat lima buah skrip Hatta Azad Khan sekitar tahun 1970-an sehingga 1980-an iaitu “Mayat”, “Patung-Patung”, “Jebat”, “Kerusi”, dan “Stesen”. Seterusnya skrip “Awang”, “Anak Korporat”, “Dunia Belum Kiamat”, “Cermin Tipu Daya” dan “Puteri Gunung Ledang”. Kesemua skrip ini telah dibuat kompilasi dalam sebuah buku yang diberikan nama Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat (Hatta Azad Khan, 2013). Naskah drama “Nasib” diterbitkan kemabli pada 2011 dan “Syyy!...” pada tahun 2013. “Muzikal Kampung Baru” merupakan naskah beliau yang terbaru dan belum pernah dipentaskan dalam skala yang besar.

Seperkara yang menarik tentang naskah drama yang ditulis oleh Hatta Azad Khan, beliau akan menceritakan terlebih dahulu bagaimana beliau mendapat ilham dan idea untuk menerbitkan sesebuah drama. Contohnya seperti drama “Nasib”, beliau menceritakan tentang sebuah perkampungan kecil yang terdapat di Terengganu telah menerima perubahan besar dalam pembangunan. Dahulu sebuah perkampungan yang hidup dengan bercucuk tanam kini sudah ada pangkalas minyak dan gas. Dalam drama ini beliau tujukan

khas untuk kawan-kawan beliau di Terengganu seperti mana yang dinyatakan oleh beliau sendiri dalam buku tersebut. Dalam buku Teater Filem dan Pengurusan Seni (Hatta Azad Khan, 2013) banyak memberi info tentang teater, filem dan pengurusan seni. Malahan di dalam buku tersebut beliau banyak mengupas tentang isu-isu industri kreatif termasuklah Muzikal Kampung Baru. Beliau turt menyatakan bagaimana proses penghasilan drama tersebut. Rentetan daripada itu juga setiap buku yang diterbitkan turut mengabdikan biodata Hatta Azad Khan. Selain daripada menyatakan tentang latar belakang turut dinyatakan juga hal yang berkaitan dengan pengalaman dan pencapaian beliau selama ini seperti yang dinyatakan di dalam buku Hatta Azad Khan Penerima S.E.A Write Awards Malaysia (2008).

3.1.2 DATA MAKLUMAT INTERNET (SUMBER SEKUNDER)

Selain daripada itu juga, pengkaji turut memilih internet sebagai bahan dan proses untuk mencari maklumat. Maklumat yang diambil kira adalah sumber-sumber yang relevan sahaja. Pengkaji lebih merujuk kepada akhbar, artikel dan jurnal *online* yang mempunyai perkaitan dengan Hatta Azad Khan.

Jadual 3.1: Keratan akhbar yang diambil melalui atas talian internet yang berkaitan dengan Kampung Bharu dan Hatta Azad Khan

Bil	Tarikh	Akhbar	Tajuk	Penulis
1	15.9.2015	Utusan Malaysia	Kampung Baru dicadang bandar raya mini	
2	11.9.2015	Utusan Malaysia	PKB tingkatkan usaha jejak waris Kampung Baru	
3	8.7.2015	Utusan Malaysia	CGC-Utusan agih bubur lambuk Masjid Kampung	
4	1.7.2015	Utusan Malaysia	MAIWP tubuh pusat pengajian pondon pertama di Kampung Baru	

Jadual 3.1, sambungan: Keratan akhbar yang diambil melalui atas talian internet yang berkaitan dengan Kampung Bharu dan Hatta Azad Khan

Bil	Tarikh	Akhbar	Tajuk	Penulis
5	29.6.2015	Utusan Malaysia	Pembangunan semula Masjid Kampung Baru bermula 2011 – 1MDB	
6	26.6.2015	Utusan Malaysia	PM hadir pembukaan dewan solat utama Masjid Jamek Kampung Baru	
7	26.6.2015	Utusan Malaysia	Pembangunan semula Masjid Jamek Kampung Baru hasil jasa 1MDB	Azman Ibrahim
8	23.6.2015	Utusan Malaysia	Kondo naikkan nilai hartanah Kampung Baru	
9	19.6.2015	Utusan Malaysia	Utusan, Masjid Jamek Kampung baru anjur program bubur lambuk	
10	19.6.2015	Utusan Malaysia	Keistimewaan bubur lambuk Kg. Baru	Adlinahani Khalil & Amirul Aiman Anuar
11	1.6.2015	Utusan Malaysia	Jadikan Kampung Baru kota budaya Melayu – Rais	
12	4.5.2015	Utusan Malaysia	TPM lulus peruntukan Dewan Kampung Baru	Zulhisham Isahak
13	12.4.2015	Utusan Malaysia	Radiance by Zikay ubah Kampung Baru	Zunaidah Zainon
14	9.4.2015	Utusan Malaysia	Menara Arina Uniti di Kampung Baru	
15	19.3.2015	Utusan Malaysia	Kajian nilai hartanah Kampung Baru dijangka siap Mei	
16	14.3.2015	Utusan Malaysia	Penduduk Kampung Baru berhak persoal harga tanah	
17	24.2.2015	Utusan Malaysia	Dari Bukit Bintang ke Kampung Baru	Zulkifli Jalil
18	26.6.2015	Utusan Malaysia	Masjid Jamek Kampung Baru berwajah baharu, siap sepenuhnya Julai ini	
19	17.1.2015	Utusan Malaysia	GLC diseru bangukan Kampung Baru	
20	30.10.2014	Utusan Malaysia	Pengilmu 2014 platform himpun pemikir, karyawan negara	
21	26.7.2014	Utusan Malaysia	Kembara Seni Hatta	

Secara keseluruhannya, laporan yang terdapat di dada-dada akhbar ialah berkaitan dengan cadangan pelaksanaan dalam memajukan Kampung Bharu. Turut dinyatakan tentang beberapa projek yang telah dilaksanakan di bawah penyelenggaraan oleh beberapa

buah syarikat yang mempunyai objektif komersil yang primer dan kepentingannya dikawal secara langsung oleh Kerajaan Malaysia. Selain daripada itu terdapat juga paparan berkaitan dengan aktiviti-aktiviti sosial yang dijalankan di kawasan Kampong Bharu. Turut ditekan tentang peranan penduduk Kampong Bharu untuk menggesa agar kawasan tersebut dibangunkan dengan segera untuk menjadi sebuah penempatan yang maju sejajar dengan perkembangan ekonomi negara¹.

Jadual 3.2: Sumber-sumber lain yang berkaitan dengan muzikal teater

Bil	Sumber	Tajuk	Penulis
1	International Journal of Asian Social Science, 2(8), pp.1339-1358	The contemporary musical theatre in Malaysia	Loo Fung Chiat & Loo Fung Ying
2	Asian Theatre Journal, Volume 29, Number 2, Fall 2012, pp. 461-465	The Secret Life of Nora	Zulkifli Mohamad

Kedua-dua jurnal ini merujuk Infiniti Production yang diterajui oleh Datin Seri Tiara Jacqueline sebagai produksi teater muzikal yang berjaya menghasilkan pementasan teater muzikal dalam skala yang besar. Isu yang dikupas ialah pembentukan dan aliran teater muzikal yang di bawa oleh Datin Seri Tiara Jacqueline. Sehubungan dengan itu juga teater muzikal di Malaysia merupakan satu bidang seni persembahan yang mula diterima oleh masyarakat Malaysia.

¹ Sila rujuk lampiran akhbar *online*.

Laman sesawang Perbadanan Perkampungan Kampong Bharu berfungsi sebagai medium untuk menyampaikan maklumat berkaitan dengan pelan strategik Kampong Bharu dari masa ke semasa².

3.1.3 DATA DARI KAJIAN LAPANGAN

Di dalam kajian ini pengkaji telah turun ke kawasan Kampong Bharu untuk meninjau keadaan sekeliling bagi menguatkan lagi kajian ini. Pengkaji melihat keadaan persekitaran seperti mana yang terdapat di dalam teks drama Muzikal Kampong Bharu. Di sini pengkaji turut mengambil gambar di persekitaran Kampong Bharu untuk dijadikan sebagai bahan bukti³. Selain daripada itu pengkaji turut ke Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu untuk mendapat maklumat yang berkaitan dengan rancangan kemajuan penduduk Kampong Bharu. Rentetan daripada itu, pengkaji turut mendapatkan maklumat berkaitan dengan Kampong Bharu di Lembaga Pentadbiran Malay Agricultural Settlement (M.A.S) di Jalan Haji Hashim / Jalan Hamzah, Kampong Bharu, Kuala Lumpur.

A) DATA KOLEKSI JADUAL KERATAN AKHBAR BERKAITAN PENULIS MUZIKAL KAMPUNG BARU

Jadual 3.3: Keratan akbar diperolehi dari simpanan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur yang berkaitan dengan Hatta Azad Khan

Bil	Tarikh	Akbar	Tajuk	Pengarang
1	12.1.1973	Berita Harian	Pentorama Ranjau Sepanjang Jalan di Serdng malam ini.	-
2	10.10.1976	Berita Minggu	Tuduhan 'patung-patung ciplak, tidak berasas.	-

² Sila rujuk laman sesawang Perbadanan Perkampungan Kampong Bharu untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang pelan perancangan Kampong Bharu di <http://www.pkb.gov.my>

³ Sila rujuk Lampiran 1 untuk melihat gambar-gambar di kawasan persekitaran Kampong Bharu.

Jadual 3.3, sambungan: Keratan akbar diperolehi dari simpanan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur yang berkaitan dengan Hatta Azad Khan

Bil	Tarikh	Akbar	Tajuk	Pengarang
3	3.1.1979	Berita Harian	Drama yang tonjol fantasi dunia.	-
4	7.1.1979	Berita Minggu	Persoalan tanah dan moral dalam "Mayat".	Khalil Mohd. Zain
5	4.4.1982	Watan	Mayat perlu diubahsuai untuk TV.	-
6	5.4.1982	Berita harian	Mendedah gejala buruk secara aneh	Daeng Salim Bachok
7	Januari 1983	Malaysia	"Kerusi" harus dipentas semula	Hanafiah Samad
8	7.1.1984	New Straits Times	Play done the wrong way for the wrong person.	Krishen Jit
9	3.5.1987	Berita Harian	Berkisarnya legenda Jebat dalam drama Hatta Azad Khan.	-
10	25.1.1990	New Straits Times	Mat Som for big screen.	Saleha Ali

Hatta Azad Khan merupakan generasi baru pada ketika itu dalam melahirkan idea-idea yang diluar jangkaan. Beliau menjadikan isu-isu yang berkaitan dengan kuasa, politik, permasalahan masyarakat sebagai subjek dalam menghasilkan karya-karyanya. Malahan gaya penyampaian beliau dalam membuat sesebuah persembahan turut diperkatakan kerana dikatakan suatu yang abstrak dan sukar untuk diterima akal. Kelainan itu menyebabkan Hatta Azad Khan menjadi lain daripada yang lain.

Jadual 3.4: Keratan akbar diperolehi dari simpanan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur yang ditulis oleh Hatta Azad Khan

Bil	Tarikh	Akhbar	Tajuk
1	10.5.1976	Berita Harian	Tiap persoalan berkait rapat antara satu sama lain.
2	29.1.1977	Berita Harian	Pengarah ugut hentak batalkan pertunjukan kalau penonton enggan menolong "Mencari Si Hitam".
3	25.10.1977	Berita Harian	Bara-bara capai 'standard' jauh lebih tinggi...

Jadual 3.4, sambungan: Keratan akbar diperolehi dari simpanan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur yang ditulis oleh Hatta Azad Khan

Bil	Tarikh	Akhbar	Tajuk
4	19.12.1977	Berita Harian	'Orang ke 13' drama masyarakat satu bentuk aliran baru.
5	7.5.1978	Berita Minggu	Skrip drama tv masih kurang?
6	21.6.1981	Berita Minggu	Sudut Teater.
7	28.6.1981	Berita Minggu	Tok Selampit kecewa di Bandaraya
8	12.7.1981	Berita Minggu	Pemujaan kuasa ghaib bentuk teater permulaan.
9	9.8.1981	Berita Minggu	Bomoh berperanan ke arah teater profesional.
10	16.8.1981	Berita Minggu	Teater Keliling: Boleh berlucah, tapi tidak perlu berlucah.
11	13.9.1981	Berita Minggu	Disiplin masih tak wujud dalam bangsawan.
12	20.9.1981	Berita Minggu	Pukauan Si Tenggang melupakan pada yang lain.
13	27.9.1981	Berita Minggu	Mutu persembahan yang masih lemah.
14	25.10.1981	Berita Minggu	'Gempita 81' lebih gemar dari gempita!
15	8.11.1981	Berita Minggu	Mesir Kuno dikatakan yang pertama asal drama di dunia.
16	15.11.1981	Berita Minggu	Tarian menjadi amalan seni berkaitan dengan agama.
17	29.11.1981	Berita Minggu	Pengajian budaya melalui sistem pendidikan.
18	9.10.1983	Berita Minggu	Filem Mekanik: komedi situasi yang memikat!

Hatta Azad Khan mula bergiat dalam bidang penulisan sejak kemunculan beliau dalam bidang seni persembahan ini. Kehadiran Hatta Azad Khan bukan setakat diperkatakan tentang idea beliau yang pelik tetapi keberanian beliau mengulas isu yang berkaitan dengan teater. Malahan beliau juga mula memberi komentar dan mengulas tentang skrip drama tv, filem dan pementasan teater. Dengan itu beliau diberikan satu ruang khusus di dalam Berita Minggu untuk mengulas tentang kegiatan seni persembahan yang berlaku pada ketiku itu.

Jadual 3.5: Ulasan daripada pengkritik berkaitan dengan karya Hatta Azad Khan

Bil	Tarikh	Sumber	Tajuk	Penulis
1	16.3.1987	Mingguan Wanita	Berkenalan dengan... Hatta – penulis skrip dan pengarah drama/ teater tanahair.	Hasni Falina
2	Januari 2009	Dewan Sastera	Hatta Azad Khann: Potret seorang artis.	Solehah Ishak
3	Januari 2009	Dewan Sastera	Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu: Lirik dan Pemikiran	Rahman Shaari
4	Januari 2009	Dewan Sastera	'Tanda dan Petanda dalam Filem Wayang	Hassan Abd. Muthalib

Kebanyakan komentar dari pengkritik-pengkritik luar memuji kebolehan dan keberanian Hatta Azad Khan dalam menghasilkan sesuatu karya. Beliau mengkritik dalam bentuk bersahaja dan penuh dengan sinikal. Malahan isu-isu yang dikupas itu penuh dengan tanda dan petanda. Hatta Azad Khan suka menghasilkan sesebuah karya yang penuh dengan persoalan. Hasil kerjanya halus tetapi penuh dengan sinis termasuklah dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.

Jadual 3.6: Sumber-sumber lain yang berkaitan dengan Kampung Bharu

Bil	Tajuk
1	Pelan induk terperinci pembangunan Kampung Bharu
2	Garis Panduan Pembangunan Hartanah Kampung Bharu (Edisi ke-2)
3	Laporan Tahunan 2012 & 2013 Perbadanan Perkampungan Kampung Bharu
4	Laporan Tahunan 2014 Perbadanan Perkampungan Kampung Bharu
5	Federation of Malay Government Gazette

Maklumat ini merupakan satu tanda aras tentang hak milik Kampong Bharu terletak sepenuhnya oleh Lembaga Pentadbiran Malay Agricultural Settlement (M.A.S). M.A.S merupakan sebuah perbadanan yang bertanggung jawab sepenuh ke atas tanah di kawasan Kampong Bharu itu. Bermula dari pemilikan tanah, pengubahsuaian rumah sehinggalah hal kematian semuanya diuruskan oleh M.A.S. Penubuhan M.A.S termaktub di dalam undang-undang penubuhan Federation of Malay Government Gezzate. Jadi segala perancangan pelan

dasar dalam membangunkan Kampong Bharu terdapat di dalam buku laporan tahunan di mana pengkaji dapat melihat perancangan dan kegiatan aktiviti yang telah dilakukan oleh pihak Perbadanan Pembangunan Kampong Baru (PKB).

Hasil temuramah dengan Setiausaha Kehormat M.A.S iaitu Tuan Haji Shamsuri Bin Haji Suradi menyatakan bahawa Pelan Induk Terperinci Pembangunan Kampong Baru dan Garis Panduan Pembangunan Hartanah Kampong Bharu (Edisi ke-2) tidak dapat digunakan dan dirujuk setelah berlakunya perubahan Datuk Bandar yang baharu Yang Berbahagia Datuk Haji Mhd. Amin Nordin Bin Abdul Aziz. Hal ini kerana beliau cuba membawa teras perubahan yang baharu dalam membangunkan Kampong Bharu itu.

Kesimpulannya, Hatta Azad Khan menyuntik isu-isu sosial dengan cara tersendiri. Pengolahan dan gaya persembahan disampaikan penuh dengan estetik dan dramatik. Jadi penonton harus peka apabila menonton, melihat dan membaca karya beliau kerana gaya penyampaian yang santai tetapi penuh dengan filosofi. Maka ianya mudah untuk difahami oleh setiap golongan dan peringkat usia. Namun kesedaran dalam memahami konteks mesej yang disampaikan perlu ada dalam setiap penonton mahupun pembaca.

Bukan itu sahaja, Hatta Azad Khan mengkritik sesuatu isu penuh dengan gaya dan maklumat. Seajar dengan latar belakang beliau yang merupakan seorang ahli akademik mampu memberi komentar dengan bernas. Malahan setiap komentar yang diutarakan dapat membantu peminat untuk berfikir dengan lebih jauh lagi.

Maka tidak hairan sehingga ke hari ini, setiap karya beliau masih dipersoalkan dan diperdebatkan. Beliau mencipta dan mereka sesebuah drama penuh dengan isu yang malar segar. Contohnya dalam filem Wayang, ianya sarat dengan falsafah ditujah dengan persoalan dan bayangan persoalan cinta yang sejati. Kisahnya digambarkan melalui dua simbolik yang cukup jelas iaitu anak muda yang masih mahu menuntut untuk bermain permainan tradisional iaitu wayang kulit. Hal ini jelas bahawa cinta sejati wujud sejak dulu lagi sehingga ke hari ini, maka wayang kulit digambarkan sebagai satu medium pada zaman dahulu kala manakala watak dan perwatakan itu dihidupkan menandakan medium pada zaman sekarang. Maka Hatta Azad Khan tidak dapat lari dari menghasilkan sesebuah karya yang penuh dengan tanda dan petanda⁴.

Pengkaji juga melihat keratan-keratan akhbar secara di atas talian untuk melihat perkembangan semasa berkaitan dengan Kampung Bharu. Oleh yang demikian sila rujuk lampiran untuk melihat secara keseluruhannya.

B) DATA RESPONDAN TERHADAP KARYA MUZIKAL KAMPUNG BARU DAN KAMPONG BHARU

Kajian ini turut melibatkan temubual di mana pengkaji telah menemubual Hatta Azad Khan sendiri. Selain daripada itu pengkaji turut menebual beberapa responden yang pernah terlibat secara langsung dengan beliau seperti Puan Umi Kalsom, Encik Hamzah Tahir dan Dr. Nur Afifah Vanitha Abdullah, Tuan Haji Shamsuri Bin Haji Suradi dan Ahmad Rafizal Bin Abdul Rahman. Dengan adanya temubual ini sedikit sebanyak dapat

⁴ Sila rujuk lampiran keratin akhbar dan majalah.

membantu pengkaji melihat peranan dan ketokohan Hatta Azad Khan dalam menghasilkan Muzikal Kampung Baru.

Jadual 3.7: Temuramah yang dijalankan oleh pengkaji kepada beberapa orang responden.

RESPONDEN	KOMENTAR
Hatta Azad Khan	Hatta Azad Khan (2013) merupakan seorang ahli akademik yang mempunyai wawasan yang begitu besar. Beliau mengimpikan kejayaan anak-anak muda zaman sekarang yang terlibat dalam bidang seni persembahan untuk terus maju dan berjaya. Meletakkan diri sebagai seorang ahli akademik tidak bermakna beliau membelakangi kegiatan seperti penulisan, menghasilkan teater mahupun filem. Sebagai seorang penulis, kebanyakan karya-karya beliau diambil daripada kisah kehidupan sekelilingnya. Kesemuanya itu pernah dilalui, dirasai dan didengari oleh beliau. Kisah kehidupan ini merupakan satu bentuk yang <i>timeless</i> di mana permasalahan itu tidak akan ada ada penghujungnya. Kisah yang mengangkat kehidupan ini merupakan sifat kemanusiaan yang tidak akan habis dan putus sehingga akhir zaman.
Dr. Nur Afifah Vanitha Abdullah	Hatta Azad Khan seorang yang mempunyai kelas tersendiri. Pemikiran beliau yang sangat tinggi sukar untuk difahami. Setiap kata-kata beliau mempunyai makna yang begitu mendalam. Beliau seorang yang menyusun kata-kata dan penuh dengan makna. Sifat beliau ini turut jelas kelihatan di dalam naskah-naskah beliau yang melahirkan dialog-dialog penuh dengan filosofi. Beliau mempunyai pegangan, pendirian, pandangan tersendiri untuk maju ke hadapan. Beliau merupakan seorang yang <i>family man</i> dan suka berjenaka. Jadi tidak hairan di dalam naskah beliau terdapat unsur-unsur jenaka diselitkan. Jenaka yang ditonjolkan bukan jenaka-jenaka murahan tetapi suatu bentuk jenaka menyengat.
Hamzah Bin Tahir	Beliau menegaskan bahawa Hatta Azad Khan mempunyai satu pandangan yang melangkaui masa depan. Sentiasa mahu ke hadapan untuk menjadi yang terbaik. Sebagai seorang akademik beliau ingin melihat sebuah akademik seni persembahan yang <i>solidi</i> . Menjadikan seni persembahan sebagai satu industri kreatif yang dapat diterima ramai dan dihargai sepenuhnya. Hatta Azad Khan merupakan seorang yang lengkap ilmunya dalam bidang ini kerana beliau bukan sahaja kreatif dalam bidang penulisan tetapi beliau juga boleh melukis, mengarah teater, mengarah filem, ketua dalam sesebuah organisasi dan seorang <i>practitioner</i> dalam industri kreatif ini. Maknanya beliau mempunyai latar belakang yang kuat dalam industri kreatif. Beliau sudah jauh menjelajah dunia untuk melihat dengan sendiri perkembangan industri kreatif ini. Maka tidak hairan beliau begitu kukuh dalam bidang seni persembahan ini.

Jadual 3.7, sambungan: Temuramah yang dijalankan oleh pengkaji kepada beberapa orang responden.

RESPONDEN	KOMENTAR
Umi Kalsom Binti Ahmad	Hatta Azad Khan mempunyai <i>trademark</i> yang tersendiri dalam berkarya. Kebanyakan cerita-cerita beliau mengangkat golongan-golongan marhaen di mana dasar penindasan itu bukan disebabkan oleh feudalisme tetapi oleh desakan semasa. Selain itu juga Hatta Azad Khan ini karyanya bersifat prolifik di mana ada keteguhan dalam berkarya. Pemikirannya sejajar dengan zaman dan umurnya menyebabkan karya-karya beliau kelihatan matang dan kritikal. Malahan karya-karya beliau ini mempunyai nilai dalam satu bentuk <i>hybridity</i> bagi menjadikan cerita itu kelihatan santai dan sedikit kompleks. Secara fizikal beliau bukan seorang yang kelihatan suka berjenaka tetapi karya-karya beliau penuh dengan kecindan dari segi dialog-dialognya. Kacindan yang bersifat satira merupakan <i>trademark</i> Hatta Azad Khan.
Ahmad Rafizal Bin Abdul Rahman	Ketua Unit Komunikasi Korporat di Pembangunan Perkampungan Kampong Bharu (PKB). Beliau menjelaskan tentang peranan PKB sebagai satu badan organisasi yang bertujuan untuk membangunkan Kampong Bharu. Selain daripada itu juga beliau turut menjelaskan beberapa pelan strategik yang telah dirancang untuk membangunkan kawasan Kampong Bharu. Malahan pelan strategik itu juga turut memberi keuntungan yang berlipat kali ganda untuk penduduk Kampong Bharu dengan ada program melibatkan penduduk setempat dalam memberi kursus-kursus pendek yang berkaitan dengan perniagaan.
Tuan Haji Shamsuri Bin Haji Suradi	Setiausaha Kehormat Malay Agricultural Settlement. Beliau ada menyatakan bahawa Kampong Bharu memerlukan perubahan tetapi perubahan itu perlu diperjelaskan dengan secara terperinci. Jadi buat masa ini mereka cuba memperlewatkan pembangunan untuk mendapatkan perancangan yang lebih menjurus kepada pembangunan kehidupan orang Melayu itu sendiri. Bukan mudah untuk melakukan perubahan di Kampong Bharu kerana masih ada masalah dalaman dan sampingan yang belum selesai dan perlu diselesaikan khususnya permasalahan hak milik tanah. Ada sebahagian tanah masih belum mempunyai pemilik. Hal ini kerana pemilikan hak milik tanah di Kampong Bharu diuruskan sepenuhnya oleh M.A.S. Setiap penduduk yang masuk, keluar, membuat perubahan rumah, kematian, tukar hak milik tanah akan direkodkan dalam 'buku khas' serta diminitkan. Keistimewaan Kampong Bharu ini ialah kerana ia mempunyai akta yang tersendiri di mana telah di wartakan pada tahun 1900-an dan sehingga ke hari ini masih digunakan (sila rujuk lampiran yang berkaitan dengan Federation of Malaya Government Gazette). Sekiranya hak milik tanah tidak mahu akan milik tanah tersebut, tanah tersebut akan dipulangkan kembali kepada pihak M.A.S selain boleh ditukar dan dipindah milik kepada pewaris yang sepatutnya. Sekarang ini penjualan tanah sudah dibenarkan tetapi

Jadual 3.7, sambungan: Temuramah yang dijalankan oleh pengkaji kepada beberapa orang responden.

RESPONDEN	KOMENTAR
	<p>masih tertakluk dengan rang undang-undang yang telah ditetapkan dengan merujuk kepada Federation of Malaya Government Gazette di mana pemilik baru itu harus berstatus Melayu keutamaannya. Mengikut perkembangan sejarah Kampong Bharu ini juga, penduduk di sini memberi sumbangan kepada perkembangan Kuala Lumpur. Etnik-etnik yang pada asalnya berketurunan Jawa, MinangmRawa sudahpun menetap di kawasan Kampong Bharu dan mereka duduk dalam kelompok bangsa sendiri. Jadi setiap tujuh kampung yang wujud di Kampong Bharu itu mempunyai etnik tersendiri seperti di Kampung Paya penduduknya berbangsa Jawa. Sekarang ini berlakunya perpindahan dan kemasukan warga asing di Kampong Bharu adalah disebabkan oleh perkembangan keluarga, Disebabkan ahli keluarga yang ramai dan mempunyai pendidikan yang tinggi maka tidak hairan ramai generasi-generasi sekarang ini mula berpindah untuk mendapatkan kehidupan yang lebih sempurna. Jika dilihat sekarang ini penduduk-penduduk di Kampong Bharu ramai yang terdiri daripada penyewa luar tetapi pemilikan hak tanah masih dimiliki oleh pemilik asalnya. Mereka menyewa kepada orang luar adalah disebabkan faktor kepadatan dan perkembangan keluarga.</p>

C) DATA INFO KAMPONG BHARU (2015)



Gambar 3.1: Jalan raya di kawasan Kampong Bharu, Kuala Lumpur
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)



Gambar 3.2: Keadaan rumah yang terdapat di kawasan Kampong Bharu, Kuala Lumpur
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)



Gambar 3.3: Gerai makan yang terdapat di kawasan Kampong Bharu, Kuala Lumpur
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)




Gambar 3.4: Kedai-kedai yang terdapat di kawasan Kampong Bharu, Kuala Lumpur
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)

Kelihatan persekitan kawasan Kampong Bharu pada ketika ini iaitu tahun 2015. Walaupun teks drama tersebut telah ditulis pada tahun 2007 namun gambaran yang dinytakan oleh Hatta Azad Khan masih kelihatan jelas hingga ke hari ini. Tidak ada sebarang perubahan ketara berlaku walaupun setelah lapan tahun berlalu.

D) DATA INFO FEDERATION OF MALAYA GOVERMENT GAZETTE

No....3).....in MASK' ... 14.../49
Federation of Malaya
Government Gazette


Government of Selangor
Published by Authority

No. 2] KUALA LUMPUR, THURSDAY, 18th JANUARY, 1951 [Vol. IV

CONTENTS.

No.	Subject.	Page.	No.	Subject.	Page.
<i>Supplement to Gazette No. 1—January 4, 1951.</i>					
Courts Ordinance :			45 Appointment under		16
29 Appointment under		7	Hindu Marriage Registration Enactment :		16
Drainage Works Enactment :			46 Appointment under		16
30, 31 : Appointments under		7	Land Acquisition Enactment :		
Emergency Regulations :			47 Declaration under section 6 (1)		16
32 Clearance (Ulu Selangor) Order		8	48 Notification that land is likely to be needed:		16
			Section 4 (1)		16
33 Value of <i>jelutong</i> for assessment of royalty		8	Land Code :		
<i>Second Supplement to Gazette No. 1—January 5, 1951.</i>					
Delegation of Powers Enactment :			49 Declaration of villages		17
34 Delegation under section 2		9	50 The Malay Agricultural Settlement (Kuala Lumpur) Rules, 1950		18
Emergency Regulations Ordinance :			51 Appointment under		19, 20
35 Selangor Controlled Area Order (No. 4)		9	52-54 : Notices under section 37 (vi)		19, 20
Town Boards Enactment :			55-57 : Notices of loss of issue document of		20
36 Amendment to Approved Plan of the Town of Kuala Lumpur		10	titles		20
<i>Third Supplement to Gazette No. 1—January 11, 1951.</i>					
Appointment :			58 Proposed revocation of reserve		20
37 Assumption of duty in the post of Nursing Sister by Miss C. M. Sturch		11	59 Reservation of land for a public purpose		20
Land Acquisition Enactment :			60 Result of sale of land		20
38 Declaration under section 6 (1)		11	61, 62 : Warnings against traffic in land		20, 21
39 Notification that land is likely to be needed. Section 4 (1)		12	Malay Reservations Enactment :		
Pilots Enactment :			63 Declaration under		21
40 Members of the Selangor Pilot Board under		12	Town Boards Enactment :		
41 Kuala Lumpur Municipality—Supplemental Budget No. 7/1950		13	64 Kuala Lumpur Municipal Notice		22
			Water Supply Enactment :		
			65 Water Supply (Selangor) (Charges) (Amendment No. 3) Rules, 1950		22
TENDERS INVITED.					
TENDERS ACCEPTED.					
GAZETTE No. 2—JANUARY 18, 1951.					
42 Prorogation of the Council of State		16	66 By-laws for the Occupation and Management of the Malay Agricultural Settlement, Kampong Bharu, Kuala Lumpur		22
Appointments :			67 State Drainage and Irrigation Advisory Committee		24
43 Mr. R. L. Walker to be a Pupil Engineer, Drainage and Irrigation Department, Selangor		16	68 Engineers' Examination : dates of		24
44 Corrigendum <i>re</i> Gazette Notification No. 3 of 1951		16	69 Designers' Examination : dates of		24
			70 Engine Drivers' Examinations : dates of		24
			NOTIFICATIONS REPEATED.		
			TENDERS INVITED.		

Gambar 3.5: Federation of Malaya Government Gazette (Sumber: Kajian lapangan pengkaji)

Federation of Malaya Government Gazette ini merupakan akta undang-undang yang telah diwartakan seawal penubuhan kawasan Kampong Bharu oleh pihak British. Kesemua akta dan peraturan sudah termaktub seperti yang dinyatakan. Maka pihak M.A.S berkuasa sepenuhnya ke atas kawasan Kampong Bharu.

E) DATA INFO BERKAITAN DENGAN MALAY AGRICULTURAL SETTLEMENT

Malay Agricultural Settlement telah ditubuhkan pada 12 Januari 1900 oleh Kerajaan Federated Malay State dengan tanah pengurniaan oleh Sultan Selangor iaitu Sultan Abul Samad dengan keluasan 223 ekar bersempadankan di utaranya kini dikenali Jalan Raja Muda Abdul Aziz (Princess Road), di sebelah Jalan Dang Wangi (Campbell Road), di baratnya kini Jalan Tuanku Abdul Rahman dan di timurnya Sungai Klang.


Terdapat tujuh buah kampung kecil di Kampong Bharu iaitu Kampong Hujung Pasir, Kampong Periok, Kampong Masjid, Kampong Paya, Kampong Pindah, Kampong Atas A, Kampong Atas B yang diketuai oleh wakil-wakil Kampong. Malay Agricultural Settlement yang ditadbirkan oleh satu badan “Board of Management” yang kini lebih dikenali dengan nama “Lembaga Pentadbiran (M.A.S) Kampong Bharu” bertanggungjawab mengenai segala urusan pentadbiran sehingga kini walaupun dengan Pengistiharaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 1 Februari 1974 oleh Kerajaan Pusat.

Penempatan ini khusus untuk orang Melayu yang datang dari Kepulauan Melayu, Islam sebagai agama mereka, bercakap Melayu dan membudayakan adat Melayu dan orang yang mengisytiharkan sebagai Melayu oleh lembaga M.A.S. Selain daripada itu tujuan penempatan ini ditubuhkan adalah untuk pertama; menggalakkan pertanian di kalangan orang Melayu, kedua; mengambil bahagian dalam menguruskan pentadbirannya sendiri, dan ketiga; mengambil peluang ekonomi yang ada pada zaman tersebut, dengan galakan

pembelajaran Inggeris di kalangan anak Melayu serta penglibatan dalam bidang perniagaan.

Formasi pentadbiran Lembaga Pentadbiran (M.A.S) Kampong Bharu ialah:

- i) Penempatan ini di bawah kelolaan Lembaga yang terdiri daripada 11 Ahli Jemaah
- ii) Empat (4) Ahli Lembaga yang dilantik oleh Menteri besar adalah Naib Yang Dipertua, Setiausaha Kehormat, Bendahari Kehormat, Penasihat Bangunan dan Penasihat Kesihatan.
- iii) Tujuh (7) Ahli Lembaga yang dilantik terdiri daripada Pewaris dari setiap Wilayah (Kampong)



Rajah 3.1: Formasi pentadbiran Lembaga Pentadbiran (M.A.S), Kampong Bharu, Kuala Lumpur

3.2 KERANGKA TEORI

3.2.1 TEORI MARXISME

Marxisme adalah fahaman atau ideologi tentang kehidupan dan kepercayaan bahawa sosio ekonomi adalah penentunnya. Teori ini mengeaskan bahawa kehidupan manusia yang sangat bergantung dan ditentukan oleh sistem sosio ekonomi yang ada di dalam kelompoknya. Maka di sini Marxis melihat sejarah dan budaya serta kegiatan ekonomi masyarakat adalah sangat relevan dan bergantung antara satu sama lain untuk memahami sesuatu masyarakat. Kehidupan masyarakat juga yang berkait rapat dengan politik, ekonomi, budaya dan sejarah. Disebabkan teori ini banyak menimbulkan persoalan sosial masyarakat maka ianya begitu relevan dalam menjelaskan kemunculan fenomena sastera.

Di dalam teori ini ianya membincangkan persoalan berkaitan dengan sosial dan masyarakat, ideologi dan struktur sosial. Menyentuh tentang sosial di dalam kesusteraan, secara tidak langsung akan membicarakan tentang sistem sosial, persekitaran masyarakat dan pemikiran pengarang yang menghasilkan karya tersebut. Maka di situlah letaknya signifikasi teori marxisme ini pada asalnya sebuah teori ekonomi bagi menjelaskan hubungan kesusteraan dengan elemen sosial.

Masyarakat bersifat dialektik dan dinamik maka akan berlakunya pertentangan kelas sosial. Jadi untuk memahami teks kesusteraan ianya harus dikaji dengan memberi permerhatian dan perincian yang tinggi terhadap aspek dialektik. Sosio ekonomi dijadikan

sebagai penentu ekonomi mutlak. Sosial masyarakat ditentukan secara mutlak oleh unsur sosio ekonomi. Maka asas sosio ekonomi yang menentu karya. Karya kesusteraan pula adalah gambaran tentang apa yang ada dalam sosio ekonomi.

Pendapat dalam tulisan Karl marx merupakan satu sumbangan besar terhadap kajian ekonomi dan masyarakat. Namun perkara yang lebih penting ialah kajian tentang pendekatan konflik dan pertentangan kelas dalam masyarakat disebabkan oleh ketidakadilan dalam ekonomi memberikan kehidupan manusia itu perlu dikrekonstruksi demi kebaikan bersama (Cashmore, Ellis & Rojek Chris, 1999: 345 – 347).


Marx juga ada menyatakan pandangan bahawa di dalam masyarakat itu kuasa dan kekayaan tidak dibahagikan sama rata. Maka disebabkan itu berlakunya konflik dalam kehidupan sosial masyarakat. Oleh sebab itu perkembangan manusia dibangunkan atau berkembang atas sebab konflik. Berlakunya perkembangan atau perubahan sosial itu amatlah penting tetapi perubahan itu sepenuhnya dipengaruhi oleh ekonomi. Tegasnya Marx menyifatkan bahawa jika golongan borjuis itu berkuasa penuh terhadap ekonomi secara tidak langsung akan berlaku penyekatan dan penekanan terhadap golongan proletar. Hasilnya wujud pelbagai fenomena sosial pertentangan kelas dan dimanifestasikan ke dalam kesusteraan (Osborne, Richard & Van Loon Borin, 1998).

Kesusteraan akan dapat difahami dengan betul dan tepat hanya dalam ruang lingkup pemahaman terhadap realiti sosial. Realiti adalah satu konsep yang luas. Dalam memahami kesusteraan tidak akan sempurna jika ianya dipisahkan dari realiti masyarakat. Realiti mempunyai latar yang jelas dan berstruktur. Struktur ini pula mempunyai bentuk yang

khusus. Bentuk ini disifatkan sebagai perjuangan kelas sosial dengan pengeluan ekonominya. Realiti di dalam teks adalah cerminan realiti dalam masyarakat. Jadi karya kesusteraan pula adalah gambaran (cerminan) tentang apa yang ada dalam sosio ekonomi (Abdul Halim Ali, 2013: 60).

Namun begitu, Forgacs D menyatakan teori Marxisme telah dikembangkan oleh pengikut-pengikutnya. Mereka menjana teori Marxisme tanpa mengubah konsep asal teori. Aliran teori Marxisme moden dapat dilihat melalui lima model yang diperkenalkan oleh pengkaji seperti George Lukacs, Peire Macherey, Lucien Goldman, Theodor W. Adorno dan Julia Kristeva. Kesemua model ini menghubungkan kesusteraan dengan realiti sosial dan kesemuanya mempunyai hubung kait antara satu sama lain (Jeffeson A & Robey D, 1988).

Bagi Mana Sikana (2012), Sastera adalah realiti kehidupan dan realiti kehidupan itu pula dinyatakan secara jelas dalam kesusteraan secara berseni. Hal ini jelas menunjukkan bahawa realiti kehidupan merupakan satu aspek penting dalam peranannya mengembangkan kesusteraan tersebut. Teori Marxis tetap menekankan bahawa realiti kehidupan yang tidak boleh diasingkan dengan penghasilan kesusteraan itu. Namun begitu peranan kekreatifan pengarang dalam penghasilan sastera itu penting untuk mengadunkan bahan-bahan yang dijadikan sebagai subjek menjadi karya yang bermutu dan asli. Jadi sastera itu merupakan fiksyen berorientasikan kehidupan manusia yang telah diambil dan diatur kembali seperti realiti sebenar (p. 261 -262).



Rajah 3.2: Ringkasan bagi pandangan Teori Marxisme

3.2.2 MODEL TEORI MARXISME

Di dalam Teori Marxisme ini wujudnya lima model pendekatan bagi memudahkan kefahaman terhadap pengaplikasian Teori Marxisme ini. Teori ini kemudiannya diperkembangkan oleh lima orang tokoh yang meneruskan fahaman Marxisme ini. Dikemukakan oleh lima tokoh moden iaitu George Lukacs – “Model Pecerminan”, Piere Macherey – “Model Penerbitan”, Lucien Goldman – “Model Genetik”, Theodor W. Adorno – “Model Pengetahuan Negetif” dan Julia Krister “Model Berpusatkan Bahasa”.

Pengkaji memilih Model Pencerminan kerana ianya lebih dekat untuk mengkaji pemikiran Hatta Azad Khan di dalam teks drama Muzikal Kampung Baru. Model Pencerminan merujuk kepada pencerapan secara realiti. Realiti yang dimaksudkan merupakan realiti yang mempunyai bentuk dan bersifat dialetik. Bagi menjadikan realiti ini tercermin di dalam kesusteraan, ianya harus melalui proses kreatif dan penulisnya harus memainkan peranan penting untuk mengayak bentuk karya tersebut menggambarkan atau mencerminkan dalam bentuk dunia realiti yang sebenarnya. Bentuk inilah yang membezakan antara karya yang realis ataupun karya kreatif.

3.2.2.1 Model Pencerminan

Model Pencerminan juga dikenali sebagai Model Peniruan. Karl Marx menganggap kesusteraan sebagai cerminan realiti dalam masyarakat. Hal ini bererti hasil kesusteraan itu sebenarnya mencerminkan tentang realiti sebenar kehidupan masyarakat. Dengan pengertian lain, kesusteraan itu mengambil sepenuhnya tentang kehidupan realiti dan

bukannya satu rekaan. Model Pencerminan ini dikemukakan oleh George Lukacs (1983). Cerminan tidak bermakna kesusteraan sebagaimana mencerminkan realiti tetapi realiti yang dimaksudkan ialah realiti yang mempunyai bentuk. Realiti ini tergambar daripada keseluruhan diakletik. Dalam merealisasikan realiti ini maka haruslah melalui proses kreatif dan pengarang memainkan peranannya untuk menghasilkan bentuk karya yang mencerminkan bentuk dunia sebenar.

Sekali Lukacs (1976) menyatakan bahawa sifat atau ciri-ciri kesusteraan juga dilihat secara strukturalnya. Bukan sekadar membandingkan realiti yang diambil secara keseluruhan dan diletakkan ke dalam sastera tersebut tetapi harus juga dilihat peranan penulis yang mengasimilasikan pemilihan watak, tema serta isu-isu yang diketengahkan. Penghasilan kesusteraan itu sedikit sebanyak dipengaruhi oleh kreativiti penulis itu sendiri.

3.3 KESIMPULAN

Teori Marxisme menekankan bahawa realiti kehidupan manusia itu sepenuhnya bergantung terhadap perubahan ekonomi. Kebergantungan kehidupan sosial masyarakat terhadap ekonomi secara tidak langsung akan mewujudkan konflik-konflik kehidupan yang akan membawa perubahan dan seterusnya akan mencorak satu bentuk kebudayaan yang baru. Hal ini dilihat oleh Karl Marx bahawa wujudnya kesusteraan yang direka itu sebenarnya menceritakan tentang kehidupan manusia sejagat. Karl Marx juga ingin menyatakan bahawa pola kehidupan dan ekonomi merupakan tunjang utama atau *turning point* kepada jalan kehidupan manusia di muka bumi ini. Jadi apa sahaja cerita yang ditulis

dalam bentuk kesusteraan itu pasti ceritanya tidak akan lari dari konflik yang berpunca daripada sosio ekonomi.

Oleh yang demikian, di dalam kajian ini pengkaji melihat teori Marxisme dengan menggunakan Model Cerminan menepati ciri-ciri melihat pemikiran Hatta Azad Khan dalam Muzikal Kampung Baru. Justeru itu, kajian ini ingin melihat persamaan antara Muzikal Kampung Baru dan realiti sebenar di Kampong Bharu mempunyai satu perkaitan yang rapat bahawa Hatta Azad Khan mengolah cerita tersebut berdasarkan realiti kehidupan yang sebenar. Kerumitan dan konflik diambil juga dari kisah benar dan dilihat bahawa faktor ekonomi mempengaruhi kehidupan.

BAB 4 PEMIKIRAN HATTA AZAD KHAN DALAM DRAMA MUZIKAL
KAMPUNG BARU

4.1 PENGENALAN

Freud menyatakan bahawa wujudnya dua peranan simbolisme dalam menghasilkan sesebuah karya. Pertama; simbolisme secara sengaja dan sedar. Kedua; secara tidak sengaja dan tidak sedar. Simbolisme merupakan suatu bentuk pemikiran yang bersifat peribadi. Namun begitu, apabila simbolisme itu diterjemahkan sama ada dalam bentuk lakon mahupun perkataan perkara ini akan membentuk simbolisme sekunder. Simbolisme sekunder merupakan penilaian pemikiran ketidaksedaran simbolisme secara sedar (Richard Courtney, 1991). Maknanya sebagai pengkritik ataupun pengkaji, memahami simbolisme itu merupakan pencerapan kedua yang cuba dirungkai untuk melihat di sebalik simbolisme yang dicipta oleh penulis mahupun pengkarya.

Bagi Lichte, teks ataupun drama merupakan sebuah hasil karya penulisan yang cukup kreatif dan artistik. Teks artistik ini mengandungi suatu makna lengkap dengan struktur yang kompleks di mana semua elemennya membawa makna. Jadi teks ini mempunyai dua implikasi iaitu pertama; dapat diinterpretasi dan keduanya; berfungsi sebagai satu wahana yang pembawa makna. Maka teks kreatif ini harus diberi penilaian kerana ianya bersifat semantik (Nur Sahid, 2004).

Rene Wellek (1973), menyifatkan drama itu sebagai satu objektif yang disampaikan dalam kelompok masyarakat kontemporari. Mana Sikana (2009), dramatis mengangkat

peristiwa masyarakat sezaman sebagai bahan karya dan drama dijadikan alat untuk memperbaiki taraf hidup individu dan masyarakat. Peristiwa serta konflik yang diwujudkan di dalam drama tersebut dipilih dan kemudian disusun mengikut kesesuaian kerana adanya limitasi dalam menghasilkan sesebuah karya yang bertulis.

Peranan drama adalah menghimpun kisah kehidupan dalam satu masa tertentu yang diberikan pengisian secara dramatik. Bahkan drama ini bukan hanya sekadar untuk menyampaikan mesej tetapi satu peringatan atau petanda tentang pola kehidupan sama ada yang telah terjadi ataupun yang akan terjadi. Hal ini kerana wujudnya drama yang berkaitan dengan ketuhanan di mana 'akal' kita tidak mampu untuk melangkaui satu batasan alam yang lain. Walaupun begitu akal merupakan satu mesin transformasi dalam memberi nilai sesuatu perkara.

Drama itu sesuatu yang hidup di dalamnya. Kehidupan itu mula bermain apabila ada pembacanya. Pembaca pula akan memberi roh terhadap watak-watak yang ada di dalamnya. Secara tidak langsung, plot cerita akan seiring dengan perjalanan watak itu. Jalan ceritanya sudah ditulis oleh pengarangnya tetapi pembaca akan berimajinasi dan berfikir untuk menjadikan ianya lebih menarik. Seolah-olah drama itu merupakan satu bentuk ketentuan kehidupan yang sudah tertulis.

4.2 TEKS MUZIKAL KAMPUNG BARU REFLEKSI KEHIDUPAN ORANG MELAYU DI KAMPONG BHARU

Dari kaca mata Hatta Azad Khan, kisah kehidupan manusia ini tidak mempunyai penghujungnya. Kehidupan golongan rakyat marhaen ini dilihat sebagai kisah kehidupan yang begitu menarik untuk dilihat sebagai pengajaran. Penindasan, kezaliman, kemiskinan, perebutan tanah, kerosakan budaya dan agama sering terjadi di dalam golongan rakyat marhaen. Hatta Azad Khan boleh disifatkan sebagai seorang pemikir dalam mengarang sebuah ceritera. Hal ini kerana Hatta Azad Khan begitu cenderung menyuarakan tentang permasalahan rakyat setempat tidak kira dari segi politik, ekonomi dan juga sosial. Jadi itulah kelebihan Hatta Azad Khan dalam mengadunkan cerita-cerita ini di dalam sebuah naskah kreatif. Maka secara tidak langsung pembaca mahupun penonton akan lebih mudah untuk menghayati isu dan persoalan yang cuba dibangkitkan oleh beliau sama ada secara tersurat ataupun tersirat. Pemikiran yang dipaparkan oleh Hatta Azad Khan berkaitan dengan kehidupan masyarakat setempat khususnya permasalahan dalaman negara cukup menjadi wasitah masyarakat marhaen.

Dalam Muzikal Kampung Baru, Hatta Azad Khan membentangkan kepada masyarakat tentang sebuah drama yang menunjukkan identiti yang tersendiri. Hal ini kerana drama ini bukan hanya sekadar sebuah coretan biasa tetapi drama itu merupakan sebuah seni tulisan yang digubah secara eklektik dengan adanya unsur-unsur sarkastik dan sinikal.

Menurut Nordin Hassan perkara yang penting dalam sesebuah drama yang baik ialah pemikiran serta *world view* yang hendak disampaikan serta tema yang hendak

dibangkitkan. Drama yang bersifat interogatif iaitu dengan melihat falsafah, paradigma dan konsep yang tersembunyi di sebalik tabir cerita itu merupakan matlamat yang paling penting dan bukannya melihat jalan ceritanya (Halilah Haji Khalid, 2007).

4.2.1 KAMPUNG BARU UNTUK ORANG MELAYU

Secara kontekstualnya drama Muzikal Kampung Baru ini merupakan satu radikal tentang keseluruhan yang terjadi di dalam Kampong Bharu. Dengan gaya aliran realisme yang diberi nafas dalam bentuk muzikal, Hatta Azad Khan mendapat kekuatan daripada subjek sejarah (kisah sebenar). Berketepatan dengan fakta serta penyelidikan, Hatta Azad Khan sedar bahawa kisah-kisah benar ini mampu memberi impak dan kesedaran.

Dalam Muzikal Kampung Baru jelas menunjukkan bahawa Kampung Baru hanya untuk orang Melayu. Selain daripada itu juga Kampung Baru mempotretkan kehidupan orang Melayu yang hidup mundur dan ditindas oleh arus kemodenan. Hal ini dapat dilihat dengan kemudahan infrastruktur yang tidak terurus, keadaan rumah yang usang, tandas di luar rumah serta deretan kedai yang tidak terurus.

Rentetan daripada permasalahan yang dihadapi oleh penduduk Kampong Bharu, Hatta Azad Khan sebenarnya menghantar mesej tentang beberapa konflik yang runyam iaitu menjadi konflik utama dalam membangunkan Kampong Bharu selepas merdeka. Sikap penduduk kampung, taburan janji-janji kosong oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab serta permasalahan perwarisan tanah rezab orang Melayu menjadi isu

yang dibangkitkan oleh Hatta Azad Khan di dalam teks ini. Melayu di sini merujuk kepada *Federation of Malaya Government Gazzete* ialah:

“Malay means a person belongings to any Malay race who habitually speaks the Malay language, professes the Muslim religion and practises Malay customs and a person approved by the Board as a Malay”.

Secara jelas Hatta Azad Khan sebenarnya memperkatakan tentang Kampong Bharu itu adalah hak milik kekal orang Melayu sepertimana yang termaktub di dalam perlembagaan di dalam Enakmen Tanah 1987. Tanah di Kampong Bharu tidak boleh dijual dan ditukar milik kepada orang luar kerana Lembaga Pentadbiran Malay Agricultural Settlement mempunyai hak sepenuhnya terhadap tanah di Kampong Bharu tersebut. Maka orang Melayu itu sudah diberi satu keistimewaan dan kelebihan dalam membangunkan Kampong Bharu kerana ianya terletak di tengah-tengah kota metropolitan. Namun perkara yang sebaliknya berlaku apabila Kampong Bharu itu kelihatan seperti sebuah kampung setingan yang terletak di tengah-tengah bandar raya. Jadi di kesempatan itu Hatta Azad Khan menggunakan kreativitinya dengan menjadikan permasalahan-permasalahan dalaman yang berlaku di dalam Kampong Bharu untuk menghangatkan lagi isu yang sedia ada.

Oleh yang demikian, permasalahan dalaman seperti mana yang dinyatakan oleh Tuan Haji Shamsuri Bin Haji Suradi⁵, Setiausaha Kehormat M.A.S seperti pemilikan tanah, penamaan tanah, tanah yang masih belum dimiliki, merupakan masalah-masalah yang perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum pihak kerajaan ingin membangunkan Kampong Bharu. Penduduk Kampong Bharu memerlukan perubahan tetapi perubahan itu haruslah

⁵ Sila rujuk komentar Tuan Haji Shamsuri Bin Haji Suradi yang telah dirumuskan oleh pengkaji di muka surat 59 – 60.

bersesuaian dan menepati keperluan penduduk Kampong Bharu dan bukannya perancangan mega yang akhirnya membelakangi hak dan kepentingan penduduk Kampong Bharu.

Menerusi Muzikal Kampung Baru dipaparkan dialog-dialog yang menekankan bahawa Kampung Baru hanya untuk orang Melayu. Ini bermakna Kampung Baru itu tidak boleh diduduki oleh orang bukan Melayu. Berbalik kepada *Federation of Malaya Government Gazzete*, Kampong Bharu merupakan sebuah penempatan khas dan khusus yang telah diberikan oleh pihak British kepada rakyat Melayu tempatan. Di sini dapat dilihat bawa Hatta Azad Khan juga bersetuju dengan penilikan tanah di Kampong Bharu itu hanya untuk orang Melayu. Maka di dalam Muzikal Kampung Baru, dapat dilihat bahawa Hatta Azad Khan memberi penekatan bahawa Kampung Baru hanya untuk orang Melayu.

ROSEMERA

Begitulah ceritanya. Maka Kampung Baru kampung Melayu ini terus memburuk dan melayu. Janji akan lebih baru rupanya tambah bercelaru. Impian untuk maju jadi makin terharu. Harapan untuk jadi lebih tentu mula jadi buntu. Komuniti tikus tambah membiak dan semakin sihat, segar dan semakin besar. Ertinya janji pembangunan menawan tidak juga menjadikan kampung dalam kota ini terkemas kini dan tersuci murni. Saya tahu sangat kerana budak-budak sayalah yang menjadi perakam sejarah. Merakam segala ucapan yang terkandung segala macam janji, janji lunak dan janji terlajak, merakam segala bencana alam, merakam segala aktiviti lalat, lipas, tikus, anjing dan kucing yang menyelongkar tong dan timbunan sampah tepi jalan!

(Muka surat: 5)

ROSEMERA

Inilah Kampung Baru. Kampung Melayu dalam kota metropolitan Kuala Lumpur. Sudah dihubungkan dengan stesen kereta api bawah tanah. Tapi kerana pembangunannya tidak setara dan ekonominya lembap, jadilah stesen itu yang paling sunyi!!

(Muka surat: 6)

HAJI PALAWAN

Tak ada! Tak ada! Kampung Baru ni khas untuk orang Melayu saja! Jangan nak memandai-mandai! Orang Melayu beragama Islam.

(Muka surat: 21)

HAJI PALAWAN

Kita bercakap pasal Kampung Baru di Kuala Lumpur, di Malaysia. Ini kampung orang Melayu.

(Muka surat: 21)

GULAM RUSSEL

Saya bukan nak serahkan kampung ni pada orang lain! Saya cuma nak majukan kampung ni! Tapi sebelum tu, saya ada satu pengumuman: nama Kampung Baru akan ditukar menjadi Kampung Buruk! Sebabnya dah tak ada apa yang baru di sini, semuanya buruk, lapuk, busuk, berhabuk, berkarat, berkulat, berulat!

(Muka surat: 21)

HAJI PAHLAWAN

Kau nak ubah apa? Ini tanah aku! Tanah nenek moyang aku! Suka hati aku nak buat apa dengannya, aku nak duduk rumah macam mana, jangan sentuh ayam itik aku! Aku tak akan pindah, aku tak akan benarkan sesiapa pun buat suka hati dalam kawasan tanah aku. Aku nak mati di sini. Aku peduli apa orang lain, orang lain nak buat rumah batu, rumah besi, rumah simen berpuluh tingkat, suka hati dialah!!

(Muka surat 22)

TULUS

Kita bercakap pasal Kampung Baru, kampung Melayu di tengah Bandar Raya Kuala Lumpur! Apa yang berlaku di Kuala Lumpur tak semestinya jadi ikutan di Kampung Baru!

(Muka surat: 29)

GULAM RUSSEL

Kita bangukan Kampung Melayu yang termoden di tengah bandar aya. Satu-satunya di dunia. Ada hotel, ada kawasan makan minum. Ada tempat kenduri kendara, ada tempat tanaman ulam dan pokok-pokok ubat, ada kawasan perubatan tradisional lengkap dengan hospital, nak jual ubat kuat, ubat sihat,

ubat tidur, ubat jaga pun boleh! Ada kereta lembu dan kereta kuda. Ada padang permainan kanak-kanak, boleh main tarik upih pinang, main congkak, main konda kondi dan macam-macam. Pendek kata inilah dunia Melayu yang paling Melayu dan tersangat Melayu.

(Muka surat: 40)

JOSHUA ONG

Sesuai dengan zaman teknologi serba canggih ini semua bangunan dibina menggunakan bahan konkrit padu dan tahan lama. Tidak boleh kayu seluruhnya. Tetapi identiti Melayu dan Nusantara akan dikekalkan pada *facade* dan bahagian-bahagian tertentu di bahagian luar dan dalam.

(Muka surat: 41)

GULAM RUSSEL

Mengenai konsep tertutup dan terbuka, kita akan tentukan: yang perlu ditutup kita tutup, yang perlu dibuka, kita buka seluas-luasnya. Orang Melayu itu sendiri dah banyak yang terbuka. Tapi terbuka terdedah pun Melayu itu tetap Melayu. Melayu kahwin Cina masih tetap Melayu, Melayu kahwin orang putih masih tetap Melayu, Melayu kahwin Benggali, masih tetap Melayu, Melayu kahwin Arab pun masih tetap Melayu.

(Muka surat: 41)

RATNASARI

Itu kita kena terima. Orang Melayu tak boleh jadi Arab, jadi orang putih, jadi orang Benggali atau jadi orang hitam. Tapi bila separuh dah jadi orang lain, mana-mana yang baik kita pinjam, kita pakai, kita amalkan!!

(Muka surat: 41)

ROSEMERA

Ada *showroom* kereta dari seluruh dunia. Ada pusat rawatan. Ada hotel, restoran, sekolah dan pusat penyelidikan, ada pusat hiburan tradisional Melayu dan panggung opera mementaskan bangsawan, dan sesekali sekala opera Cina dan drama Tamil!

(Muka surat: 59)

RATNASARI

Ada pusat rawatan. Ada pusat penyelidikan ubat-ubatan Melayu yang dibuat secara saintifik, diuji dan diberi *packing* dengan segala perakuan dan tanggungan.

(Muka surat: 59)

GULAM RUSSEL

Semuanya mesti istimewa! Terdapat Cuma di Kampung Baru dan tidak di tempat lain. Mengenal dunia Melayu yang asli dengan bentuk, cara dan sajian moden.

(Muka surat: 59)

RATNASARI

Majlis perkahwinan adat Melayu terbuka untuk semua bangsa. Ada *package* lengkap siap dengan kenduri-kendara sembelih lembu dan sebagainya.

(Muka surat: 61)

HAJI PALAWAN

Ini Kampung Baru! Kampung Melayu!! Biar ada maruah, biar ada peribadi sendiri! Tapi buat cara moden, cara teknologi!

(Muka surat: 67)

NESAN

Kampung Baru Melayu di Kuala Lumpur, Malaysia dibina oleh bangsa Asia yang lain! Di mana maruah kita!

(Muka surat: 68)

HAJI PALAWAN

Aku marah! Aku geram! Aku menyampah! Mana orang besar? Mana pemimpin? Mana orang politik yang aku pilih, yang aku undi? Apa kau orang dah buat? Dah lima puluh tahun merdeka! Kau orang menjerit hidup Melayu tahun 1946 di Kelab Sulaiman. Di situ saja tempatnya! Di seberang jalan sana! Tak jauh dari rumah aku. Tarikhnya aku masih ingat, awal bulan Mac tahun 1946. Waktu itu aku baru 10 tahun. Empat puluh satu buah pertubuhan politik, persatuan bahasa, ekonomi, pelajaran, perniagaan, masyarakat orang Melayu mengambil bahagian. Aku dengar Dato' Onn berucap. Semua orang menjerit, melaung "Hidup Melayu". Mana dia orangnya yang menjerit "Hidup Melayu!?" "Merdeka!" Apa yang merdekanya?? Kau orang tahu tak sejarah Padang Kelab Sulaiman? Kalau tak tahu sejarah jangan jadi pemimpin, jangan masuk parti, jangan masuk politik!! Tapi sampai hari ini Kampung Baru ini tak jadi apa pun!!

(Muka surat: 70)

GULAM RUSSEL

Jadi Pak Aji jangan marah-marah! Jangan mengamuk!! Itu semua tak menyelesaikan masalah! Pewaris Kongres Melayu di Padang Kelab Sulaiman Kampung Baru itu adalah kita semua. Jangan harapkan orang lain!! Dato' Onn dah tak ada!! Tuanku Abdul Rahman dah tak ada!!

(Muka surat: 72)

Boleh dikatakan setiap babak Hatta Azad Khan menekan bahawa Kampung Baru itu hanya untuk orang Melayu. Tidak dinyatakan langsung dalam Muzikal Kampung Baru bahawa ianya milik untuk semua bangsa. Jadi di sini dengan tegasnya Hatta Azad Khan menyatakan bahawa Kampung Baru itu hak milik orang Melayu sepenuhnya.

Sejajar itu juga pemilikan tanah di Kampung Baru itu diwarisi daripada nenek moyang. Hal ini bermakna tanah di Kampung Baru tidak boleh di tukar milik dengan sewenang-wenangnya. Malahan tidak boleh disewakan serta digadai dan di jual beli kerana ianya merupakan tinggalan nenek moyang. Sila rujuk lirik lagu Tanah Pusaka yang dinyanyikan oleh haji Palawan dan Mak Renong:

HAJI PALAWAN

Tanah ini tanah pusaka
Jangan dijual pantang dijaja
Kita pertahankan sampai bila-bila
Jangan biarkan dirampas ditipu daya

MAK RENONG

Ini masa depan anak cucu kita
Jangan merempat di tanah sendiri
Tergadai dan terjual beli
Ditipu dimain setiap hari

HAJI PALAWAN

Hanya ini tanah pusaka
Tinggalan nenek moyang kita
Kita pelihara kita jaga
Tanah terlarang sepakat sekata

MAK RENONG

Jangan dijual digadai
Walau seinci atau sejengkal
Jangan sesiapa menyangkal
Memutar-belit memandai-mandai

HAJI PALAWAN

Ini saja harta yang tinggal
Kita pertahankan hingga hujung nyawa
Jangan biarkan anak cucu teraniaya
Jadi pengemis menangis meminta-minta

(Muka surat: 24- 25)

Dalam bait-bait lagu ini Hatta Azad Khan menyampaikan dengan penuh semangat kepentingan penduduk Kampung Baru itu menjaga hak milik tanah mereka. Tanah yang dijuangkan oleh nenek moyang mereka demi kesenangan anak cucu mereka serta generasi-generasi akan datang. Bahkan Hatta Azad Khan menekankan bahawa pengorbanan nyawa itu perlu sekiranya tanah di Kampung Baru itu cuba dirampas.

Merujuk kepada realiti di Kampong Bharu, pemilikan tanah di situ adalah secara turun temurun. Pemilikan tanah tidak boleh ditukar hak milik dengan orang luar kerana sudah termaktub di dalam undang-undang *Federation Of Malaya Government Gazzete*. Dengan merujuk *Federation Of Malaya Government Gazzete*, Akta 66 (4a) menjelaskan bahawa, “*Upon the death of an occupant, it shall be the duty of his her beneficiary or*

beneficiaries to apply for their names to be recorded in the Settlement Register. The Board may impose a fine not exceeding ten dollars (\$10) on any beneficiary or beneficiaries in the event of failure or neglect to do so”.

Perkara ini jelas menunjukkan bahawa satu kewajipan bagi pewaris untuk mendaftar nama penukaran nama hak pemilik bagi tanah yang diwarisi. Sekiranya pewaris gagal berbuat demikian maka pihak Malaysia boleh mengenakan denda dan hukuman. Kebenaran tentang pemilikan tanah di Kampong Bharu itu hanya untuk orang Melayu telah terbukti dengan adanya enakmen *Federation Of Malaya Government Gazzete*.

Muzikal Kampong Baru itu jelas terbukti bahawa satu cerminan kepada realiti yang terjadi Kampong Bharu. Di dalam Muzikal Kampong Baru menyatakan bahawa Kampong Baru itu untuk orang Melayu. Hal ini terbukti dengan kukuh apabila enakmen *Federation Of Malaya Goverment Gazzete* turut menyatakan bahawa pemilikan tanah di Kampong Bharu itu hanya milik orang Melayu dan bukannya untuk bangsa-bangsa lain.

4.2.2 KEHIDUPAN PENDUDUK DI KAMPUNG BARU YANG MUNDUR

Hatta Azad Khan memaparkan kehidupan masyarakat Melayu yang masih hidup dalam kemudahan infrastruktur yang serba kekurangan walaupun berada di tengah kota raya metropolitan yang penuh dengan bangunan pencakar langit. Di dalam teks drama ini juga menceritakan wujudnya pelan pembangunan secara menyeluruh dan lengkap dengan infrastruktur, latihan kemahiran penduduk serta agihan hartanah selepas dibangunkan.

Sementara itu juga kemajuan di Kampung Baru itu digambarkan tidak dimajukan dari dahulu lagi. Sejak merdeka sehinggalah ke hari ini, Kampung Baru masih berada di takuk yang lama. Kemajuan diwacanakan tetapi perlaksanaannya terbengkalai. Hatta Azad Khan menuding persoalan siapakah yang bertanggungjawab di atas kelemahan ini. Sama ada pihak kerajaan, ahli politik ataupun penduduk di Kampung Baru itu sendiri.

Di permulaan cerita Muzikal Kampung Baru pengkaji mendapati Hatta Azad Khan dengan beraninya menempelak ahli politik dan kerajaan tentang peranan mereka. Pengkaji juga mendapati di dalam Muzikal Kampung Baru ini Hatta Azad Khan sedikit lantang dalam berkarya dan tidak seperti karya-karya sebelum ini. Sebelum ini karya-karya beliau lebih menggunakan perumpamaan tetapi tidak dalam Muzikal Kampung Baru. Jika disebut Kampung Baru secara tidak langsung kita akan merujuk kepada Kampong Bharu di Kuala Lumpur. Oleh yang demikian pengkaji menegaskan bahawa Hatta Azad Khan sudah mengubah sedikit konsep aliran penulisan beliau. Beliau kini lebih telus dalam berkarya. Hal ini kerana juga pengkaji mendapati kesamaan berlaku di dalam Muzikal KL. Perhatikan arahan pentas lirik lagu di bawah:

Jalan masuk ke Kampung Baru: Suasana perayaan peletakan batu asas pembangunan Kampung Baru. Sebuah pintu gerbang didirikan dengan tulisan "Selamat Datang Pemimpin Tanah Air Tercinta". Majlis sudah selesai, dan acara yang sedang berlangsung ialah pesta yang meriah dengan sekumpulan anak muda lelaki dan perempuan, iaitu PEKERJA WARUNG, PENGIKUT dan PEMINAT menari dan menyanyikan lagu "Kampung Baru Baru".

PEKERJA WARUNG

Kampung Baru lebih baru
Kampung Baru lebih maju
Kampung Baru lebih tentu
Kampung Baru nombor satu.

PENGIKUT

Kampung kota serba istimewa
Serba moden serba canggih
Serba ternama serba jenama
Kampung contoh seluruh dunia.

PEMINAT

Kampung Baru terbangun semula
Indah bersih kemas teratur tersusun
Angin kemajuan zaman teknologi
Maju terus tak berundur lagi

SEMUA

Ini pandangan terbaru sekata
Mesti jadi nyata semuanya
Dah banyak kali tergendala
Entah apa-apa yang tak kena

Di pengakhirannya Hatta Azad Khan menuding jari bahawa ahli politik dan kerajaan tidak melunaskan tanggungjawab mereka dengan sebaiknya bak kata pepatah “lebih kuah dari sudu”. Kelantangan Hatta Azad Khan ini bukanlah satu rasa ketidakpuasan peribadi beliau tetapi secara realitinya hal ini turut berlaku di Kampong Bharu⁶. Utusan Malaysia bertarikh 15 September 2015 yang bertajuk “Program pembangunan Kampong Bharu” yang menyifatkan sebuah pelan pembangunan di kawasan Kampong Bharu. Menurut Menteri Kewangan Kedua, Datuk Johari Ghani mengatakan bahawa program tersebut akan melibatkan 20 lot tanah seluas 4.09 ekar untuk mendirikan pejabat, korporat, hotel, kondominium dan kompleks perniagaan. Walaupun Muzikal Kampung Baru diterbitkan pada 2007 tetapi sehingga ke hari ini Kampong Bharu di Kuala Lumpur masih seperti dahulu lagi. Penulis mengambil isu-isu terkini berkaitan dengan permasalahan

⁶ Sila rujuk Jadual 3.1 untuk melihat tajuk-tajuk akhbar yang berkaitan dengan pembangunan Kampong Bharu dan boleh dilayari secara *online*.

Kampung Bharu untuk membuktikan bahawa permasalahan di Kampung Bharu itu tidak akan selesai sekiranya tidak ada persetujuan antara pihak *Malay Agricultural Settlement*.

Seperti yang dinyatakan Hatta Azad Khan (2013), Muzikal Kampung Baru itu merupakan pencerapan dan pemerhatian ketidakpuasan hati beliau terhadap perkembangan yang berlaku di situ. Keadaan fizikal Kampung Bharu, penghuni tetapnya, pendatangnya, orang politiknya, pegawai kerajaannya, peniaga dan pelanggannya sudah diperhatikan sejak menetap di sana lagi. Namun penghasilan Muzikal Kampung Baru itu sejak awal 2004 dan siap sepenuhnya pada 27 Disember 2005 dan dicetak serta diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2007 (p. 99 – 100).

Hatta Azad Khan menulis Muzikal Kampung Baru bermula pada tahun 2004 namun tempoh pemerhatian beliau terhadap perkembangan realiti Kampung Bharu sejak beliau mengenal dan menetap di Kampung Bharu. Maka sepanjang tempoh tersebut beliau mendapati kemajuan di Kampung Bharu itu tidak pesat membangun. Jadi pengkaji sebagai generasi yang terkini turut membuktikan bahawa permasalahan di Kampung Bharu turut berlanjutan sehingga ke hari ini dan kekangan tersebut tidak mempunyai jalan penyelesaiannya. Oleh yang demikian Hatta Azad Khan sedar akan permasalahan itu tidak akan berlanjutan serta tidak akan ada penghujungnya. Hal ini kerana permasalahan pihak atasan yang cuba membelakangi undang-undang. Pucuk pangkalnya tidak ada persefahaman dan ketulusan dalam menjalankan tanggungjawab.

Seterusnya keadaan Kampung Baru yang kian memburuk. Keadaan rumah, tandas di luar kawasan rumah, sampah sarap serta kemudahan infrastruktur yang terbiar lantas

menjejaskan identiti sebuah perkampungan Melayu. Diwar-warkan Melayu itu hak milik Islam dan Islam juga mementingkan kebersihan. Namun perkara yang sebaliknya terjadi di Kampung Baru.

Peranan penduduk Kampung Baru di gambarkan oleh Hatta Azad Khan yang sudah lupa akan asal usul mereka. Mereka sudah lupa dengan salasilah sejarah tanah di Kampung Baru. Generasi baru sudah mula berhijrah untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik. Kampung Baru untuk orang Melayu hanya tinggal atas kertas sahaja. Saki baki penduduk yang tinggal di Kampung Baru hanyalah generasi lama serta pendatang-pendatang asing. Oleh sebab itu pembangunan di Kampung Baru turut terbantut. Sila rujuk dialog di bawah:

ROSEMERA

Begitulah ceritanya. Maka Kampung Baru kampung Melayu ini terus memburuk dan melayu. Janji akan lebih baru rupanya tambah bercelaru. Impian untuk maju jadi makin terharu. Harapan untuk jadi lebih tentu mula jadi buntu. Komuniti tikus tambah membiak dan semakin sihat, segar dan semakin besar. Ertinya janji pembangunan menawan tidak juga menjadikan kampung dalam kota ini terkemas kini dan tersuci murni. Saya tahu sangat kerana budak-budak sayalah yang menjadi perakam sejarah. Merakam segala ucapan yang terkandung segala macam janji, janji lunak dan janji terlajak, merakam segala bencana alam, merakam segala aktiviti lalat, lipas, tikus, anjing dan kucing yang menyelongkar tong dan timbunan sampah tepi jalan!

(Muka surat: 5)

ROSEMERA:

Inilah Kampung Baru. Kampung Melayu dalam kota metropolitan Kuala Lumpur. Sudah dihubungkan dengan stesen kereta api bawah tanah. Tapi kerana pembangunannya tidak setara dan ekonominya lembap, jadilah stesen itu yang paling sunyi!!

(Muka surat: 6)

Hatta Azad Khan sekali lagi memberi hentaman kencang terhadap penduduk Kampung Baru. Pernyataan “Kampung Baru terus memburuk” merupakan bedilan yang sangat tajam kepada penduduk di situ sebenarnya. Hal ini kerana Hatta Azad Khan ingin menyedarkan penduduk Kampung Baru akan keadaan sebenar yang telah berlaku di situ. Jangan mereka terus leka dan hanyut dengan arus kemodenan yang pesat membangun di sekelilingnya. Malahan jangan sesekali mereka alpa dengan taburan janji-janji manis yang ditaburkan dalam memajukan Kampung Baru itu.

Penduduk Kampung Baru itu sendiri harus memainkan peranan penting dalam menjaga keamanan dan kebersihan setempat. Permasalahan ini tidak boleh ditunding jari dengan sesiapa sahaja kerana sebagai masyarakat di sesebuah tempat haruslah menjaga keamanan dan kesusilaan demi keselamatan dan kesejahteraan sejagat. Hatta Azad Khan sebenarnya menjentik penduduk di Kampung Baru itu agar sedar peranan mereka sebagai penduduk di situ. Jangan terlalu bergantung dan berharap kepada bantuan ataupun subsidi yang diberikan.

Pengkaji turut menjalankan pemerhatian di kawasan Kampong Bharu bagi melihat keadaan sebenar seperti mana yang digambarkan oleh Hatta Azad Khan di dalam naskah Muzikal Kampung Baru. Lihat gambarajah di bawah:



Gambar 4.1: LRT Kampong Bharu
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)



Gambar 4.2: Kawasan permainan di Kampong Bharu
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)

Kedudukan Kampong Bharu terletak di tengah-tengah bandaraya Kuala Lumpur. Ianya merupakan kawasan segitigaemas yang dikelilingi oleh kawasan-kawasan yang pesat membangun seperti Suria KLCC, Jalan Chow Kit, jalan tunku Abdul Rahman dan Bukit Bintang. Sudah semestinya para pelancong lebih selesa menggunakan perkhidmatan seperti bas dan teksi. Dengan menggunakan bas mahupun teksi para pelancong akan dapat menikmati persekitaran berbanding dengan menggunakan perkhidmatan LRT. Selain daripada itu juga LRT Kampong Bharu terletak di Jalan Haji Salleh di mana kedudukannya agak jauh dari kawasan restoran-restoran makanan. Lokasi restoran-restoran makanan lebih tertumpu di kawasan Jalan Raja Muda Musa dan Jalan Raja Alang. Maka para pelancong perlu berjalan kaki dan mengambil masa yang agak lama untuk ke lokasi yang dinyatakan. Malahan kemudahan teksi agak berkurangan dan kemudahan bas tidak disediakan di situ. Jadi para pelancong lebih mudah menggunakan perkhidmatan teksi dari lokasi mereka berada dan terus di hantar ke kawasan Kampong Bharu. Maka tidak hairan sekiranya LRT Kampong Bharu seperti tidak beroperasi.

Seterusnya kemudahan riadah dan taman permainan kanak-kanak di Kampong Bharu yang tidak dijaga dengan sebaik yang mungkin. Dapat dilihat gambar 4.2 yang menunjukkan pagar di kawasan tersebut telah berlubang dan rosak. Tidak ada tindakan yang dilakukan oleh pihak yang berkuasa untuk memperbaikinya. Sekiranya hal ini berlarutan tidak mustahil kawasan riadah ini akan rosak sepenuhnya. Perkara yang paling menyedihkan apabila kawasan permainan kanak-kanak ini merupakan satu-satunya kemudahan yang disediakan untuk kanak-kanak beriadah. Taman permainan yang begitu kecil luasannya terletak di Jalan Haji Saleh. Malahan tujuh buah perkampungan kecil yang terdapat di Kampong Bharu berkongsi untuk menikmati bersama.

Walaubagaimanapun pada tahun 2014 terdapat beberapa perubahan dan penambaan infrastruktur dalam membangunkan kawasan Kampong Bharu. Penambahbaikan ini dilakukan sedikit demi sedikit berdasarkan projek kecil yang dijayakan bersama Seksyen Kejuruteraan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) dengan menelan belanja sebanyak RM470,147.24.


Jadual 4.1: Senarai projek pembangunan komuniti dengan Seksyen Kejuruteraan Pembangunan Kampong Bharu (PKB), Kampong Bharu Kuala Lumpur pada tahun 2014.

BIL.	PROJEK YANG SIAP DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2014	KOS (RM)
1.	Kerja-kerja mengecat pagar, membaiki ruang serbaguna dan menggantikan pintu pagar serta kerja-kerja berkaitan di Dewan Serbaguna Orang Ramai Kampung Paya, Kampong Bharu, Kuala Lumpur.	24,930.28
2.	Kerja-kerja mengecat, membaiki bumbung dan siling dewan, membina laluan pejalan kaki berbumbung dan kerja-kerja berkaitan di pangsapuri 17 tingkat di Kampong Bharu, Kuala Lumpur.	43,629.53
3.	Kerja-kerja mengecat surau, membaikpulih tandas dan tempat wuduk surau dan kerja-kerja berkaitan di Surau Ar-Rahmaniah di Kampung Hujung Pasir, Kampong Bharu, Kuala Lumpur.	41,936.47
4.	Membekal papan tanda nama jalan utama di Kampong Bharu	19,150.00
5.	Membekal papan tanda tunjuk arah di persimpangan jalan-jalan utama di Kampong Bharu.	19,944.00
6.	Kerja-kerja mengecat bahagian luar surau, tadika dan tembok pagar serta kerja-kerja berkaitan di Surau Khairiatil Islamiyah Kampung Pindah, Kampong Bharu, Kuala Lumpur.	29,381.59
7.	Kerja-kerja membina bumbung tambahan di hadapan dewan, mengecat tembok pagar dewan serta kerja-kerja berkaitan di Dewan KRT Kampung Sungai Bharu, Kampong Bharu, Kuala Lumpur.	49,390.35
8.	Kerja-kerja mengecat surau serta kerja-kerja berkaitan di Surau Al-Hidayah Kampung Padang, Kampong Bharu, Kuala Lumpur.	48,117.42
9.	Kerja-kerja mengecat tembok pagar, mengganti baru talang cucur atap untuk bumbung, membaiki saluran kumbahan tandas ke tangki septik, membina stor dan kerja-kerja berkaitan di Sekolah Rendah Agama Tengku Ampuan Jemaah, Kampong Bharu, Kuala Lumpur.	42,039.97
10.	Kerja-kerja menaiktaraf siarkaki dari persimpangan Jalan Raja Uda dan Jalan Datok Abdul Malek ke Madrasah Rajaiyah, Kampong Bharu, Kuala Lumpur.	42,231.63

Jadual 4.1, sambungan: Senarai projek pembangunan komuniti dengan Seksyen Kejuruteraan Pembangunan Kampung Baru (PKB), Kampung Baru Kuala Lumpur pada tahun 2014.

BIL.	PROJEK YANG SIAP DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2014	KOS (RM)
11.	Kerja mengecat pagar dan bilik multimedia serta kerja-kerja berkaitan di Sekolah Rendah Agama Raja Muda Musa, Kampung Bharu, Kuala Lumpur.	45,000.00
12.	Kerja-kerja menggantikan baru papan tanda nama jalan dan lorong di kampung Bharu, Kuala Lumpur.	44,415.00
13.	Membekal peralatan-peralatan Sekolah Agama Tengku Ampuan Jemaah, dewan orang ramai, pansapuri 17 tingkat, dewan orang ramai Kampung Paya dan Madrasatul Khairiatil Islamiyah Kampung Pindah.	19,981.00
JUMLAH		470.147.24



Jadual 4.2: Jadual menunjukkan projek pembangunan komuniti dengan Seksyen Kejuruteraan Kampung Bharu (PKB) pada tahun 2014.

BIL	GAMBAR PROJEK YANG TELAH SIAP DILAKUKAN PADA TAHUN 2014	PENERANGAN
1		<p>Dewan orang ramai Kampung Paya</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memasang talang cucur atap di sekeliling dewan • Mengecat keseluruhan [agar dewan • Menukar baru pintu pagar dewan • Memasang bollard di laluan pejalan kaki di hadapan dewan



Jadual 4.2, sambungan: Jadual menunjukkan projek pembangunan komuniti dengan Seksyen Kejuruteraan Kampung Bharu (PKB) pada tahun 2014.

BIL	GAMBAR PROJEK YANG TELAH SIAP DILAKUKAN PADA TAHUN 2014	PENERANGAN
2		<p>Pangsapuri 17 tingkat Kampung Bharu</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membina stor tambahan dewan serbaguna • Membaiki bumbung dan siling dewan • Mengecat keseluruhan dewan • Membina laluan berbumbung dari blok B ke laluan pejalan kaki LRT
3		<p>Surau Ar-Rahmaniah, Kampung Hujung Pasir</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengecat keseluruhan surau • Menaiktaraf tempat wuduk surau • Membaikpulih tandas surau

Jadual 4.2, sambungan: Jadual menunjukkan projek pembangunan komuniti dengan Seksyen Kejuruteraan Kampung Baru (PKB) pada tahun 2014.

BIL	GAMBAR PROJEK YANG TELAH SIAP DILAKUKAN PADA TAHUN 2014	PENERANGAN
4		<p>Surau Khairiatil Islamiyah, Kampung Pindah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengecat keseluruhan bahagian luar surau • Mengecat tembok pagar surau
5		<p>Dewan Orang Ramai, Sungai Bharu</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membina bumbung tambahan di hadapan dewan • Menukar baharu pintu pagar dewan

Jadual 4.2, sambungan: Jadual menunjukkan projek pembangunan komuniti dengan Seksyen Kejuruteraan Kampong Bharu (PKB) pada tahun 2014.

BIL	GAMBAR PROJEK YANG TELAH SIAP DILAKUKAN PADA TAHUN 2014	PENERANGAN
6		<p>Sekolah Rendah Agama Raja Muda Musa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengecat keseluruhan tembok pagar sekolah • Menaiktaraf surau dan bilik multimedia
7		<p>Sekolah Rendah Agama Tengku Ampuan Jemaah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membina stor dan pondok pengawal • Mengecat tembok pagar sekolah • Menukar baharu salur cucur atap membaiki saluran kumbuhan tandas

Jadual 4.2, sambungan: Jadual menunjukkan projek pembangunan komuniti dengan Seksyen Kejuruteraan Kampong Bharu (PKB) pada tahun 2014.

BIL	GAMBAR PROJEK YANG TELAH SIAP DILAKUKAN PADA TAHUN 2014	PENERANGAN
8		<p>Papan tanda tunjuk arah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memasang papan tanda tunjuk arah di persimpangan jalan-jalan utama di Kampong Bharu
9		<p>Madrasah Rajaiyah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menaiktaraf siarkaki dan persimpangan Jalan Raja Uda ke Madrasah Rajaiyah • Menurap jalan di hadapan Madrasah Rajaiyah

Sejajar dengan itu, pelan penambakan kawasan Kampong Bharu masih berada tahap yang sederhana. Perancangan untuk mengubah Kampong Bharu menjadi sebuah bandaraya mega tidak mungkin tercapai. Hal ini kerana dalam memajukan sebuah penempatan ianya memerlukan kos yang tinggi apatah lagi kawasan Kampong Bharu yang terletak di tengah-tengah bandaraya.

Kemajuan bandar metropolitan Kuala Lumpur tidak selari dengan perkembangan kawasan Kampong Bharu yang terletak di tengah-tengah kota. Kampong Bharu kelihatan seperti kawasan setinggan yang menempel kaku serta mencatitkan pemandangan. Ada sebahagian rumah di kawasan Kampong Bharu masih dalam bentuk yang asal sepertimana di awal pembinaannya. Sebahagian pula ada yang telah mengalami perubahan. Hal ini berlaku disebabkan oleh faktor ekonomi keluarga itu sendiri. Malahan ada generasi-generasi muda mula berhijrah keluar dari kawasan Kampong Bharu untuk memulakan hidup yang lebih sempurna.

Sepertimana yang digambarkan oleh Hatta Azad Khan di dalam teks ini, keusangan rumah yang masih terdapat di Kampung Baru itu sebenarnya memberikan gambaran yang kurang baik terhadap perkembangan negara. Ianya sedikit sebanyak memberi impak kepada imej negara Malaysia yang semakin pesat membangun. Malaysia seperti yang diketahui merupakan negara Dunia Ketiga yang paling pesat membangun antara negara-negara Dunia Ketiga yang lain. Perhatikan dialog di bawah:

GULAM RUSSEL

Tanah dan rumah masih banyak yang tidak berubah. Sebahagian besarnya disewa kepada orang luar.

RATNASARI

Rumahnya buruk! Banyak yang tidak pernah dibaiki.

(Muka Surat: 6)

MAK RENONG

Balik cerita pasal Kampung Baru! Mak Nong setuju sangatlah bila kau kata, kampung ni dah silap nama, tak boleh panggil Kampung Baru lagi dah, dah tak ada yang baru. Mak Nong pun malu, bukan tak malu! Mak Nong harap orang muda-muda macam kamulah buat pembaharuan! Mak Nong boleh

kerah anak-anak Mak Nong datang tolong! Tapi anak-anak Mak Nong pun tak duduk Kampung Baru. Mereka dah beli rumah sendiri, jauh lebih baik dari rumah di Kampung Baru!

ROSEMERA

Sebab Kampung Baru tidak dimajukann, masih jauh ketinggalan. Tanah dan rumahnya masih sama, tak berubah!

(Muka surat: 22)

Sepertimana keadaan yang dinyatakan di dalam Muzikal Kampung Baru sama seperti realiti yang berlaku di Kampong Bharu, Kuala Lumpur. Masih ada deretan rumah usang yang tidak terurus dan terbiar begitu sahaja. Malahan penghuni tetap terus membiarkan rumah mereka sebegitu rupa. Turut kelihatan rumput rumpai yang tinggi dan serta menjalar di atas pagar dan di tepi rumah.



Gambar 4.3: Rumah usang yang masih kelihatan di Kampong Bharu
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)



Gambar 4.4: Rumah usang yang masih kelihatan di Kampong Bharu
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)



Gambar 4.5: Rumah yang telah diubahsuai juga terdapat di Kampong Bharu
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)

Kewujudan tandas di luar rumah masih kelihatan di kawasan Kampong Bharu. Di zaman global kewujudan tandas di luar rumah sepatutnya tidak wujud lagi.ah bandaraya. Tandas di luar rumah barangkali masih wujud di kawasan pedalaman tetapi kaedah meletakkan tandas di luar kawasan kedai sudah tidak praktikal lagi. Bukan sahaja kelihatan buruk tapi seperti yang dapat dilihat di Kampong Bharu, ianya kelihat kotor dan menjijikkan.

Tandas didirikan di luar kawasan rumah adalah untuk memudahkan najis mengalir ke dalam longkang dan berdekatan dengan telaga air. Tetapi memandangkan sistem pembentungan dan sistem air yang telah moden maka tidak sepatutnya tandas-tandas seperti ini masih wujud di tengah bandaraya. Bahkan najis yang mengalir di dalam longkang akan menyebabkan menularnya penyakit yang berjangkit disebabkan oleh lalat dan nyamuk. Perhatikan dialog di bawah:

HAJI PALAWAN

Kau nak ubah apa? Ini tanah aku! Tanah nenek moyang aku! Suka hati aku nak buat apa dengannya, aku nak duduk rumah macam mana, jangan sentuh ayam itik aku! Aku tak akan pindah, aku tak akan benarkan sesiapa pun buat suka hati dalam kawasan tanah aku. Aku nak mati di sini. Aku peduli apa orang lain, orang lain nak buat rumah batu, rumah besi, rumah simen berpuluh tingkat, suka hati dialah!!

RATASARI

Pak Aji, semua orang dalam kota ni dah tak pakai jamban gali atau jamban curah!

HAJI PALAWAN

Itu jamban aku! Tempat simpanan aku! Jangan kau usik!! Jangan kau roboh! Suka hati akulah nak melepas cara mana pun! Isi perut aku!! Macam mana aku nak lambak, aku nak buang, kau peduli apa!

ROSEMERA

Malulah Pak Aji! Busuk! Ganggu orang sebelah! Orang lain dah berubah!
Cuma di sini saja yang ada macam tu!

HAJI PALAWAN

Aku tak mahu pembangunan kalau memaksa aku berubah punah-ranah.
Hilang akal pertimbangan. Berubah wajah. Hilang budi dan bahasa, adat dan
cara!

GULAM RUSSEL

Pak Aji, kita kena berubah! Ini zaman global. Dunia tanpa sempadan. Orang
dari seluruh pelosok dunia berjalan mengembara, melancong melihat
manusia dan negara luar. Untungnya pada kita. Kenalah kita bertukar warna,
rupa dan gaya!

(Muka surat: 22 -23)



Gambar 4.6: Kelihatan tandas usang yang terletak di luar rumah
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)



Gambar 4.7: Kelihatan tandas usang yang terletak di luar rumah
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)



Gambar 4.8: Kelihatan tandas usang yang terletak di luar rumah
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)

Masalah lain yang terdapat di kawasan Kampong Bharu ialah sistem pembuangan sampah yang tidak terurus. Semasa pengkaji menjalankan tinjauan di Kampong Bharu, pengkaji mendapati penduduk di situ akan meletakkan sampah di satu kawasan tertentu. Walaupun telah disediakan tempat peletakkan sampah tetapi penduduk tetap tidak menggunakan sepenuhnya. Tempat peletakkan sampah juga agak kurang disediakan di kawasan Kampong Bharu.

Dapat diperhatikan juga bahawa tidak disediakan tong sampah kitar semula di kawasan Kampong Bharu. Contohnya tong sampah kitar semula untuk bahan-bahan terbuang seperti kertas, tin dan plastik. Hanya kelihatan tong sampah hijau bersepah di tepi-tepi jalan dan sampah-sarap yang diletak di merata-rata tempat. Malahan tong sampah yang penuh dengan sampah kelihatan di deretan kedai-kedai makan. Bahkan tempat meletak sampah yang tidak tertutup dan terbuka menyebabkan bau yang menyengitkan. Jika diperhatikan di dalam gambar di bawah kelihatan kucing menghampiri sampah dan ini menyebabkan sampah akan bersepah. Perkara ini juga akan menyebabkan anjing liar, biawak, lalat, nyamuk mudah untuk menghampiri dan menyebabkan berlakunya penyakit.

Perkara ini harus dibendung sebelum menularnya penyakit yang berjangkit berlaku seperti demam denggi, ebola, kolera, malaria, penyakit tangan, kaki dan mulut, batuk kokol, leptospirosis (kencing tikus), poliomyelitis (polio), tetanus (kancing gigi) dan rabies (radang otak). Perhatikan dialog di bawah:

GULAM RUSSEL

Pernah pergi India, Jakarta, Manila atau Bangkok? Antara kita di Kampong Baru dengan penghuni kawasan sesak di bandar-bandar yang saya sebut tu, kita ada lebih sikit saja.

RATNASARI

Yang banyak persamaannya. Lalat, lipas, nyamuk, ulat, tikus, anjing, kucing sama saja!

NESAN

Perempuan ni tak habis-habis mengutuk kita!!

PAK GITO

Maaf, saya mencelah. Wanita muda ini sebenarnya menyatakan kebenaran!!
Saya kira dia tidak punya sebarang niat memburukkan kita!

(Muka surat: 22 -23)

Hatta Azad Khan memberikan perumpamaan Kampong Bharu kini semakin teruk dan kotor. Tahap kekotoran sudah seperti di India, Jakarta, Manila dan Bangkok. Di mana wajah negara Malaysia yang diwar-warkan oleh kerajaan sebagai sebuah bandaraya dalam taman. Di dalam Pelan Transformasi Minda Ke Arah Negara Bersih, Indah dan Sejahtera 2015 – 2020 turut menyentuh tentang kesedaran sivik pembentukan minda dan budaya bangsa ke arah menghargai kebersihan. Namun usaha dalam memacu budaya kebersihan dalam mengharungi rintangan budaya dan masyarakat masih rendah lagi.



Gambar 4.9: Kawasan Kampong Bahru yang kelihatan tong sampah tidak diuruskan dengan baik.

(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)



Gambar 4.10: Kawasan Kampong Bahru yang menyediakan tempat pembuangan sampah tetapi tidak diuruskan dengan baik. Perkara seperti ini menyebabkan pembiakan nyamuk, lalat, lipas, dan tikus.

(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)



Gambar 4.11: Penduduk Kampong Bharu membuang sampah di merata-rata tempat
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)



Gambar 4.132: Kelihatan tong sampah penuh dengan sampah sarap yang terletak di tepi gerai-gerai makan, Kampong Bharu
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)

Semasa pengkaji menjalankan kajian ini, pengkaji mendapati Kampong Bharu dilambakan dengan gerai-gerai makanan di kaki-kaki jalan. Walaupun begitu gerai-gerai makanan ini berpusat di Jalan Raja Muda Musa. Bermula dari pintu gerbang masuk ke Kampong Bharu yang terletak di Jalan Raja Muda Musa sehinggalah ke persimpangan Jalan Hassan Salleh dan Jalan Raja Alang, pengkaji melihat pelbagai jenis gerai makanan yang terdapat di situ. Terdapat kedai Nasi Lemak Antarabangsa yang begitu popular di Kampong Bharu serta pelbagai jenis gerai makanan yang lain. Selain daripada itu juga terdapat kedai-kedai yang menjual kasut, pakaian, alatan permainan kanak-kanak dan kedai telekomunikasi. Perhatikan dialog di bawah:

NESAN

Orang sini cuma nak hidup senang. Mereka tak suka kerja. Janji duit masuk. Semua boleh runding. Nak sewa tapak, nak sewa ruang, nak sewa orang. Beritahu saja pada saya. Tahulah saya mana tempat yang boleh saya cucuk jarum, mana tempat saya boleh tarik dan saya boleh hulur!! Kami membantu memajukan ekonomi penduduk Kampung Baru!

TULUS

Ekonomi?

JALAD

Tak ada mata ke? Tengoklah sendiri!! Kami dah tolong aturkan macam-macam kegiatan ekonomi. Warung merata ceruk. Orang Kampung Baru ni hidup berduit berkat usaha kami berdua! Tengok tu, mereka berniaga macam-macam, nasi lemak, bubur nasi, tomyam, *steak*, *chicken chop*! Itu baru makanan.

NESAN

Perkhidmatannya pula, cuci dan *polish* kereta, sewa kereta, urut-mengurut menambah tenaga dan katering! Semuanya ada di sini! Orang Kampung Baru terima duit masuk saja!

JALAD

Bukan nak cakap besarlah! Semuanya tu kami yang tolong. Kedai nasi lemak world class Kak Yam ni pun tak akan hidup kalau kami tak bekalkan pekerja-pekerja luar macam Pak Gito dan Sulastri!

NESAN

Ramai penduduk Kampung Baru senang lenang! Tak payah kerja, duit masuk tiap bulan! Apa lagi yang mereka nak?

TULUS

Mereka tak mahu ketinggalan! Mereka nakkan pembangunan infrastruktur yang lebih kemas dan teratur supaya kegiatan ekonomi juga meningkat sesuai dengan sesebuah bandar raya bertaraf dunia.

NESAN

Maaf cakaplah! Cakap pasal pembangunan, pasal peningkatan...ini orangnya yang serba tahu tentang kemajuan dan pembangunan. Kemajuan dan pembangunan adalah duit, duit dan duit!! Tak ada duit, jangan cerita panjang. Cakap di mulut atau atas kertas memang sedaplah! Tapi cakap saja...habuk pun tadak!

(muka surat 13 – 14)

Mengelilingi kawasan Kampong Bharu kita akan melihat gerai-gerai makanan tidak kira kecil mahu pun besar. Lihat jadual di bawah beberapa gerai yang terdapat di dalam kawasan Kampong Bharu di lokasi yang berbeza.

Jadual 4.3: Sebaaian gerai-gerai yang terdapat di Kampong Bharu di lokasi yang berbeza

BIL	NAMA KEDAI	LOKASI
1	HR Steak House	Jalan Raja Alang
2	Restoran Asam Pedas Melaka The Castle Restoran Marakesh	Jalan Raja Uda
3	Restoran Sukhumvit	Jalan Hamzah
4	Man Sabata	Jalan Haji Hashim
5	Ayam Penyet Selera Nusantara	Lorong Raja Muda Musa 5
6	Masakan Padang Asli Kampong Bharu	Jalan Raja Mahmud
7	Rosdet Tomyam	Jalan Abdul Rahman Idris



Gambar 4.13: Pintu gerbang utama untuk masuk ke Jalan Raja Muda Musa, Kampong Bharu
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)



Gambar 4.14: Deretan gerai-gerai makan di Jalan Raja Muda Musa di Kampong Bharu
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)



Gambar 4.15: Restoran Nasi Lemak Antarabangsa yang terletak di Jalan Raja Muda Musa di Kampong Bharu
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)



Gambarajah 4.16: Pelbagai kuih muih yang terdapat di gerai Chunburi Seafood, Kampong Bharu.

Laungan Hatta Azad Khan agak berani kali ini dengan tampil membangkitkan isu perkauman secara terang-terangan. Walaupun begitu isu tersebut bukanlah suatu isu yang membawa keganasan tetapi sebuah kesedaran kepada kaum yang bergelar Melayu. “Melayu mudah lupa”, itulah ungkapan yang sesuai untuk diungkapkan bagi mengekspresikan pendirian Hatta Azad Khan di dalam Muzikal Kampung Baru ini.

Kewujudan konflik di dalam naskah Muzikal Kampung Baru ini menggerak kepada perjalanan dari mula hingga ke pengakhiran cerita. Hatta Azad Khan sengaja mewujudkan konflik diakhir awal penceritaan hinggalah kesudahannya. Namun susunan konflik yang dibina oleh Hatta Azad Khan tersusun dari satu babak ke satu babak yang lain.

Pada babak yang pertama, Hatta Azad Khan terus meletakkan pundak konflik iaitu tentang ketidakpuasan hati penduduk terhadap ahli politik yang ada sedia ada. Ketidakpuasan ini digambarkan secara santai iaitu melalui nyanyian dengan tajuk lagu “Kampung Baru Baru”. Seterusnya Hatta Azad Khan memberikan satu demi satu jawapan tentang ketidakpuasan terhadap keterlibatan politik tersebut di dalam babak yang seterusnya. Pada babak kedua diperkenalkan watak-watak utama yang terdiri daripada enam anak muda yang bakal membawa perubahan Kampung Baru. Isu bangsa dan keturunan menjadi topik perbalahan. Seterusnya dengan kehadiran mereka ini juga konflik terus berlanjutan pada babak ketiga di mana mereka mula membentangkan idea mereka untuk membangunkan Kampung Baru. Di situ mulalah percangahan dan penentangan daripada penduduk tempatan yang terjadi dalam babak ke empat. Pada babak seterusnya iaitu pada babak ke lima, anak-anak muda yang di ketuai oleh Gulam Russel sedaya udapa

meyakini orang kampung untuk berubah dan bersetuju dengan pelan tindakan mereka dalam memajukan Kampung Baru. Seterusnya apabila mendapat keyakinan daripada orang kampung mereka membentangkan pelan strategik membangunkan Kampung Baru. Akhir sekali dapat dilihat seluruh Kampung Baru gembira dengan pelan tersebut dan perancangan tersebut berjalan dengan jayanya.

Dapat dilihat Muzikal Kampung Baru ini mempunyai plot yang mengikut kronologi. Dengan adanya unsur eksposisi, konflik, komplikasi, klimaks dan peleraian, plot drama ini boleh dianggap sebagai struktur yang sempurna. Kejayaan sesebuah drama bergantung kepada penyusunan plot dalam menarik pembaca sama ada untuk membaca atau mengkajinya. Adanya kesinambungan peristiwa, perkaitan antara satu babak ke babak yang seterusnya dapat menjana konsentrasi pembaca untuk mengetahui secara menyeluruh. Urutan plot yang baik serta sempurna juga sekaligus dapat mengangkat tema serta menghidupkan watak yang berperanan membawa pemikiran penulis.

Perwatakan dan konflik yang dibangkitkan begitu serasi cara pengolahannya. Bersesuaian dengan cerita yang digarap daripada kisah realiti sebenar, konflik yang dimasukkan membayangkan sifat yang sebenar dan sehati dengan kehidupan seharian. Di dalam Muzikal Kampung Baru plot yang penuh konflik itu disulami dengan unsur lelucon serta mencuit hati.

Aspek permasalahan yang dibangkitkan oleh penulis, plot yang menggerakkan cerita dapat menyetengahkan idea yang hendak disampaikan iaitu perjuangan bangsa Melayu dalam memperjuangkan nasib mereka daripada terus diolok-olokkan oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Dialog yang disampaikan berjaya menyampaikan gagasan pemikiran penulis secara keseluruhannya.

Dialog yang digunakan dalam Muzikal Kampung Baru lebih bersifat bahasa kolokial. Perkara ini memudahkan untuk mendekatkan teks kepada jiwa pembaca. Bahasa-bahasa kolokial merupakan bahasa yang digunakan sehari-hari. Perhatikan beberapa ungkapan di bawah:

HAJI PALAWAN

Bab agama kau jangan nak mengajar aku.

(Muka surat: 21)

RATNASARI

Pak Aji, semua orang dalam kota ni dah tak pakai jamban gali atau jamban curah!

(Muka surat: 23)

RAJA MOLEK

Ooo!... Habis laki kau pergi Singapura buat apa?

(Muka surat: 33)

RAJA MOLEK

Belum apa? Belum kahwin ke, belum ada *boyfriend*?

(Muka surat: 34)

RAJA MOLEK

Kay Cino yo??

(Muka surat: 35)

Contoh-contoh dialog di atas merupakan sebahagian daripada penggunaan bahasa yang terdapat di dalam Muzikal Kampung Baru. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa Hatta Azad Khan selesa menggunakan bahasa kolokial ini. Penggunaan bahasa Inggeris merupakan sebahagian dalam kehidupan manusia kini. Selain daripada itu juga setiap negeri mempunyai dialek-dialek tersendiri. Dialek itu hanyalah merupakan corak percakapan dan ianya tidak mempengaruhi bangsa. Bahkan juga bahasa kolokial ini merupakan bahasa baku yang dipendekkan tetapi masih mempunyai maksud yang sama seperti “tidak” dipendekkan menjadi “tak”.

Tuntasnya Hatta Azad Khan memperjuangkan bangsa Melayu itu sendiri. Membicara kehidupan Melayu melalui perilaku dan kehidupan mereka. Ketidakseimbangan dari segi laras kehidupan menjadi punca kepada perubahan kehidupan Melayu itu sendiri. Hal ini berpunca daripada arus kemodenan di mana semuanya dipengaruhi oleh ekonomi. Disebabkan kepompong dunia Melayu di yang tidak dapat mengejar arus kemodenan maka terjadilah sebuah perkampungan Melayu yang terus mundur dan tidak terbela.

Di sini jelas menunjukkan bahawa Muzikal Kampung Baru itu merupakan refleksi kepada realiti Kampung Bharu di Kuala Lumpur. Kejadian sebenar yang terjadi di ambil dan diolah kembali menjadi bentuk dan struktur kreatif sebagai wadah dalam penulisan beliau. Maka terbukti bahawa Muzikal Kampung Baru ini mempunyai unsur-unsur teori Marxisme melalui Model Cerminan. Justeru itu pengkaji melihat karya-karya Hatta Azad Khan ini sebagai sebuah karya “martabat bangsa” kerana isu yang cuba dikupas oleh beliau sangat relevan dengan semasa dan bersifat *timeless*.

Dapat disimpulkan persoalan yang cuba disampaikan oleh Hatta Azad Khan dalam teks Muzikal Kampung Baru ini ialah:

1. Perancangan dari pihak yang bertanggungjawab tidak bersistematik.
2. Perancangan dari pihak yang bertanggungjawab tidak melihat kepentingan pembangunan kepada penduduk di kampung Bharu.
3. Pelan pembangunan yang tidak sekata.
4. Permasalahan penduduk Kampung Bharu yang tidak mahu menerima perubahan.
5. Berlakunya asimilasi kependudukan Kampung Bharu dari pendatang luar.
6. Pihak bertanggungjawab membelakangi kepentingan dan peranan pihak Malay Agricultural Settlement.
7. Dana kewangan Malay Agricultural Settlement yang minimal menyebabkan kesukaran dalam membangunkan Kampung Bharu.
8. Tanah di Kampung Bharu mempunyai nilai yang tinggi kerana berada di tengah bandar metropolitan menyebabkan adanya campur tangan oleh pihak yang bertanggungjawab untuk mengaut keuntungan.

4.3 KERENCAMAN KEHIDUPAN MASYARAKAT MELAYU DALAM MUZIKAL KAMPUNG BARU

4.3.1 POLITIK

“Sebuah karya seharusnya boleh atau mampu dilihat dari berbagai sudut pandangan. Karya yang baik akan kelihatan simple tetapi bila dibaca, dipentaskan atau difilemkan ia akan memberikan berbagai lapisan makna dan pengertian. Ia juga harus ada berbagai perlambangan dan boleh memungkin berbagai intepretasi. Harus ada pemikiran atau falsafah yang menguatkan aspek kemanusiaannya” (Hatta Azad Khan, 2013).

Persoalan tentang kerencaman kehidupan merupakan satu isu yang sering diketengahkan oleh penulis-penulis. Hatta Azad Khan juga tidak ketinggalan dalam menetengahkan isu-isu semasa yang melibatkan tentang sosialisme. Beliau suka bermain dengan diskriminasi, penindasan, kepayahan, kesusahan, keinginan yang sepatutnya dimiliki oleh masyarakat marhaen. Hal ini kerana pengkaji mendapati suara-suara masyarakat marhaen ini selalunya tidak diendahkan oleh golongan-golongan atasan. Kerencaman yang dihadapi oleh golongan marhaen ini selalunya diabaikan sahaja.

Hatta Azad Khan turut menjadikan kisah-kisah sejarah ini sebagai pemangkin untuk generasi-generasi akan datang untuk berani tampil serta bersuara dalam menegakkan hak dan kebenaran bagi menentang kebatilan. Pengkaji sebenarnya begitu tertarik dengan karya-karya muzikal Hatta Azad Khan yang lain. Bagi pengkaji karya-karya muzikal beliau begitu dekat dengan kehidupan seharian dan salur galur kisahnya mudah difahami dan begitu semilir dengan kehidupan. Membaca karya-karya beliau dari segi lengok bahasanya,

susun atur plot, watak dan perwatakan ianya tidak begitu kompleks seperti mana karya-karya beliau di awal kemunculan pada awal tahun 1970-an seperti *Kerusi*, *Mayat* dan *Patung-Patung*.

Kerencaman hidup turut berlaku di mana-mana sahaja termasuklah dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Bukan sahaja berlaku di Malaysia malahan turut berlaku di seluruh dunia. Konsep penindasan oleh orang atasan terhadap orang bawahan tidak mungkin dapat dibendung. Apa yang menyedihkan apabila masyarakat proletariat akan terus dengan dunianya yang harus menempuh kehidupan seperti kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Bagi masyarakat borjuasi pula akan terus goyang kaki mendapat habuan dari masyarakat marhean.

Di dalam Muzikal Kampung Baru, Hatta Azad Khan menyatakan ketidakpuasan hati masyarakat di Kampung Baru terhadap peranan ahli politik. Ahli politik yang hadir di situ suka menaburkan janji-janji kosong untuk membangunkan kawasan Kampung Baru. Namun hasilnya tidak kelihatan dan kawasan Kampung Baru masih seperti sedia kala. Hal ini dapat dilihat dalam lirik lagu “Riuh”:

RAJA MOLEK

Riuh-rendah pecah kampung terbalik pekan
Pekak telinga pedih mata tengok gambar masa depan
Atas kertas semuanya berseri dan bercahaya
Ternganga mulut hingga tak berkata.

Macam-macam rancangan ada
Macam dalam TV dalam wayang
Pembangunan kemas kini dan kemas murni
Air liur bersembur merata hala.

PEKERJA WARUNG

Lepas riuh-rendah pukul tabuh pukul rebana
Gemanya hilang entah ke mana
Senyap sunyi tak ada bunyi
Balik kita menyanyi lagu lama

SULASTRI

Kalau nak gugur gugurlah angka
Jangan tunggu masakanya ranum
Kalau nak tidur biarlah lena
Tak ada siapa nak kejut bangun.

(Muka surat: 3 – 4)

Daripada petikan lirik lagu di atas dapat diperhatikan bahawa kekecewaan penduduk Kampung Baru dengan peranan ahli politik yang menabur janji-janji kosong. Kehadiran ahli politik di Kampung Baru silih berganti dengan wajah yang berbeza-baza. Namun begitu kehadiran mereka tetap disambut dengan penuh gilang gemilang. Walaubagaimanapun tujuannya tetap sama iaitu menabur kata-kata manis dalam membangunkan kawasan Kampung Baru menjadi sebuah bandaraya mega di tengah bandar metropolitan serta memajukan taraf kehidupan penduduk di situ.

Selain menunjukkan keculasan ahli politik memanipulasikan permasalahan Kampung Baru, Hatta Azad Khan sebenarnya menggambarkan permainan ahli politik sekarang yang memerlukan populariti untuk dikenali sebagai orang yang mempunyai jawatan tinggi. Caranya dengan memanipulasi keadaan atau isu dan perlunya hebahan kepada umum. Hal inilah yang terjadi kepada Kampung Baru di mana permasalahannya tidak pernah selesai tetapi wajah-wajah ahli politik silih berganti dan berjanji untuk membangunkan kawasan Kampung Baru. Perhatikan petikan dialog di bawah:

HAJI PALAWAN

Orang politik zaman sekarang lebih-lebih lagi yang pegang jawatan memang suka bercakap banyak. Ini bukan aku yang kata. Ini kata orang surat khabar, aku membacanya. Katanya, ada yang sering mengulang – ngulang benda yang sama kerana nakkan publisiti. Kadang –kadang benda yang boleh dihebahkan sekali gus dihebahkan sedikit-sedikit supaya dapat keluar surat khabar banyak kali. Seorang ahli politik yang memegang jawatan dalam kerajaan pernah berkata betapa dia rasa satu kekosongan bilaa gambar tidak ada dalam surat khabar.

RATNASARI

Saya pun baca surat khabar itu. Itu pojok Awang Selamat. Saya setuju sangat bila dia kata, masanya sudah sampai bagi orang politik dan orang surat khabar sama-sama membuang mentaliti dunia ketiga. Marilah kita tangani perkara isi dan usah omong kosong.

(Muka surat: 47 – 48)

Dari kacamata Hatta, ketidakadilan dalam masyarakat sering menimpa manusia terpinggir yang serba kekurangan. Kumpulan marhaen ini dilihat menjadi mangsa diskriminasi, penindasan, kezaliman, hak yang dinafikan dan tiada pembelaan oleh pihak yang bertanggungjawab. Melalui Muzikal Kampung Baru, Hatta Azad Khan memberi gambaran tentang penduduk miskin tegar di bandar yang tidak diberi pembelaan yang sewajarnya.

“Kerajaan akan mewujudkan Perbadanan Pembangunan Kampung Baru bagi memajukan penempatan orang Melayu itu yang terletak di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur. Menteri Wilayah Persekutuan berkata, butir-butir lengkap mengenai perbadanan itu akan didedahkan kepada umum setelah Pelan Pembangunan Kampung Baru yang terkandung dalam Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2020 diwartakan. Kerajaan juga telah menubuhkan Unit Khas Pembangunan Kampung Baru yang dianggotai pegawai DBKL, Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan kementerian itu. Tambah beliau, kerajaan juga memperuntukan

sebanyak RM100 juta sepanjang tempuh RMK-9 bagi membangunkan tapak pasar minggu di Kampung Baru” (Utusan Malaysia, 2009).

Walaupun Kampung Bharu telah menyambut ulang tahun yang ke 100 tahun pada tahun 2011 namun kemajuan Kampung Bharu masih berada di tahap takuk yang lama. Janji yang diperkatakan sehingga ke hari ini masih belum terlaksana. Kampung Bharu masih kelihatan seperti sebelumnya. Tidak ada perubahan tidak ada pembangunan dalam memajukan penduduk setempat. Perhatikan contoh dialog dan gambar di bawah untuk membuktikan kesamaan seperti mana yang dikatakan oleh Hatta Azad Khan di dalam Muzikal Kampung Baru dengan realiti sebenar di kawasan Kampung Bharu di Kuala Lumpur:

ROSEMERA

Inilah Kampung Baru. Kampung Melayu dalam kota metropolitan Kuala Lumpur. Sudah dihubungkan dengan stesen kereta api bawah tanah. Tapi kerana pembangunannya tidak setara dan ekonominya lembap, jadilah stesen itu yang paling sunyi!!

GULAM RUSSEL

Tanahnya dan rumah masih banyak yang tidak berubah. Sebahagian besarnya disewa kepada orang luar.

RATNASARI

Rumahnya buruk! Banyak yang tak pernah dibaiki.

(Muka surat: 6)



Gambar 4.17: Rumah usang yang masih terdapat di Kampong Bharu
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)



Gambar 4.18: Rumah usang yang masih terdapat di Kampong Bharu
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)

Pada 7 Disember 2011, Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011 [Akta 733] telah diluluskan di Parlimen. Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) ditubuhkan pada 1 April 2012 berperanan sebagai Agensi Penyelaras, Pemudah Cara dan Penggerak Utama dalam pembangunan semula Kampong Bharu. PKB juga telah menubuhkan pasukan “Mobile Team” bagi mengesan pemilik dan pewaris tanah bagi membangunkan Kampong Bharu. Walaubagaimanapun isu pembahagian tanah yang mempunyai banyak pemilik dan pewaris merumitkan serta membantutkan kerja dalam pembangunan di situ. Pengerusi PKB, Datuk Affendi Zahari menjelaskan bahawa PKB masih menunggu peruntukan daripada Kerajaan Pusat bagi menampung tujuan pelaksanaan menjejak waris Kampong Bharu (Rushidi Salleh, 2015).

Di sini jelas menunjukkan pihak kerajaan belum dapat menangkis dan menangani masalah terencil yang terdapat di Kampong Bharu. Pelan Induk Terperinci Pembangunan Kampong Bharu (PITPKB) hanyalah satu *master plan* yang cuba mengaburi mata penduduk tentang perancangan pembangunan di kawasan Kampong Bharu. Walhal Pengerusi PKB telah menyatakan bahawa pihak mereka masih mengharapkan dana kewangan daripada Kerajaan Pusat bagi menangani masalah-masalah yang belum selesai. Jadi di sini Hatta Azad Khan menimbulkan persoalan bagaimana kerajaan hendak menjalankan pembangunan yang berstatus pembangunan mega sedangkan hak milik waris tanah di Kampong Bharu masih belum selesai. Sila rujuk dialog di bawah:

NESAN

Kampung Baru ni nak buat apa pun tak boleh! Banyak sekatan dan pantang larangnya. Ini tanah rizab Melayu, tanah pertanian, nak tukar undang-undang. Sekeping tanah pemiliknya berpuluh orang, atuk nenek, ayah mak, anak-anak, cucu cicit.

RAJA MOLEK

Ini bukan kecil anak punya projek! Nakkan modal besar! Dalam berniaga orang yang keluar modal mesti nak cari untung, kalau rugi nak buat apa?

(Muka surat: 36 - 37)

Dapat diperhatikan bahawa tanah di kawasan Kampung Baru itu merupakan tanah rizab Melayu. Pemilikan, pertukaran dan sewa beli harus ada caranya dan tidak boleh dibuat sembarangan kerana mesti melalui undang-undang yang telah ditetapkan. Keinginan orang atasan untuk memajukan tanah di kawasan Kampung Baru disebabkan nilainya yang tinggi. Hal ini kerana Kampung Baru merupakan satu-satunya kawasan penempatan yang masih wujud di tengah-tengah bandaraya. Rupanya infrastrukturnya tidak setaraf dengan kawasan-kawasan yang pesat membangun di sekelilingnya.

Watak dan perwatakan ahli politik tidak diwujudkan Hatta Azad Khan dalam Muzikal Kampung Baru ini. Menurut kamus dewan edisi keempat, watak dapat ditakrifkan sebagai sifat, tabiat tingkah lakunya, jiwanya, pemikiran ataupun peggambaran (pemaparan) peribadi. Di dalam Muzikal Kampung Baru, Hatta Azad Khan hanya menyatakan wujudnya watak ahli politik melalui dialog-dialog yang diucapkan. Namun kehadiran watak itu sendiri tidak sama sekali wujud di dalam naskah ini. Malahan perilaku watak tersebut turut dinyatakan melalui penyampaian dialog semata-mata. Seperti bait lirik lagu “Riuh”, secara simboliknya Hatta Azad Khan memperkenalkan watak ahli politik di dalam Muzikal Kampung baru. Perhatikan lirik tersebut:

RAJA MOLEK

Riuh-rendah pecah kampung terbalik pekan
Pekak telinga pedih mata tengok gambar masa depan
Atas kertas semuanya berseri dan bercahaya
Ternganga mulut hingga tak terkata.

Macam-macam rancangan ada
Macam dalam TV dalam wayang
Pembangunan kemas kini dan kemas murni
Air liur bersembur merata hala.

(Muka surat: 3 – 4)

Hatta Azad Khan menggambarkan kehadiran ahli politik yang membawa manifesto pembangunan Kampung Baru. Segala perancangan kelihatan megah dan tersusun. Semuanya perancangan tersebut seolah-olah tiada cacat celanya dan akan memberi keuntungan berlipat kali ganda kepada penduduk. Bukan setakat kehadiran mereka di Kampung Baru malahan berita pembangunan Kampung baru tersiar di dada akhbar mahupun di kaca televisyen.

Seterusnya dapat dikukuhkan lagi kehadiran watak dan perwatakan ahli politik dalam Muzikal Kampung Baru. Haji Palawan terus membedil ketidakpuasan terhadap tindakan mereka yang sambil lewa terhadap pembangunan Kampung Baru itu. Bahkan sehingga Haji Palawan hilang kawalan diri apabila mengenangkan keterlibatan ahli politik yang tidak menjalankan tanggungjawab mereka dengan telus. Haji Pahlawan inginkan pimpinan ahli politik yang dahulu kerana mereka lebih amanah dan bertanggungjawab. Perhatikan dialog di bawah:

HAJI PALAWAN

Orang politik zaman sekarang lebih-lebih lagi yang pegang jawatan memang suka bercakap banyak. Ini bukan aku yang kata. Ini kata orang surat khabar, aku membacanya. Katanya, ada yang sering mengulang – ngulang benda yang sama kerana nakkan publisiti. Kadang –kadang benda yang boleh dihebahkan sekali gus dihebahkan sedikit-sedikit supaya dapat keluar surat khabar banyak kali. Seorang ahli politik yang memegang jawatan dalam kerajaan pernah berkata betapa dia rasa satu kekosongan bilaa gambar tidak ada dalam surat khabar.

(Muka surat: 47)

HAJI PALAWAN

Aku marah! Aku geram! Aku menyampah! Mana orang besar? Mana pemimpin? Mana orang politik yang aku pilih, yang aku undi? Apa kau orang buat? Dah lima puluh tahun merdeka! Kau orang menjerit hidup Melayu tahun 1946 di Kelab Sulaiman. Aku dengar Dato' Onn berucap. Semua orang menjerit, melaung, "Hidup Melayu". Mana dia orangnya yang menjerit "Hidup Melayu!?" "Merdeka!" apa yang merdekanya?? Kau orang tahu tak sejarah Padang Kelab Sulaiman? Kalau tak tahu sejarah jangan jadi pemimpin, jangan masuk parti, jangan masuk politik!! Tapi sampai hari ni Kampung Baru ni tak jadi apa pun!!

RATNASARI

Sabar Pak Aji! Bawa bertenang. Saya tahu semua tu. Tarikh Kongres Melayu itu pada 1 hingga 4 Mac 1946. Dato' Onn telah dilantik sebagai pengerusinya!

(Muka surat: 70 – 71)

Di dalam Muzikal Kampung Baru ini Hatta Azad Khan sememangnya secara tajam dan sinis menyindir tentang perilaku ahli politik kini. Keterlibatan mereka dalam arena politik jauh berbeza dengan peranan ahli politik di zaman Tunku Abdul Rahman. Ahli politik ketika ini sukakan populariti untuk meraih perhatian daripada rakyat jelata. Namun kelangsungan dalam menjalankan tugas yang diamanahkan oleh rakyat jauh sama sekali tidak sama seperti yang pertaruhkan ketika berkempen.

Sebenarnya Muzikal Kampung Baru ini juga cuba menyedarkan rakyat untuk membuka mata dalam memilih tampuk kepimpinan yang bakal memerintah. Hatta Azad Khan cuba melakukan *twist mind set* di mana rakyat itu adalah ketua manakala pemimpin adalah pelaksana. Sekiranya pemimpin itu salah memilih ahli-ahlinya maka segala perancangan tidak akan berjaya. Begitulah cara Hatta Azad Khan untuk memberi kesedaran kepada pembaca semua.

Justeru itu wujudlah watak-watak seperti Gulam Russel, Ratnasari, Rosemera, Nathan, Tulus dan Joshua Ong. Kehadiran watak-watak ini digambarkan oleh Hatta Azad Khan sebagai penyelamat penduduk di Kampung Baru. Mereka ini terdiri daripada pelbagai bangsa yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Walaupun mereka terdiri daripada pelbagai bangsa Hatta Azad Khan tetap meletakkan Melayu sebagai watak protagonis. Pertelingkahan berlaku di antara Haji Palawan dengan Gulam Russel tentang asal keturunannya. Perhatikan ungkapan dialog berikut:

HAJI PALAWAN

Datuk kamu Gulam Muhammad Khan! Bukannya Melayu! Apa Melayunya kamu. Nenek kamu kahwin orang Pakistan. Mak kamu yang separuh Melayu kahwin pulat mat salih. Kamu ni suku saja Melayunya. Bini kamu pula, kata kamu tadi, Cina campur India. Kamu nak balik ke sini nak mengaku diri kamu Melayu?

GULAM RUSSEL

Jodoh pertemuan di tangan Allah Pak Aji! Allah menjadikan umatnya berbagai rupa, berbagai warna, berlainan bangsa, adat dan agama.

(Muka surat: 20)

Haji Palawan masih teguh dengan pendiriannya bahawa Kampung Baru hanya untuk orang Melayu. Selain daripada bangsa Melayu mereka tidak layak untuk menetap dan tidak berhak untuk membawa perubahan dan pembangunan Kampung Baru tersebut. Di sini sebenarnya Hatta Azad Khan menyuarakan pendapat bahawa keturunan itu sekadar salasilah keturunan. Namun perkara yang paling penting ialah penerimaan terhadap perubahan itu perlu ada dalam diri mereka. Gulam Russel seperti yang dinyatakan di dalam Muzikal Kampung Baru ini juga masih mewarisi sedikit darah Melayu daripada sebelah keturunan ibunya cuma bapanya yang berbangsa Inggeris.

Melayu itu perlu ada perubahan. Tidak boleh sentiasa berasa senang dengan apa yang mereka miliki sekarang. Kemajuan yang dibangkitkan Hatta Azad Khan bukan sahaja tentang pembangunan tetapi juga tentang jati diri dan kecemerlangan Melayu itu sendiri. Melayu perlu bangkit dan seiring dengan kemajuan yang ada. Perlu berdiri megah dengan identiti Melayu yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Perhatikan lirik lagu “Melayu Baru”:

GULAM RUSSEL

Melayu itu luas pengertiannya
Seluruh rakyat peribumi Nusantara
Kita ini tidak boleh bersendirian
Kecil kita dipandang orang.

RATNASARI

Melayu itu bukan hanya nama
Tapi jiwa roh dan semangatnya
Katanya takkan hilang di dunia
Tapi jangan sesak dan hilang nyawa.

TULUS

Melayu itu mesti ke depan dan berani
Tambah pula berpijak di bumi sendiri
Tapi berjuang jangan sampai mati
Tak kesampaian hajat dan hasrat hati.

GULAM RUSSEL

Melayu itu biar terbukaa mindanya
Hidup biar bervisi dan bermisi
Biar berdaya saing dan berdaya maju
Tapi jangan sampai menyesak diri

(Muka surat: 16 – 17)

Cara Hatta Azad Khan mengetengahkan ideanya cukup menarik. Sebenarnya beliau ingin menyeru anak bangsanya supaya berusaha untuk menegakkan kebebasan daripada kemiskinan dan kemunduran. Namun perjuangan itu haruslah berlandaskan dengan jalan yang betul. Mempertahankan bangsa sehingga menggadaikan kehidupan bukanlah suatu jalan penyelesaian yang sempurna. Hatta Azad Khan masih gusar mentaliti Melayu kini

yang semakin sempit dalam menerima sebarang perubahan. Oleh yang demikian beliau menyatakan bahawa Melayu itu perlu berhajat dan berani untuk berubah, namun begitu mindanya perlu terbuka luas untuk melihat sebarang kontijensi.

Enam orang muda ini merupakan pemangkin kepada perubahan Kampung Baru. Mereka hadir dengan pelbagai pelan dan cadangan untuk kebaikan penduduk di situ. Walaupun begitu mereka perlu mendapat sokongan padu daripada penduduk tempatan untuk menerima cadangan mereka. Bahkan mereka memerlukan penduduk Kampung Baru untuk turut serta dalam memajukan dan melaksanakan pelan perancangan yang telah dirancangan itu. Perhatikan dialog di bawah:

GULAM RUSSEL

Seluruh anak-anak Kampung Baru berbagai peringkat akan dilibatkan. Pembangunan ini berjalan serentak. Bila dibina hotel kita latih seluruh kakitangan dalam berbagai bidang. Kita juga latih pasukan keselamatan, tukang masak, pelayan dan jurubahasa.

TULUS

Jangka masa keseluruhan program pembangunan berperingkat ini adalah antara lima hingga sepuluh tahun.

ROSEMERA

Ada *showroom* kereta dari seluruh dunia. Ada pusat rawatan. Ada hotel, restoran, sekolah dan pusat penyelidikan, ada pusat hiburan tradisional Melayu dan panggung opera mementaskan bangsawan, dan sesekali sekala opera Cina dan drama Tamil!

RATNASARI

Ada pusat rawatan. Ada pusat penyelidikan ubat-ubatan Melayu yang dibuat secara saintifik, diuji dan diberi *packing* dengan segala perakuan dan tanggungan.

GULAM RUSSEL

Semuanya mesti istimewa! Terdapat Cuma di Kampung Baru dan tidak di tempat lain. Mengenal dunia Melayu yang asli dengan bentuk, cara dan sajian moden.

NATHAN

Pengangkutan: ada satu bulatan monorel di atas. Di bawah ada laluan khas basikal, motosikal dan lanca, tapi tidak ada kereta, lori atau bas. Boleh tambah pedati berkuda untuk jadi tarikan terutama kanak-kanak. Laluannya tidak mengganggu kawasan penduduk.

TULUS

Hotel, restoran ada laluan belakang atau *loading bay* satu hala. Apartment kediaman tidak setempat dengan kawasan hotel dan pelancongan. Ada jalan untuk membolehkan kereta dan bas masuk. Ada *parking station* di empat penjuru dan selepas itu semua mesti menggunakan kenderaan awam seperti yang disebutkan Nathan tadi.

GULAM RUSSEL

Masjid untuk umat Islam semua bangsa dan keturunan dibina di tengah-tengah. Khutbahnya bergilir-gilir dalam bahasa Melayu, Inggeris, Urdu, Tamil dan Mandarin.

TULUS

Bulan Ramadan akan ada bazar Ramadhan dan majlis berbuka puasa yang boleh disertai semua kaum. Semua kedai makan kecuali restoran tertutup di hotel dibuka waktu siang. Semua bentuk persembahan ditiadakan selama sebulan, kecuali lagu-lagu nasyid dan bacaan al-Quran.

GULAM RUSSEL

Bubur lambuk masih dibuat dan diberi percuma kepada sesiapa saja tanpa mengira bangsa dan agama.

NESAN

Pada orang bukan Islam elok kita jual!

JOSHUA ONG

Jangan! Biar kita pupuk semangat bersedekah oleh orang Islam kepada setiap insan tanpa mengira bangsa, warna kulit dan bahasa percakapan.

ROSEMERA

Majlis Hari Raya akan disambut meeriah dengan pelita minyak tanah, bunga api dan meriam buluh dipasang setiap penjuru.

RATNASARI

Majlis perkahwinan adat Melayu terbuka untuk semua bangsa. Ada *package* lengkap siap dengan kenduri-kendara sembelih lembu dan sebagainya.

JOSHUA ONG

Setiap musim cuti sekolah diadakan *package* perkahwinan dan berkhatan beramai-ramai. Siap dengan perarakan berkuda, tapi dilakukan oleh doktor

bertauliah secara saintifik, bukan duduk atas batang pisang berdepan tuk mudim bermisai melenting.

RATNASARI

Ada kedai menjual songket, batik, tenunan termasuk baju mandi lelaki dan perempuan! Pelancong boleh membuat tempahan dan siap dalam tempoh dua puluh empat jam.

(Muka surat 58 – 62)

Seperti mana yang digambarkan Hatta Azad Khan watak-watak anak muda di dalam Muzikal Kampung Baru dapatlah disama ertikan dengan penubuhan PKB. PKB dengan pelan PITPKB yang dibangunkan di bawah Program Tranformasi Ekonomi (ETP). Antara cadangan di dalam PITPKB ialah **1 blok Komplek Sukan Bersepadu 5 Tingkat** dan **Kompleks Islam Bersepadu**. Perlaksanaan dalam pembangunan Kampong Bharu itu dilaksanakan secara tiga peringkat (sila rujuk jadual di bawah). Sehubungan dengan itu juga syarikat yang mempunyai objektif komersi dan kepentingannya dikawal secara langsung oleh kerajaan (GLC) digalakkan untuk membantu dalam projek pembangunan PITPKB ini. Sekali lagi persoalan dari Hatta Azad Khan iaitu bagaimana untuk membangunkan Kampong Bharu sedangkan pihak Malay Agricultural Settlement masih berkuasa penuh ke atas tanah di Kampong Baru dan akta undang-undang-undang *Federation of Malaya Goverment Gazette* masih sah diguna pakai sehingga ke hari ini.

Bekas Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar sebelum ini iaitu Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata hak pemilikan tanah orang Melayu di kawasan Kampong Bharu tidak akan terjejas walaupun masyarakat bukan Melayu bakal diberikan kuota 40% (empat puluh peratus) untuk memiliki hartanah di kawasan berkenaan apabila projek pembangunan Kampong Bharu dilaksanakan kelak. Di sini menunjukkan bahawa keculasan peranan pemimpin dalam membuat sebarang perancangan dan

keputusan. Cadangan beliau dalam memberi kuota tanah kepada orang bukan Melayu menunjukkan kelemahan beliau dalam menangani permasalahan Kampong Bharu dan menjadikan ianya satu isu politik yang tegar (Bernama, 29 Mei 2010). Walhal di dalam *Federation of Malaya Government Gazette* telah termaktub bahawa Kampong Bharu hanya untuk orang Melayu.

Melihat dari sudut yang berlainan pula, jati diri yang ada dalam diri anak muda seperti Gulam Russel untuk membantu membangunkan kampung halamannya walaupun dia bukan anak Melayu jati harus diberikan perhatian yang sewajarnya. Hatta cuba menyampaikan kepada masyarakat betapa pentingnya generasi muda untuk mempertahankan hak yang sedia ada. Di sini Hatta menggambarkan generasi muda itu haruslah mempunyai ilmu yang tinggi dalam menghadapi cabaran ketidakadilan agar perkara yang sama tidak berulang lagi.

Jelas menunjukkan pencerapan karya-karya Hatta Azad Khan adalah berkenaan isu semasa yang berlaku di dalam negara. Hatta Azad Khan menyampaikan bahawa isu ini boleh menjadi perosak kepada generasi akan datang sekiranya kita tidak mengambil berat tentang permasalahan tersebut. Kerisauan Hatta terhadap isu-isu yang kita anggap remeh dan kecil itu sebenarnya merupakan pembunuh senyap paling utama. Campur tangan kuasa politik yang menggunakan isu semasa sedia ada merupakan satu tindakan yang tidak wajar. Penglibatan politik dalam permasalahan ini sebenarnya bukan menyelesaikan masalah tetapi semakin merumitkan lagi permasalahan yang sehingga ke hari ini belum ada jalan penyelesaiannya. Gambaran yang cuba di tonjolkan oleh Hatta Azad Khan ialah ketidakcerdikan dan kegagalan ahli politik dalam menangani masalah ini. Apabila isu ini

bangkitkan akan kelihatan penduduk Kampong Bharu akan memberi sokongan kepada ahli politik tersebut.

4.3.2 EKONOMI

Di dalam Muzikal Kampung Baru digambarkan bahawa kehidupan penduduk di sana dalam keadaan yang sederhana sahaja. Kebergantungan sumber pendapatan adalah melalui sistem perniagaan. Namun begitu sistem tersebut tidak menepati cara yang betul dan ianya banyak bergantung terhadap orang yang ketiga.

Wujudnya watak-watak seperti Raja Molek yang digambarkan sebagai salah seorang pewaris asal yang sememangnya mempunyai kehidupan yang mewah akan terus berkuasa. Manakala dua orang pengikut setia Raja Molek iaitu Jalad dan Nesan yang mempunyai muslihat akan terus mengambil kesempatan untuk meraih kemewahan. Dengan apa cara sekalipun mereka sanggup melakukan demi mengejar kemewahan.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa faktor ekonomi penentu kepada arah tuju kehidupan. Hal ini kerana di dalam Muzikal Kampung Baru, mereka membicarakan tentang meningkatkan taraf kehidupan penduduk di sana. Perubahan tidak akan berlaku sekiranya seseorang itu tidak mempunyai wang. Pada masa kini wang mampu mengubah segala-galanya. Perhatikan dialog di bawah:

NESAN

Orang sini cuma nak hidup senang. Mereka tak suka kerja. Janji duit masuk. Semua boleh runding. Nak sewa tapak, nak sewa ruang, nak sewa orang. Beritahu saja pada saya. Tahulah saya mana tempat yang boleh saya cucuk jarum, mana tempat saya boleh tarik dan saya boleh hulur!! Kami membantu memajukan ekonomi penduduk Kampung Baru!

TULUS

Ekonomi?

JALAD

Tak ada mata ke? Tengoklah sendiri!! Kami dah tolong aturkan macam-macam kegiatan ekonomi. Warung merata ceruk. Orang Kampung Baru ni hidup berduit berkat usaha kami berdua! Tengok tu, mereka berniaga macam-macam, nasi lemak, bubur nasi, tomyam, *steak*, *chicken chop*! Itu baru makanan.

NESAN

Perkhidmatannya pula, cuci dan *polish* kereta, sewa kereta, urut-mengurut menambah tenaga dan katering! Semuanya ada di sini! Orang Kampung Baru terima duit masuk saja!

JALAD

Bukan nak cakap besarlah! Semuanya tu kami yang tolong. Kedai nasi lemak world class Kak Yam ni pun tak akan hidup kalau kami tak bekalkan pekerja-pekerja luar macam Pak Gito dan Sulastri!

NESAN

Ramai penduduk Kampung Baru senang lenang! Tak payah kerja, duit masuk tiap bulan! Apa lagi yang mereka nak?

(Muka surat: 13 – 14)

Bantuan ekonomi yang dinyatakan oleh Nesan dan Jalad merupakan usaha yang telah dilakukan oleh mereka selama ini. Merekalah yang membantu penduduk di situ menjana pendapatan. Walau bagaimanapun Hatta Azad Khan sebenarnya menunjukkan bahawa tindakan Nesan dan Jalad bukanlah suatu perancangan yang akan memberi keuntungan bagi tempoh masa yang panjang. Gambaran ini jelas menunjukkan bahawa perancangan tersebut penuh dengan muslihat oleh mereka berdua untuk mengaut keuntungan semata-mata. Rumah dan tapak kedai disewakan kepada orang asing.

Selain daripada itu juga Hatta Azad Khan menggambarkan kehidupan secara keseluruhan penduduk Kampung Baru. Hal ini dapat diperhatikan apabila Mak Renong dan Haji Palawan mengeluh dengan suasana yang berlaku di Kampung Baru. Mereka berdua yang turut mewakili orang yang sudah lama menetap di Kampung Baru menceritakan tentang perkembangan serta peranan ahli politik yang hanya indah dari khabar. Bahkan juga ramai generasi muda yang berhijrah ke luar untuk mencari kehidupan yang lebih selesa. Perhatikan ungkapan berikut:

MAK RENONG

Balik cerita pasal Kampung Baru! Mak Nong setuju sangatlah bila kau kata, kampung ni dah silap nama, tak boleh panggil Kampung Baru lagi dah, dah tak ada yang baru. Mak Nong pun malu, bukan tak malu! Mak Nong harap orang muda-muda macam kamulah buat pembaharuan! Mak Nong boleh kerah anak-anak Mak Nong datang tolong! Tapi anak-anak Mak Nong pun tak duduk Kampung Baru. Mereka dah beli rumah sendiri, jauh lebih baik dari rumah di Kampung Baru!

(Muka surat: 22)

Penghijrahan anak muda di Kampung Baru itu bukanlah suatu alasan untuk Kampung Baru akan terus mundur. Masih terdapat generasi baru yang setia akan tanah airnya. Namun kewujudan mereka ini masih sedikit ataupun penghijrahan mereka belum berakhir untuk menimba pengalaman demi membangunkan tanah air mereka kemudian hari. Di dalam Muzikal Kampung Baru ini, Hatta Azad Khan telah menampilkan watak-watak anak muda ini yang penuh iltizam untuk memperjuangkan tanah air mereka. Jika dilihat pelan yang telah dirancang oleh anak muda ini, mereka cuba meningkatkan taraf kehidupan dengan melaksanakan pembangunan infrastruktur. Hasil daripada pembangunan tersebut secara tidak langsung taraf ekonomi penduduk turut meningkat dengan adanya perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan. Sila perhatikan dialog di bawah:

TULUS

Mereka tak mahu ketinggalan! Mereka nakkan pembangunan infrastruktur yang lebih kemas dan teratur supaya kegiatan ekonomi juga meningkat sesuai dengan sesebuah bandar raya bertaraf dunia.

(Muka surat: 14)

Merujuk kepada realiti sebenar yang berlaku di Kampong Bharu pihak kerajaan memberi pelbagai janji dalam cadangan membangunkan Kampong Bharu tetapi perlaksanaannya masih terbantut. Sumber kewangan masih bergantung kepada syarikat GLC dalam melaksanakan aras projek pembangunan. Isunya ialah kuasa sewa, jual dan beli tanah di Kampong Bharu tidak boleh dilaksanakan oleh pemilik tanah kerana M.A.S mempunyai kuasa penuh ke atas tanah tersebut. Pembelian tanah berdasarkan pindah hakmilik pembangunan (TDR) kelihatan tidak menguntungkan dan akan memberi keburukan di kemudian hari. Hal ini kerana sistem jual beli seterusnya akan merujuk kepada sistem hak milik strata⁷.


Pemacuan isu Kampong Bharu bukan setakat digembar gemburkan dengan pelan pembangunan sahaja. Namun di dalam cadangan pelaksanaan PITPKB turut menyediakan pelbagai inisiatif dalam memacu, merangsang dan menggalakkan aktiviti pertumbuhan ekonomi, komersial dan perindustrian melalui kerjasama dan perkongsian strategik yang menguntungkan pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu. Dengan itu sasaran dan halatuju pembangunan Kampong Bharu dari segi ekonomi ialah mempromosikan pelancongan bandar sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi bandar dengan menjadikan Kampong Bharu sebagai pusat kebudayaan dan pelancongan. Seterusnya mempergiatkan

⁷ Sila rujuk portal rasmi Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk melihat penjelasan berkaitan dengan Hak Milik Strata.

aktiviti perdagangan, kewangan dan pendidikan antarabangsa ke arah perdagangan berasaskan pengetahuan serta penyediaan ruang perniagaan yang optimum.



Gambar 4.19: Ilustrasi artis 1 blok Komplek Sukan Bersepadu 5 Tingkat yang diperolehi dari buku Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu Laporan Tahunan 2014 (Sumber: Kajian lapangan pengkaji)



Gambar 4.20 : Ilustrasi artis Kompleks Islam Bersepadu yang diperolehi dari buku Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu Laporan Tahunan 2014 (Sumber: Kajian lapangan pengkaji)

Jadual 4.4: Cadangan pelaksanaan dalam membangunkan Kampong Bharu

	Cadangan Pelaksanaan	Penerangan
Peringkat Pertama	Penyatuan Lot	Memerlukan pemilik/pewaris tanah untuk menggabungkan lot tanah di antara mereka bagi mencapai saiz lot minimum iaitu 30,000 kaki persegi dalam mewujudkan reka bentuk bangunan yang lebih fleksibel, berkualiti serta bangunan 'Gred A' yang menjadi keutamaan dalam pembangunan Kampong Bharu.
Peringkat Kedua	Pembangunan komprehensif melalui mekanisme pindah hakmilik pembangunan (<i>Transfer of Development Rights</i>)	Pemilik tanah yang bersetuju akan memindahkan hak membangun masing-masing kepada satu entiti yang akan dipertanggungjawab untuk memegang hak membangun tersebut bagi pemilik tanah/pewaris tanah dan seterusnya melaksanakan pembangunan semula Kampong Bharu
Peringkat Ketiga	Program <i>Business Improvement District Scheme</i> (<i>BIDS</i>)	Perlaksanaan <i>BIDS</i> melibatkan cadangan-cadangan menambahbaik persekitaran alam bina, peningkatan kemudahan infrastruktur, penyediaan ruang awam yang hijau untuk kegunaan awam, peningkatan landskap, kebersihan dan keselamatan. Projek-projek seperti laluan pejalan kaki, pengindahan bandar, kawasan lapang dan beberapa projek yang telah dicadangkan. Projek-projek ini akan menjadi pemangkin bagi menggalakkan komuniti perniagaan dalam kawasan ini untuk bersama menyumbangkan kepada peningkatan kualiti alam bina seterusnya membantu aktiviti perniagaan agar terus meningkat, aktif dan vibran.

Dalam usaha meningkatkan ekonomi seperti yang telah dirancangan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu mereka telah mengadakan “Program Pemerksaan Melayu dalam Rangkaian Perniagaan dan Keusahawanan Kampong Bharu pada tahun 2014” yang dirangka dalam empat peringkat. Peserta dipilih daripada pelbagai latar belakang seperti peniaga, kakitangan swasta dan kerajaan, pelajar, surirumah dan penganggur. Matlamat program tersebut adalah untuk membimbing bakal usahawan khususnya generasi penduduk dan orang muda Kampong Bharu sebagai persediaan kepada mereka untuk menggerakkan aktiviti ekonomi pelbagai bidang perniagaan.

Di dalam Muzikal Kampung Baru turut dinyatakan keterlibatan penduduk berdasarkan perancangan untuk melibatkan penduduk dalam meningkat kemahiran. Selain daripada itu juga ianya akan dapat membentuk serta menghasilkan individu yang profesional. Sila rujuk ialog di bawah:

GULAM RUSSEL

Seluruh anak-anak Kampung Baru berbagai peringkat akan dilibatkan. Pembangunan ini berjalan serentak. Bila dibina hotel kita latih seluruh kakitangan dalam berbagai bidang. Kita juga latih pasukan keselamatan, tukang masak, pelayan dan jurubahasa.

TULUS

Jangka masa keseluruhan program pembangunan berperingkat ini adalah antara lima hingga sepuluh tahun.

ROSEMERA

Ada *showroom* kereta dari seluruh dunia. Ada pusat rawatan. Ada hotel, restoran, sekolah dan pusat penyelidikan, ada pusat hiburan tradisional Melayu dan panggung opera mementaskan bangsawan, dan sesekali sekala opera Cina dan drama Tamil!

RATNASARI

Ada pusat rawatan. Ada pusat penyelidikan ubat-ubatan Melayu yang dibuat secara saintifik, diuji dan diberi *packing* dengan segala perakuan dan tanggungan.

GULAM RUSSEL

Semuanya mesti istimewa! Terdapat Cuma di Kampung Baru dan tidak di tempat lain. Mengenal dunia Melayu yang asli dengan bentuk, cara dan sajian moden.

NATHAN

Pengangkutan: ada satu bulatan monorel di atas. Di bawah ada laluan khas basikal, motosikal dan lanca, tapi tidak ada kereta, lori atau bas. Boleh tambah pedati berkuda untuk jadi tarikan terutama kanak-kanak. Laluannya tidak mengganggu kawasan penduduk.

TULUS

Hotel, restoran ada laluan belakang atau *loading bay* satu hala. Apartment kediaman tidak setempat dengan kawasan hotel dan pelancongan. Ada jalan untuk membolehkan kereta dan bas masuk. Ada *parking station* di empat penjuru dan selepas itu semua mesti menggunakan kenderaan awam seperti yang disebutkan Nathan tadi.

GULAM RUSSEL

Masjid untuk umat Islam semua bangsa dan keturunan dibina di tengah-tengah. Khutbahnya bergilir-gilir dalam bahasa Melayu, Inggeris, Urdu, Tamil dan Mandarin.

TULUS

Bulan Ramadan akan ada bazar Ramadhan dan majlis berbuka puasa yang boleh disertai semua kaum. Semua kedai makan kecuali restoran tertutup di hotel dibuka waktu siang. Semua bentuk persembahan ditiadakan selama sebulan, kecuali lagu-lagu nasyid dan bacaan al-Quran.

GULAM RUSSEL

Bubur lambuk masih dibuat dan diberi percuma kepada sesiapa saja tanpa mengira bangsa dan agama.

NESAN

Pada orang bukan Islam elok kita jual!

JOSHUA ONG

Jangan! Biar kita pupuk semangat bersedekah oleh orang Islam kepada setiap insan tanpa mengira bangsa, warna kulit dan bahasa percakapan.

ROSEMERA

Majlis Hari Raya akan disambut meeriah dengan pelita minyak tanah, bunga api dan meriam buluh dipasang setiap penjuru.

RATNASARI

Majlis perkahwinan adat Melayu terbuka untuk semua bangsa. Ada *package* lengkap siap dengan kenduri-kendara sembelih lembu dan sebagainya.

JOSHUA ONG

Setiap musim cuti sekolah diadakan *package* perkahwinan dan berkhatan beramai-ramai. Siap dengan perarakan berkuda, tapi dilakukan oleh doktor bertauliah secara saintifik, bukan duduk atas batang pisang berdepan tuk mudim bermisai melenting.

RATNASARI

Ada kedai menjual songket, batik, tenunan termasuk baju mandi lelaki dan perempuan! Pelancong boleh membuat tempahan dan siap dalam tempoh dua puluh empat jam.

NESAN

Ini mimpilah semua ni!

ROSEMERA

Mimpi boleh jadi kenyataan!

(Muka surat: 58 – 62)

Perancangan dalam memajukan ekonomi penduduk Kampong Bharu merupakan satu usaha yang bagus bagi menggalakkan keterlibatan orang Melayu secara total dalam bidang ekonomi. Secara tidak langsung apabila pertumbuhan ekonomi Melayu meningkat ianya akan dapat mengurangkan pengangguran, memperbanyakkan peluang pekerjaan yang banyak, meningkat kesejahteraan, dapat memperbaiki bidang pendidikan, meningkatkan kemajuan dalam bidang sains dan teknologi, produk global dapat ditingkatkan, meningkatkan kesejahteraan, dan dapat memperluaskan pasaran produk tempatan dalam dan luar negara.

Namun sebaliknya terjadi apabila menurut Tuan Haji Shamsuri Tuan Haji Suradi, sepanjang deretan kedai makan di Jalan Raja Muda Musa sudah dimonopoli oleh penyewa-penyewa luar. Mereka ini bukannya terdiri daripada penduduk asal Kampong Bharu tetapi orang luar yang menyewa kepada pemilik tanah untuk menetap di bandar raya Kuala Lumpur. Mereka mengambil kesempatan untuk membuka perniagaan sebagai sumber pendapatan.

Pelbagai jenis pelan dan model dalam mempertingkatkan ekonomi penduduk Kampong Bharu tetapi sehingga ke hari ini pelan itu hanyalah sekadar sebuah catitan di dalam sebuah buku. Berdasarkan maklumat di dalam buku Garis Panduan edisi kedua Pembangunan Hartanah Kampong Bharu menyatakan:

- i) Mempromosikan pelancongan Bandar sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi Bandar dengan menjadikan Kampong Bharu sebagai pusat kebudayaan dan pelancongan.

- ii) Memperkuat lagi aktiviti perdagangan, kewangan dan pendidikan antarabangsa ke arah perdagangan berasaskan pengetahuan.
- iii) Penyediaan ruang perniagaan yang lebih optimum.

Sehingga ke hari ini, keadaan Kampung Bharu tidak seperti yang dirancang. Dalam meningkatkan sektor pelancongan, Kampung Bharu tidak ubah seperti sebuah perkampungan yang terpencil wujud di tengah kota metropolitan. Pengkaji sendiri tidak dapat mengenal pasti apakah daya tarikan yang terdapat di Kampung Bharu. Jauh benar perkataan “pelancongan bandar” dengan keadaan sebenar. Hal ini kerana pengstrukturannya penempatan yang berterabur menyebabkan Kampung Bharu kelihatan seperti sebuah setinggan kelas tinggi. Tidak pernah menitip di bibir warga kota menyatakan bahawa Kampung Bharu sebagai pusat kebudayaan pelancongan. Yang ada cumalah penyanyi-penyanyi jalanan (*busking*) yang menyanyi di gerai-gerai makan. *Busking* bukanlah satu bentuk budaya di Malaysia. Aktiviti pendidikan yang terdapat di Kampung Bharu hanya khusus untuk penduduk Kampung Bharu seperti madrasah agama. Ahli-ahlinya hanya terdiri daripada anak-anak penduduk Kampung Bharu sahaja. Seharusnya penyertaan ini dibuka kepada orang ramai maka dengan itu akan dapat menjana pendapatan ekonomi penduduk setempat. Seperti yang telah dinyatakan oleh pengkaji sebelum ini berkaitan dengan perniagaan, Kampung Bharu boleh diibaratkan sebagai satu “medan dunia makanan”. Ketidakseimbangan dari segi bentuk dan jenis perniagaan menyebabkan salah satu kemajuan Kampung Bharu dalam keadaan yang agak lembap.

Di sini dapat disimpulkan bahawa:

1. Hubungan antara pihak yang bertanggungjawab dengan penduduk Kampong Bharu yang dingin.
2. Permasalahan Kampong Bharu tidak akan dapat diselesaikan sekiranya pemimpin yang menjadi tonggak utama hanya menjaga kepentingan diri sendiri dan bukan untuk menjaga kepentingan rakyat.
3. Pihak yang bertanggungjawab tidak memahami dan melanggar undang-undang yang telah termaktub.
4. Pihak yang bertanggungjawab memanipulasi permasalahan di Kampong Bharu dengan politik semasa.
5. Taburan janji kosong dari pihak yang bertanggungjawab dalam pembangunan Kampong Bharu.
6. Perancangan ekonomi tidak selari dengan keberhasilan kependudukan Kampong Bharu.
7. Perancangan meningkatkan ekonomi Kampong Bharu adalah satu bentuk perubahan yang memerlukan perubahan drastik penduduk setempat.
8. Tidak ada pelan strategik yang berskala kecil dalam mengubah ekonomi penduduk Kampong Bharu.
9. Kesukaran dalam meningkatkan ekonomi penduduk Kampong Bharu kerana majoriti peniaga yang sedia ada merupakan warga asing.
10. Perlu adanya kepelbagaian bentuk perniagaan dalam memajukan sektor ekonomi penduduk Kampong Bharu.

4.4 NILAI-NILAI MURNI DI DALAM TEKS DRAMA MUZIKAL KAMPUNG BARU

4.4.1 MUZIKAL KAMPUNG BARU SUATU BENTUK SIFAT MADANI PENULIS

Konsep madani merujuk kepada satu istilah yang membawa maksud maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan. Ianya merupakan satu usaha individu ataupun masyarakat dalam menyemai nilai-nilai murni. Perbincangan pengkaji bermula dengan sikap penulis yang perihatin tentang kepentingan konsep madani secara menyeluruh tentang nasib golongan marhaen.

Di dalam Muzikal Kampung Baru, Hatta Azad Khan tidak jemu dan berhenti memperjuangkan martabat bangsa Melayu. Beliau tidak pernah memandang remeh akan nilai-nilai sosial Melayu di dalam karya kreatifnya. Menurut Lucien Goldman (1976) menyatakan bahawa latar belakang dan persekitaran masyarakat turut mempengaruhi pengarang mahupun penulis dalam menghasilkan karya seninya. Hal ini dapat dilihat melalui sikap dan pemikiran Hatta Azad Khan dalam karyanya kerana penulis sendiri pernah melalui kehidupan di kawasan Kampong Bharu ketika beliau menjawat jawatan sebagai Pengarah Istana Budaya pada tahun 2000 sehingga tahun 2005.

Dr. Nur Afifah Vanitha Abdullah (2013)⁸, pensyarah di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, UNIMAS juga berpendapat bahawa Hatta Azad Khan merupakan seorang yang

⁸ Sila rujuk ulasan Dr. Nur Afifah di muka surat 57

mempunyai nilai yang budaya tinggi dalam dirinya. Bahasa yang indah dan puitis yang dipaparkan dalam karyanya menggambarkan beliau mempunyai jiwa Melayu yang halus. Lantas ini mengesahkan lagi karya karya Hatta Azad Khan dipengaruhi oleh keperibadian Melayu yang halus.

Tuntasnya keperibadian seseorang individu dapat dilihat melalui sifat dan sikap yang dizahirkan melalui tingkah laku dan budi bekerti. Inilah personafikasi penulis mengenai nilai-nilai murni yang harus ada dalam diri individu mahupun masyarakat.

4.4.2 SEMANGAT PATRIOTISME YANG TINGGI

Patriotisme merupakan salah satu nilai-nilai murni yang harus ada dalam diri individu mahupun masyarakat. Lahirnya semangat patriotisme ini adalah atas dasar cintakan bangsa dan negara. Bahkan semangat patriotisme ini boleh merubah individu dan masyarakat berkorban jiwa raga sehingga ketitisan darah yang terakhir untuk mempertahankan maruah bangsa, agama dan negara. Inilah tanda sebagai kasih dan setia kepada bangsa, agama dan negara.

Di dalam teks drama muzikal Kampung Baru, Hatta Azad Khan tidak ketinggalan menerapkan semangat patriotisme yang tinggi di kalangan masyarakat Malaysia. Sekumpulan anak muda yang diketuai oleh Gulam Russel dan rakan-rakannya masih memperjuangkan hak tanah kepunyaan orang Melayu. Dalam pada masa yang sama anak-anak muda ini mahukan perubahan kepada penduduk di Kampung Baru untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka dengan pelbagai strategi yang boleh menguntungkan

semua pihak. Penduduk Kampung Baru sendiri yang berdiri teguh dalam memperjuangkan hak dalam membangunkan tanah mereka.

Hatta Azad Khan tidak menggambarkan semangat patriotisme dalam bentuk pertumpahan darah. Sejajar dengan kecemerlangan Malaysia yang mencecah kemerdekaan hampir 60 tahun, peperangan dalam bentuk keganasan bukanlah imej Malaysia dalam menunjukkan semangat patriotisme. Ianya sudah tidak relevan lagi dengan kehidupan Malaysia yang cukup serba moden. Oleh itu pemaparan semangat patriotisme bukan sahaja melalui ekspresi emosi dan juga gerak pelakuan seseorang pelakon bahkan melalui perkataan atau dialog. Perhatikan beberapa lagu yang terdapat dalam setiap babak.

Jadual 4.5: Jadual menunjukkan beberapa buah lagu yang terdapat di dalam teks drama Muzikal Kampung Baru yang menunjukkan sifat patriotisme.

BABAK	DIALOG
1	<p><i>Jalan masuk ke Kampung Baru: Suasana perayaan peletakan batu asas pembangunan Kampung Baru. Sebuah pintu gerbang didirikan dengan tulisan “Selamat Datang Pemimpin Tanah Air Tercinta”. Majlis sudah selesai, dan acara yang sedang berlangsung ialah pesta yang meriah dengan sekumpulan anak muda lelaki dan perempuan, iaitu PEKERJA WARUNG, PENGIKUT dan PEMINAT menari dan menyanyikan lagu “KAMPUNG BARU”.</i></p> <p>PEKERJA WARUNG Kampung Baru lebih baru Kampung Baru lebih maju Kampung Baru lebih tentu Kampung Baru nombor satu.</p> <p>PENGIKUT Kampung kota serba istimewa Serba moden serba canggih Serba ternama serba jenama Kampung contoh seluruh dunia.</p> <p>SEMUA Ini pandangan terbaru sekata Mesti jadi nyata semuanya</p>

Jadual 4.5, sambungan: Jadual menunjukkan beberapa buah lagu yang terdapat di dalam teks drama Muzikal Kampung Baru yang menunjukkan sifat patriotisme.

BABAK	DIALOG
	<p>Dah banyak kali tergendala Entah apa-apa yang tak kena.</p> <p style="text-align: right;">(Muka surat: 1-2)</p>
2	<p><i>GULAM RUSSEL, isterinya RATNASARI dan TULUS menyanyikan lagu "MELAYU BARU"</i></p> <p>GULAM RUSSEL Melayu itu luas pengertiannya Seluruh rakyat peribumi Nusantara Kita ini tidak boleh bersendirian Kecil kita dipandang orang.</p> <p>RATNASARI Melayu itu bukan hanya nama Tapi jiwa roh dan semangatnya Katanya takkan hilang di dunia Tapi jangan sesak dan hilang nyawa.</p> <p>TULUS Melayu itu mesti ke depan dan berani Tambah pula berpijak di bumi sendiri Tapi berjuang jangan sampai mati Tak kesampaian hajat dan hasrat hati.</p> <p>GULAM RUSSEL Melayu itu biar terbuka mindanya Hidup biar bervisi dan bermisi Biar berdaya saing dan berdaya maju Tapi jangan sampai menyesak diri (Muka surat: 17)</p>
3	<p>Tiada lagu di dalam babak ini.</p>
4	<p><i>Kumpulan GULAM RUSSEL dan anak-anak muda kumpulan PEMINAT CIK PA menyanyikan lagu "MAJU BERSATU"</i></p> <p>GULAM RUSSEL Melayu mesti maju Melayu mesti bersatu Melayu mesti berilmu Baru boleh jadi penentu</p> <p>RATNASARI Kita mesti selalu bertemu Bersatu saling membantu Bersama dalam semua perkara Mengenang jasa dan setia</p>

Jadual 4.5, sambungan: Jadual menunjukkan beberapa buah lagu yang terdapat di dalam teks drama Muzikal Kampung Baru yang menunjukkan sifat patriotisme.

BABAK	DIALOG
	<p>ROSEMERA Pandang jauh ke hadapan Jangan lupa toleh ke belakang Boleh moden dan <i>up to date</i> Asal tak lupa ibu bapa dan adik beradik</p> <p>GULAM RUSSEL Kita mahu jadi ternama dan glamour Biar dipuji orang kita bangsa cemerlang Boleh terima kemajuan teknologi terkini Terbuka dan bijak memakai dan dan menilai.</p> <p>ROSEMERA Jangan kita malukan diri sendiri Jangan dicela dan diumpat keji Dituduh segala perkara hina Malu kita pada anak cucu nanti.</p> <p style="text-align: right;">(Muka surat: 43-44)</p>
5	<p><i>Kedengaran bunyi barisan skuter. Muncul cik pa menunggang skuter mengepalai barisan GENG 60-AN dengan skuter masing-masing. GULAM RUSSEL, RATNASARI dan HAJI PALAWAN keluar dari dewan. Mereka dikelilingin skuter CIK PA dan GENG 60-annya. Mereka turun dan menongkat skuter masing-masing. GULAM RUSSEL menyanyi dan setiap patah perkataan darinya diulang-nyanyi oleh kumpulan GENG 60-AN yang turut menari.</i></p> <p>GULAM RUSSEL: Tak maju kalau minda tertutup</p> <p>GENG G0-AN Tak maju kalu minda tertutup</p> <p>GULAM RUSSEL Tak ke mana kita kalau hanya jadi pak turut</p> <p>GENG G0-AN Tak ke mana kita kalau hanya jadi pak turut</p> <p>GULAM RUSSEL Tak jelas kita kalau sentiasa kalut dan melalut</p> <p>GENG G0-AN Tak jelas kita kalau sentiasa kalut dan melalut</p>

Jadual 4.5, sambungan: Jadual menunjukkan beberapa buah lagu yang terdapat di dalam teks drama Muzikal Kampung Baru yang menunjukkan sifat patriotisme.

BABAK	DIALOG
	<p>GULAM RUSSEL: Tak kelas kalau asyik terlekat pada idea lapuk.</p> <p>GENG G0-AN Tak kelas kalau asyik terlekat pada idea lapuk.</p> <p><i>GULAM RUSSEL gembira dengan sambutan CIK PA dan kumpulan GENG 60-AN. Mereka semua bersalaman dengan GULAM RUSSEL dan terus menyanyi menari bersama.</i></p> <p>SEMUA: Beradat berbudaya itu ilmu Bersopan santun berbudi bahasa itu kaya Tapi jangan sampai lupa harga diri Jangan sampai tergadai harta benda (rangkap ini diulang dua kali)</p> <p style="text-align: right;">(Muka surat: 48-49)</p>
6	Tiada lagu di dalam babak ini
7	<p><i>MAK RENONG menyanyikan lagu joget “Renong Merenong”. SULASTRI terus mengambil kesempatan menyanyi dan menari bersama-sama MAK RENONG.</i></p> <p>MAK RENONG Marilah kita bersama renung-merenung Masalah depan belumlah nampak gelap dan terang Bergelap bergelap waktulah malam Teranglah terang-benderang bilalah siang.</p> <p>SULASTRI Siang dan malam ciptaan Tuhan Insanlah molek insan penyayang Insannya celik nampaklah terang masalah depan Insannya jelik gelap pandangan hilang haluann.</p> <p>Jogetlah joget renunglah renung Dalam berjoget pandang-memandang Timbang-menimbang akal fikiran Lama bergelap timbul ke terang. (Muka surat: 76-77)</p>

Di dalam setiap lirik yang terdapat di dalam teks Muzikal Kampung Baru ini, Hatta Azad Khan menekankan dengan jelas semangat patriotisme dengan jelas. Perjuangan mereka bermula dari semangat yang tinggi dan kemudian di bantu oleh anak-anak muda yang mempunyai semangat juang, kepintaran dan kebolehan dalam melaksanakan pembangunan dengan efisien. Walaupun terdapat sekelompok individu yang mengambil kesempatan ke atas permasalahan Kampung Baru tetapi ianya bukanlah dalam utang kepada kehancuran.

Di dalam babak pertama jelas menunjukkan penduduk Kampung Baru mempunyai cita-cita yang tinggi terhadap tanah mereka. Mereka mengimpikan Kampung Baru sebuah kampung yang maju dan terbilang di Kuala Lumpur. Kampung Baru yang mempunyai imej tersendiri serta mampu menjadikan sebuah perkampungan yang menjadi salah satu kepada penyumbang ekonomi negara. Seperti mana yang terdapat di Kampung Bharu ketika ini, perkembangannya tidak begitu menyeluruh dan masih dalam pelan perancangan. Hal ini menyebabkan perkembangan ekonomi terbantut dari pelbagai aspek.

Seterusnya babak kedua, penulis menyentuh bangsa Melayu yang perlu berubah. Berubah dengan erti kata lain menerima perubahan untuk kebaikan selaras dengan perkembangan dunia globalisasi. Di dalam teks drama muzikal Kampung Baru, Hatta Azad Khan menggambarkan penduduk Melayu di Kampung Baru itu sukar menerima perubahan dan pembaharuan. Mereka masih takut sekiranya terlahjak tindakan maka akan binasalah perjuangan yang telah mereka lakukan selama ini. Kelihatan juga Hatta Azad Khan menyindir masyarakat Melayu ini suatu bangsa yang bersifat perkauman. Melayu untuk orang Melayu bukanlah satu konotasi yang dapat diamalkan lagi pada masa ini. Melayu

adalah untuk semua. Melayu perlu membantu bangsa-bangsa lain maka baharulah bangsa lain dapat menerima Melayu. Melayu juga perlu melihat kehidupan bangsa-bangsa lain untuk berubah.

“Maju Bersatu” suatu frasa yang begitu kuat dalam kehidupan bermasyarakat dan ianya merupakan salah satu bentuk nilai-nilai murni. Dalam menanam semangat patriotisme, bersatu untuk mencapai kemajuan adalah merupakan tujuan utama kita. Lagu ini menekankan betapa pentingnya maju bersatu itu dalam kelompok masyarakat Melayu. Membantu antara satu sama lain, mengenang jasa dan setia perlu ada dalam sebuah kehidupan masyarakat yang harmoni maka secara tidak langsung ianya dapat memperlihatkan semangat patriotisme yang jitu. Namun begitu dalam mencapai kemajuan ianya perlu adanya masyarakat yang berilmu agar dapat menentu hala tuju yang dirancang. Perhubungan antara lagu “Melayu Baru” dan “Maju Bersatu” merupakan satu kesinambungan yang memperlihatkan semangat patriotisme dalam masyarakat Melayu itu.

Nyanyian di antara Gulam Russel dan Geng 60-an mempersoalkan tentang minda orang Melayu. Orang Melayu yang suka bercakap di dalam kelompok sendiri dan tidak mahu melihat dunia luar. Hatta Azad Khan mempersoalkan tentang minda ini kerana dari akal fikiranlah kehidupan kita berubah. Daripada akal yang tidak boleh dilihat dengan mata kasar merupakan senjata utama yang mampu merubah segala-galanya. Kuasa akal dan fikiran itu dapat mengubah dunia dengan sekelip mata. Dengan adanya akal dan fikiran barulah Melayu itu dapat mengorak langkah untuk mengatur strategi bagi mencapai kata sepakat untuk mencapai kemajuan. Di sini baharulah dapat melihat maju Melayu itu atas dasar minda yang terbuka.

Akhir sekali Hatta Azad Khan meninggalkan pembaca dengan sebuah lagu “Renong Merenung”. Di dalam lagu ini beliau menyuarakan bangsa Melayu itu seharusnya melihat masa lampau, sekarang dan hadapan untuk mencapai satu bangsa yang berjaya. Dalam mengejar kemajuan ada kalanya kita tidak perlu berkorban. Namun kadang kala dalam mengubah kehidupan untuk maju kita perlu ada pengorbanan dan pengorbanan itu pasti perit untuk ditempuhi tetapi ianya mendatangkan kebaikan untuk semua. Jadi seharusnya kita menerima perubahan itu dengan hati yang terbuka dan kembali kepada Allah.

Tuntasnya, Hatta Azad Khan menunjukkan semangat patriotismenya melalui bait-bait lirik lagu. Apabila kata-kata semangat ini disampaikan melalui nyanyian, maka lebih mudah untuk para pembaca dan penonton untuk menerimanya. Begitu juga kita apabila menyanyikan lagu “Negaraku”, kita akan menyanyikan lagu tersebut dengan penuh semangat seolah-olah lahirnya roh wira dalam diri kita. Maka pendekatan Hatta Azad Khan dalam mewujudkan semangat patriotisme melalui nyanyian harus di ambil perhatian dan dipuji.

4.3.3 MUZIKAL KAMPUNG BARU MEMAPARKAN SATU IDEOLOGI BANGSA MELAYU SATU KEKELUARGAAN YANG KUAT

Pengkaji mendapati karya-karya Hatta Azad Khan ini mempunyai “roh dan nyawa”. Karya-karya Hatta Azad Khan mempunyai unsur-unsur ‘sastera hasanah’ yakni sastera yang baik. Di dalam sastera yang baik ia harus membawa kebaikan kepada pemaca. Menurut Mikhail Baktian, masyarakat dan bahasa tiada garis sempadan. Bahasa itu

merupakan satu perlambangan yang menggambarkan satu bentuk ideologi. Oleh itu bahasa juga membawa dan memberi makna dalam sesebuah karya.

Peringatan agar tidak mudah lupa dengan kemewahan, pembangunan dan juga kepentingan sejagat juga sering diperkatakan dalam setiap babak. Hal yang demikian menjadikan naskah ini bukan sahaja sesuai untuk ketika ini bahkan boleh diterjemahkan dalam pelbagai situasi dan keadaan semasa. Mudah diterima dan mudah difahami adalah modal utama dalam naskah ini dalam penyampaian ideologi dan pendapat penulis terhadap masa depan masyarakat melayu khususnya dan rakyat Malaysia amnya.

Kisah Nabi Yusuf yang disebut di dalam Al-Quran berkisarkan kekeluargaan. Tema keluarga sesuai menjadi cerita bacaan bagi setiap lapisan umum malahan ianya releven bagi setiap lapisan umur. Semua peringkat lapisan masyarakat dapat menikmati jalan cerita kekeluargaan tidak kira kaya atau miskin, berpelajaran atau tidak berpelajaran serta lelaki mahupun perempuan. Aspek tema kekeluargaan adalah keindahan pada sesebuah karya justeru itu tema keluarga bukan aspek halal haram.

Sesuatu ciptaan yang indah dan permai adalah seni tidak kira sama ada ianya ciptaan Allah mahupun ciptaan manusia. Seni itu bermaksud 'halus', 'indah', 'permai', 'damai' dan 'tenang'. Dari segi istilah seni ialah segala yang halus dan indah lagi menyenangkan hati serta perasaan manusia tidak kira sama ada ianya merupakan hasil ciptaan Allah mahupun yang dihasilkan oleh fikiran, kemahiran, imaginasi dan perbuatan manusia.

Antara salah satu ciri yang jelas dalam menguasai kesemua aspek tamadun Islam termasuklah bidang penghasilan seni yang mempunyai ciri kesatuan dan kesepaduan (Abdul Ghani Samsudin, 2001). Tonggak kejayaan dalam pembangunan kejayaan sesebuah negara ialah perpaduan rakyat. Dalam membina tamadun yang gemilang dan terbilang, rakyat yang bersatu padu merupakan kunci utamanya.

Memandangkan Malaysia antara negara di dunia yang mempunyai kepelbagaian kaum yang hidup dalam aman dan harmoni. Maka Malaysia boleh dijadikan contoh sebagai negara yang berbilang budaya, agama dan bangsa yang mengamalkan perpaduan dan kesepaduan masyarakat yang tinggi. Kesatuan ummah yang tinggi akan dapat mengangkat darjat kemuliaan sesuatu bangsa serta meningkatkan sistem sosial yang berpadu.

Hatta Azad Khan melihat keluarga itu dari kontek yang lebih besar. Keluarga bukan sahaja bererti pertalian kekeluargaan yang menerusi perkahwinan mahupun seketurunan. Namun bagi sudut pandangan Hatta, kekeluargaan itu mencakupi sekelompok manusia yang hidup bersama di mana setiap daripada mereka melengkami antara satu sama yang lain bagi memenuhi keperluan hidup.

Di dalam teks drama Muzikal Kampung Baru menunjukkan kehidupan kekeluargaan masyarakat Kampung Baru yang tinggi. Sebilangan anak-anak muda yang merantau untuk menuntut ilmu akhirnya kembali ke tempat asal demi membangunkan tanah nenek moyang mereka. Kerisauan dan keinginan mereka dalam membangunkan tanah nenek moyang mereka begitu tinggi. Nilai kekeluargaan yang ditunjukkan oleh Gulam Russel begitu menebal walaupun beliau merupakan anak campur hasil perkahwinan

ibu dan bapanya yang berbangsa Inggeris. Pokok pangkalnya Kampung Baru itu perlu dibangunkan dan dimajukan. Perhatikan contoh dialog di bawah:

GULAM RUSSEL, isterinya RATNASARI dan TULUS menyanyikan lagu “Melayu Baru”.

GULAM RUSSEL

Melayu itu luas pengertiannya
Seluruh rakyat peribumi Nusantara
Kita ini tidak boleh bersendirian
Kecil kita dipandang orang.

RATNASARI

Melayu itu bukan hanya nama
Tapi jiwa roh dan semangatnya
Katanya takkan hilang di dunia
Tapi jangan sesak dan hilang nyawa.

TULUS

Melayu itu mesti ke depan dan berani
Tambah pula berpijak di bumi sendiri
Tapi berjuang jangan sampai mati
Tak kesampaian hajat dan hasrat hati.

GULAM RUSSEL

Melayu itu biar terbukaa mindanya
Hidup biar bervisi dan bermisi
Biar berdaya saing dan berdaya maju
Tapi jangan sampai menyesak diri

HAJI PALAWAN, MAK RENONG dan YAM MARMAN menampakkan riak yang kurang menyenangkan pada lagu yang dinyanyikan oleh GULAM RUSSEL. JALAD dan NESAN keluar.

HAJI PALAWAN

Kau siapa? Cuba kenalkan diri! Apa yang kau orang semua nak buat sebenarnya?

GULAM RUSSEL menyanyi memperkenalkan diri dengan lagu “Anak Segala Bangsa”.

GULAM RUSSEL

Akulah anak segala bangsa
Campuran segala warna
Tapi darahku tetap merah
Tanah airku bumi Melayu
Akulah perantau pencari
Segala ilmu manusia dan dunia
Memberi nikmat selesa dan bahagia
Aman makmur damai selamanya
Jangan dipandang rupa
Jangan tengok dan nilai gaya
Jangan juga tanya asal usulnya
Kita semua serupa walaupun tak sama.

(Muka surat: 16 – 17)

HAJI PALAWAN

Datuk kamu Gulam Muhammad Khan! Bukannya Melayu! Apa Melayunya kamu. Nenek kamu kahwin orang Pakistan. Mak kamu yang separuh Melayu kahwin pulat mat salih. Kamu ni suku saja Melayunya. Bini kamu pula, kata kamu tadi, Cina campur India. Kamu nak balik ke sini nak mengaku diri kamu Melayu?

GULAM RUSSEL

Jodoh pertemuan di tangan Allah Pak Aji! Allah menjadikan umatnya berbagai rupa, berbagai warna, berlainan bangsa, adat dan agama.

HAJI PALAWAN

Cuma umat Islam sahaja makhluk sebenar di sisi Allah!

GULAM RUSSEL

Betullah tu! Datuk saya, bapa saya, isteri saya memang bukan orang Melayu. Tapi mereka semua Islam, makhluk Allah seperti yang Pak Aji sebutkan.

HAJI PELAWAN

Tak ada! Tak ada! Kampung Baru ni khas untuk orang Melayu saja! Jangan nak memandai-memandai! Orang melayu beragama Islam!

GULAM RUSSEL

Pak Aji, Islam bukan agama orang Melayu saja!

HAJI PALAWAN

Bab agama kau jangan nak mengajar aku

GULAM RUSSEL

Saya bukan nak mengajar! Saya nak beritahu. Dalam dunia ni bukan orang Melayu saja yang beragama Islam, orang Rusia pun Islam, orang Cina pun Islam, orang Bosnia pun Islam, orang India pun Islam.

HAJI PALAWAN

Kita bercakap pasal Kampung Baru di Kuala Lumpur, di Malaysia, ini kampung orang Melayu.

(muka surat: 20 – 21)

Melayu itu luas pengertiannya dan Melayu juga dikatakan satu bangsa yang kuat di kepulauan Nusantara suatu ketika dahulu. Jadi adalah baiknya apabila Melayu itu bersatu dalam memperkasakan bangsa dan jati diri dalam memperjuang hak dan keistimewaannya. Warna kulit dan rambut bukanlah satu isu bagi menilai jati diri Melayu tetapi semangat, keihlasan dan iltizam untuk menjadikan satu bangsa itu satu bangsa yang tinggi ketamadunnya untuk mencapai kesejahteraan hidup yang harmoni.

Ideologi Hatta Azad Khan begitu mendalam maknanya tetapi beliau menyampaikannya dalam bentuk yang santai. Oleh yang demikian pembaca amnya terutama anak-anak muda mudah untuk memahaminya dengan menggunakan bahasa-bahasa kolokial. Bahasa kolokial merupakan bahasa pertuturan seharian yang digunakan. Walaupun bahasa yang digunakan dan disampaikan secara santai namun susun atur bahasanya juga penuh dengan sinikal.

Menurut Umi Kalsom Ahmad (2014)⁹, Hatta Azad Khan mempunyai *trademark* yang tersendiri di dalam berkarya. Karya beliau bersifat prolifik di mana ada keteguhan yang cuba ditunjukkan dalam setiap naskahnya. Pemikirannya sejajar dengan zaman dan umurnya menyebabkan karya-karya beliau ini kelihatan matang dan kritikal. Karya-karya Hatta Azad Khan juga mempunyai nilai dalam satu bentuk *hybridity* bagi menjadikan ceritanya itu santai, sedikit kompleks. Karya-karya beliau penuh dari segi kecondan dari segi dialognya. Kacindan yang bersifat satira dan itulah *trademark* Hatta Azad Khan.

Muzikal Kampung Baru ini merupakan saduran dari kisah benar dengan apa yang terjadi ke atas penduduk Kampong Bharu, Kuala Lumpur. Hasil daripada temuramah pengkaji ke atas Hatta Azad Khan (2013):

“Saya mengambil masa yang agak panjang bagi menghasilkan Muzikal Kampung Baru, hampir tiga tahun. Saya perlu menyelidik, memerhati dan mendengar percakapan watak-watak biasa yang sering saya temui. Kampong Bharu ada sejarahnya yang tersendiri, ada juga berbagai perancangan yang terbengkalai. Semuanya perlu saya ambil kira. Saya mahu menulis sebuah karya yang dekat dengan realiti persekitarannya dan pada waktu yang sama menyarankan suatu rancangan pembangunan yang menyeluruh, dan ia mesti hidup dan nyata. Kampong Bharu itu adalah penempatan masyarakat Melayu di tengah kota Kuala Lumpur: saya mahu pengertian Melayu bandaran itu diperluaskan dan harus jadi Melayu yang bersifat profesional dan sekaligus international tapi masih tetap berpegang kepada adat dan tradisi Melayu yang diwarisi dari generasi pertama atau penduduk asalnya...”

Dalam Babak 5 naskah Muzikal Kampung Baru ada menyatakan di dalam arahan pentas bahawa “halaman rumah Gulam Russel yang dijadikan ibu pejabat Perbadanan Kemajuan Kampung Baru”. Sila rujuk dialog di bawah dalam Babak 6:

⁹ Sila rujuk ulasan temuramah responden muka surat 57

Ruang tamu rumah warisan Gulam Russel: Gulam Russel dan kawan-kawan membuat satu lagi *multimedia presentation*, lengkap dengan lakaran dan gambar-gambar yang terpancar pada skrin pentas. Raja Molek, Haji PALAWAN, Mak Renong, Pak Gito, Yam Marman, Sulastri, Cik Pa, Jalad dan Nesan, serta semua Pengikut, Peminat dan Pekerja Warung Hadir. Gambar-gambar yang selari dengan subjek hujahan terpancar lagi pada skrin.

GULAM RUSSEL

Seluruh anak-anak Kampung Baru berbagai peringkat akan dilibatkan. Pembangunan ini berjalan serentak. Bila dibina hotel kita latih seluruh kakitangan dalam berbagai bidang. Kita juga latih pasukan keselamatan, tukang masak, pelayan, jurubahasa. Kita mahu anak-anak kita menguasai semua bahasa utama dunia: Perancis, Jerman, Rusia, Jepun, Korea, Mandrin, Tamil, Hindi, Parsi, Itali!

TULUS

Jangka masa keseluruhan program pembangunan berperingkat ini adalah antara lima hingga sepuluh tahun.

ROSEMERA

Ada *showroom* kereta dari seluruh dunia. Ada pusat rawatan. Ada hotel, restoren, sekolah dan pusat penyelidikan, ada pusat hiburan tradisional Melayu dan panggung opera mementaskan bangsawan, dan sekali sekala opera Cina dan drama Tamil!

RATNASARI:

Ada pusat rawatan. Ada pusat penyeliikan ubat-ubatan Melayu yang dibuat secara saintifik, diuji dan diberi *packing* dengan segala perakuan dan tanggungan.

GULAM RUSSEL:

Semuanya mesti istimewa! Terdapat Cuma di Kampung Baru dan tidak di tempat lain: makanan, hiburan, pusat beli-belah, taman kanak-kanak, kenderaan, tempat tinggal. Pelancong asing mendapat *package* keseluruhan. Mengenal dunia Melayu yang asli dengan bentuk, cara dan sajian moden.

NATHAN

Pengangkutan: ada satu bulatan monorel di atas. Di bawah ada laluan khas basikal, motosikal dan lanca., tapi tidak ada kereta, lori atau bas.

Motosikal boleh membawa penumpang, basikal disewa dan dikayuh sendiri, lanca ada pengayuh, tetapi boleh juga disewa dan dikayuh sendiri. Boleh tambah pedati berkuda untuk jadi tarikan terutama kanak-kanak. Laluannya tidak mengganggu kawasan penduduk.

TULUS

Hotel, restoran ada laluan belakang atau *loading bay* satu hala. Apartment kediaman tidak setemoat dengan kawasan hotel dan pelancongan. Ada jalan untuk membolehkan kereta dan bas masuk. Ada *parking station* di empat penjuru dan selepas itu semua mesti menggunakan kenderaan awam seperti yang disebutkan Nathan tadi.

GULAM RUSSEL

Masjid untuk umat Islam semua bangsa dan keturunan dibina di tengah-tengah. Khutbahnya bergilir-gilir dalam bahasa Melayu, Inggeris, urdu, Tamil dan mandrin.

TULUS

Bulan Ramadan akan ada bazar Ramadan dan majlis berbuka puasa yang boleh disertai semua kaum. Semua kedai makan kecuali restoran tertutup di hotel dibuka waktu siang. Semua bentuk persembahan ditiadakan selama sebulan, kecuali lagu-lagu nasyid dan bacaan al-Quran.

GULAM RUSSEL

Bubur lambuk masih dibuat dan diberi percuma kepada sesiapa saja tanpa mengira bangsa dan agama.

NESAN

Pada orang bukan Islam elok kita jual!

JOSHUA ONG

Jangan! Biar kita pupuk semangat bersedekah oleh orang Islam kepada setiap insan tanpa mengira bangsa, warna kulit dan bahasa percakapan.

ROSEMERA

Majlis Hari Raya akan disambut meeriah dengan pelita minyak tanah, bunga api dan meriam buluh dipasang setiap penjuru.

RATNASARI

Majlis perkahwinan adat Melayu terbuka untuk semua bangsa. Ada *package* lengkap siap dengan kenduri-kendara sembelih lembu dan sebagainya.

JOSHUA ONG

Setiap musim cuti sekolah diadakan *package* perkahwinan dan berkhatan beramai-ramai. Siap dengan perarakan berkuda, tapi dilakukan oleh doktor bertauliah secara saintifik, bukan duduk atas batang pisang berdepan tuk mudim bermisai melenting.

RATNASARI

Ada kedai menjual songket, batik, tenunan termasuk baju mandi lelaki dan perempuan! Pelancong boleh membuat tempahan dan siap dalam tempoh dua puluh empat jam.

(Muka surat: 58 -62)



Gambar 4.21: Bangunan Pembangunan Kampung Bharu
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)



Gambar 4.22: Hospital Pakar Al Islam, Kampong Bharu
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)



Gambar 4.23: Dewan Serbaguna Kampong Bharu yang terletak di dalam bangunan Malay Agricultural Settlement (M.A.S)
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)



Gambar 4.24: Masjid Jamek, Kampong Bharu yang telah dinaiktaraf dengan menelan belanja RM20 juta.
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji)

Bagi Hatta Azad Khan sesuatu yang mudah dan ringkas mudah untuk diterima oleh masyarakat kini. Masyarakat kini tidak mahu menerima sesuatu yang rumit kerana baginya kehidupan seharian sudah penuh dengan permasalahan. Jadi di sini pengkaji dapat melihat Hatta Azad Khan menggunakan satu pendekatan yang baru di mana sesuatu yang cuba disampaikan haruslah dekat kepada rakyat. Masyarakat begitu sensitif apabila membicarakan hal yang berkaitan dengan sesuatu bangsa tetapi secara dasarnya kita menyetepikan bangsa yang sedia ada. Melayu begitu dekat dalam masyarakat Malaysia dan ianya satu isu yang sensitif. Boleh dikatakan Melayu itu untuk orang Islam dan Melayu itu

juga untuk Malaysia. Jadi keberhasilan Hatta Azad Khan menjentik isu yang berkaitan dengan Melayu akan dapat menjadikan satu adrenalin dalam kehidupan masyarakat kita.

Seterusnya Hatta Azad Khan mengambil Kampung Bharu sebagai satu medium yang boleh diolah isunya. Seperti mana yang telah pengkaji katakan, masyarakat kini tidak suka akan kerumitan. Jadi sekali lagi Hatta Azad Khan memudah cara di mana Kampung Bharu yang terletak ditengah-tengah bandaraya Kuala Lumpur dijadikan *subject matters*. Jadi pembaca boleh melihat sendiri seperti mana yang diolah oleh Hatta Azad Khan di dalam teks drama Kampung Baru tersebut.

Jadi Hatta Azad Khan meletakkan Kampung Bharu (suatu yang realiti dan kisah benar) dan Melayu (sistem kekeluargaan) sebagai satu ideologi yang sensitif untuk diperkatakan. Walaupun sensitif tetapi ianya harus disentiasa di persoalkan untuk memberi kesedaran supaya masyarakat terutamanya generasi akan datang tidak lalai dan memandang remeh berkaitan dengan isu-isu semasa. Bak kata pepatah, melentur buluh biar dari rebungunya.

Tuntasnya Muzikal Kampung Baru ini merupakan satu dokumentasi sejarah kehidupan yang realiti di mana ianya memaparkan kisah kehidupan orang Melayu. Dari kaca mata Hatta Azad Khan, permasalahan tentang ketidakadilan sosial yang melibatkan penindasan, diskriminasi, penipuan itu masih berleluasa berlaku di dalam golongan masyarakat Malaysia. Maka bagi Hatta Azad Khan permasalahan yng kecil itu sebenarnya merupakan senjata utama dalam kehancuran negara kerana tiadanya kesepaduan dalam

kehidupan bermasyarakat. Hal ini kerana golongan pertengahan merupakan golongan majoriti dalam populasi kependudukan di Malaysia. Walaupun begitu

Hatta Azad Khan masih menaruh harapan yang tinggi dalam sesuatu permasalahan itu agar dapat diselesaikan. Ini dapat dilihat di penghujung drama *Muzikal Kampung Baru*, semua penduduk Kampung baru itu bersepakat untuk menerima perubahan yang dibawa oleh anak-anak muda yang diketuai oleh Gulam Russel. Ini jelas menunjukkan perpaduan rakyat Malaysia masih utuh walaupun isu perkauman cuba diprovokasi. Tegasnya kehadiran Hatta Azad Khan di persada seni ini merupakan “pintu masa” untuk kita melihat sejarah dan masa depan. Jadi belum terlambat untuk kita mengatur corak sistem kehidupan kini untuk kebaikan bersama pada masa akan datang untuk generasi-generasi seterusnya.

5.1 RUMUSAN KAJIAN

“Saya menulis tentang kehidupan manusia, tentang jerit-perih mereka, tentang tipu muslihat mereka, tentang lakonan mereka, tentang kebijaksanaan mereka berlakon, tentang kejujuran dan nilai murni mereka. Saya mengambil idea dari kehidupan sekitar yang saya alami, saya depani dan saya rasai serta apa yang saya dengari” (Hatta Azad Khan, 2013).

Ungkapan Hatta ini menunjukkan bahawa beliau seorang pemerhati yang merenung tentang kehidupan persekitarannya. Apa yang berlaku di sekelilingnya itu merupakan suara-suara yang meraung dalam tersembunyi. Pemerhatian Hatta bukanlah sekadar satu renungan dan jelingan tanpa ada sebarang usaha. Maka di situlah peranan Hatta yang cuba mengutip dan menyusun kembali kisah-kisah kehidupan mereka dalam bentuk yang baru. Suara-suara mereka itu dilakarkan dalam bentuk kehidupan baru yang dicoretkan di dalam sebuah naskah drama.

“Kemusiaan. Kehidupan manusia dengan segala permasalahannya dan bagaimana masalah itu dapat didepani dan ditemui penyelesaiannya” (Hatta Azad Khan, 2013).

Manusia tidak dapat lari dari setiap masalah. Sama ada masalah itu kecil mahu pun besar. Ada masalah yang dihadapi itu secara individu mahupun berkumpulan. Walau apa pun sebarang masalah pasti ada penyelesaiannya namun ada sesetengah masalah itu berlarutan dan tiada kesudahannya dan ada juga masalah yang jalan penyelesaiannya ada tetapi kesudahannya tidak pasti.

“Banyak karya saya yang merujuk zaman tertentu, tetapi pada kebiasannya saya gemar menulis tentang isu yang bersifat ‘timeless’. Saya percaya bahawa sebuah karya yang baik adalah karya yang boleh merentasi zaman. Perkara-perkara yang berkaitan dengan permasalahan kehidupan manusia selalunya bersifat universal dan ‘timeless’” (Hatta Azad Khan, 2013).

Permasalahan seperti perebutan kuasa, tanah, politik, agama, sosial, ekonomi merupakan satu bentuk tabu dalam kehidupan manusia di alam cerekawala. Masyarakat yang hidup dalam golongan bawahan selalu menjadi mangsa keadaan. Perkara ini adalah disebabkan manipulasi oleh pihak atasan terhadap orang bawahan. Rentetan daripada roda kehidupan ini seperti sudah tercatat di dalam kamus kehidupan manusia di muka bumi. Malahan ianya kelihatan sebagai drama pentas yang sudah basi untuk ditonton. Maka berlalulah ianya seperti rencah kehidupan manusia biasa.

Selaras dengan itu Hatta Azad Khan boleh digambarkan sebagai suara rakyat marhaen yang menyuarakan tentang kehidupan yang tidak dibela. Cara Hatta Azad Khan menyuarakan keperihan kehidupan golongan-golongan marhaen ini dengan berkarya secara kreatif dan penuh dengan estetika. Lantas Hatta juga tidak ketinggalan menggunakan drama dan muzikal itu sebagai bahan perantara untuk menarik minat penonton. Berbanding dengan cara protes, demonstrasi, fitnah di laman-laman sosial bukanlah cara yang sesuai dan relevan dalam menyuarakan ketidakpuasan malahan ianya memberi kesan yang lebih buruk lagi. Maka ternyata Hatta Azad Khan menggunakan teks sebagai medium untuk menyuarakan keraguan dan kebimbangan serta keinginan rakyat jelata dalam bentuk yang lebih bersistematik.

Naskah ini membawa pembaca menjelajah dan meneroka sendiri tentang 'kehidupan' yang berlaku di Kampung Baru. Kehidupan di sini merangkumi tentang tiga aspek utama iaitu politik, ekonomi dan sosial. Bahkan dalam naskah ini pembaca akan dapat merasai dan menggambarkan secara keseluruhan tentang nasib penduduk Kampung Baru. Melalui drama ini, Hatta Azad Khan menukilkan tentang nasib bangsa Melayu yang hidup di tengah kota metropolitan yang sedang membangun pesat. Bingkisan ceritera kehidupan bangsa Melayu yang ditindas dan terpinggir selayaknya diangkat untuk dibincangkan kerana ia seolah-olah menggambarkan bahawa bangsa Melayu itu merempat di tanah air sendiri.

Kelantangan Hatta Azad Khan dalam menyuarakan ketidakpuasan terhadap golongan atasan kelihatan jelas. Di dalam naskah Muzikal Kampung Baru, Hatta Azad Khan tidak berselindung menyalahkan menteri dan ahli politik yang tidak menjalankan tugas mereka dengan telus. Malahan beliau terus mencengkam golongan ini merupakan punca kejatuhan bangsa Melayu.

Dalam pada masa yang sama, walaupun orang Melayu di Kampung Baru ditindas namun ini tidak bermakna Hatta Azad Khan terus berdiam diri. Beliau masih mengharapkan bahawa wujudkan golongan generasi muda yang akan terus membantu bangsa Melayu masa akan datang. Maka wujudlah watak-watak anak muda yang diketuai oleh Gulam Russel dalam misi menyelamatkan bangsa Melayu yang makin kian ditindas di tempat sendiri.

Drama Muzikal Kampung Baru juga mempunyai banyak persoalan yang ditimbulkan oleh Hatta Azad Khan. Persoalan-persoalan lain yang ditimbulkan seperti keturunan bangsa Melayu yang menjadi persoalan, semangat patriotisme, serta masyarakat madani.

Bagi membuktikan bahawa naskah Muzikal Kampung Baru ini menggunakan Teori Marxisme berpaksikan Model Pencerminan maka pengkaji turut melakukan kajian lapangan di sekitar Kampong Bharu. Pemerhatian di sekitar kawasan Kampong Bharu, Kuala Lumpur menjadi bukti seperti mana yang tercatat di dalam teks drama Muzikal Kampung Baru. Rumah, tandas, sampah sarap, deretan kedai makan, kemudahan dan infrastruktur yang terdapat di Kampong Bharu ternyata sama seperti yang terkandung di dalam teks drama Muzikal Kampung Baru. Pengkaji melihat teks drama muzikal Kampung Baru merupakan satu refleksi kepada kejadian sebenar yang terjadi di kawasan Kampong Bharu, Kuala Lumpur. Perkara ini sangat menarik perhatian pengkaji sebenarnya kerana teks drama Muzikal Kampung Baru merupakan sebuah cerita yang benar yang telah diolah Hatta Azad Khan dalam bentuk karya kreatifnya. Selain daripada itu juga pemilihan teks drama Muzikal Kampung Baru kerana atas dasar ingin melihat pemikiran beliau dalam mempersoalkan isu-isu Kampong Bharu yang tidak selesai sehingga ke hari ini. Walhal teks drama tersebut ditulis pada tahun 2007 tetapi permasalahan masih berlarutan sehingga ke tahun 2015.

Hatta Azad Khan menulis sesebuah drama apabila beliau merasakan sesuatu isu itu akan menggugat kesejahteraan hidup masyarakat setempat. Dalam pengolahan drama tersebut, Hatta Azad Khan akan bereksperimentasi dengan elemen-elemen seni bagi

memberi satu katarsis kepada pembaca. Bahkan dalam drama beliau juga turut diselitkan unsur-unsur lelucon bagi meredakan ketegangan yang berlaku disebabkan oleh krisis kerencaman sosial.

Seterusnya juga pengkaji turut menjalankan kajian terhadap latar belakang Hatta Azad Khan dari aspek pendidikan, latar budaya, pengalaman serta pencapaian peribadi. Tujuannya adalah untuk melihat keperibadian dan latar belakang beliau sedikit sebanyak mempengaruhi drama-drama yang dihasilkan. Walaupun tumpuan kajian ini adalah melihat pemikiran Hatta Azad Khan di dalam naskah Muzikal Kampung Baru tetapi amatlah sukar untuk seseorang memahami isi tersurat yang terkandung di dalam karya beliau sekiranya tidak memahami pengalaman hidup dan persekitarannya yang mempengaruhi kehidupan beliau. Hal ini kerana faktor-faktor luaran juga membentuk keperibadian dan seterusnya mempengaruhi ideologi yang menjadi pegangan mereka. Menurut Kathirasan Doraisami (2004), pengarang dilahirkan oleh masyarakat, dia berkarya untuk masyarakat dan mengenai masyarakat yang dikenalnya. Hanya dengan mengenali pengalaman masyarakat, masyarakat itu sendiri dan pergolakan yang dilalui oleh mereka sahajalah kita boleh memahami pemikiran seseorang pengarang yang lahir dalam lingkungannya (p.79).

Penghasilan idea kreatif beliau di dalam teks drama Muzikal Kampung Baru ini dengan merujuk terhadap tema dan cerita, satu penemuan baru yang dilakukan oleh Hatta Azad Khan dengan menekankan unsur-unsur hasanah iaitu berdasarkan cerita-cerita benar dan tema kekeluargaan. Tambahan cerita-cerita beliau ini mengangkat tentang kekeluargaan kehidupan orang Melayu. Di sini dapat dilihat Hatta Azad Khan sebenarnya merupakan seorang aktivis yang mempunyai nilai dan sifat jati diri yang tinggi.

Secara tuntasnya, Muzikal Kampung Baru ini mengaplikasi Teori Marxisme dengan berpaksikan Model Pencerminan. Hal ini kerana kisah yang dicoretkan oleh Hatta Azad Khan di dalam naskah Muzikal Kampung Baru adalah satu refleksi kisah benar yang berlaku di Kampong Bharu. Bahkan juga dalam intipati Muzikal Kampung Baru menggambarkan bahawa status kehidupan penduduk di Kampung Baru dipengaruhi oleh faktor ekonomi.

5.2 PERBINCANGAN

Usaha Hatta Azad Khan dalam mencoretkan kisah-kisah kehidupan yang berada disekelilingnya dalam bentuk teks suatu perkara yang baik sekali. Coretan sebegini nanti akan dapat menjadi sumber dan rujukan untuk generasi yang akan datang bagi melihat pola peradapan dan corak kehidupan masa lampau. Seperti apa yang berlaku pada masa kini, kita kekurangan sumber yang didokumentasikan dalam bentuk teks menyebabkan sukar untuk para pengkaji mencari bahan-bahan sebagai rujukan. Oleh yang demikian usaha murni Hatta Azad Khan dalam mengdokumentasikan kehidupan manusia ini sedikit sebanyak akan dapat meneruskan legasi generasi muda untuk meneruskan kajian dalam menambah baik kehidupan generasi yang akan datang.

Seperti yang telah dibincangkan oleh pengkaji pada Bab 4 berkaitan dalam naskah Muzikal Kampung Baru ini, Hatta Azad Khan menceritakan, menggambarkan serta mempersoalkan tentang permasalahan yang berlaku di sesuatu tempat dalam sesebuah kelompok masyarakat. Isu-isu yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan kerencaman kehidupan masyarakat termasuklah dari segi politik, ekonomi dan sosial berdasarkan kisah-kisah benar yang berlaku pada waktu dan ketika itu.

Sehingga ke hari ini permasalahan Kampung Bharu masih belum selesai. Walaupun wujudnya pelan induk yang diwartakan tetapi permasalahan masih berlaku dari sekecil-kecilnya sehinggalah sebesarnya-besarnya. Permasalahan ini bukan sahaja melibatkan penduduk di Kampung Bharu itu sendiri tetapi adanya campur tangan politik yang mengendalikan tampok pimpinan dalam pembangunan untuk kepentingan diri sendiri.

Walaupun telah dijanjikan dengan bermacam-macam alternatif dalam membangunkan Kampung Bharu namun proses kerja masih dalam keadaan yang tidak teratur. Perkembangan dan kemajuan di Kampung Bharu masih berada pada takuk yang lama sepanjang pengkaji membuat kajian lapangan di kawasan Kampung Bharu tersebut. Di sini pengkaji melihat Hatta Azad Khan sebagai individu yang mewakili penduduk Kampung Bharu dalam menyuarakan ketidakpuasan yang di tanggung oleh masyarakatnya. Beliau berusaha dalam membentaras permasalahan ini dengan medium yang tersendiri. Malahan inilah usaha beliau dalam mengubah kehidupan orang Melayu yang dipinggirkan.

Namun kelebihan Hatta Azad Khan ialah menjadikan permasalahan dan ketidakpuasan itu dalam bentuk wadah yang berasaskan akademik dan ilmunan. Maka secara tidak langsung apabila kisah kehidupan sebenar ini didokumentasikan menjadi satu teks ataupun naskah ianya dapat diguna pakai oleh setiap lapisan masyarakat. Seperkara yang lebih menarik lagi, ianya disajikan dalam bentuk hiburan yang mudah diterima oleh pembaca mahupun penonton apabila naskah ini dipentaskan.

Pengkaji juga mendapati medium yang digunakan oleh Hatta Azad Khan ini lebih dekat untuk diterima oleh pembaca. Selain daripada itu pengkaji juga mencadangkan teks

Muzikal Kampung Baru ini dipentaskan dalam bentuk skala yang besar. Hal ini akan dapat mendekatkan penonton untuk memahami dan menyelami sendiri krisis yang berlaku di Kampung Bharu.

Pengkaji merasai sedikit keraguan dan kerisauan sekiranya Hatta Azad Khan terus berkarya dalam menyampaikan kecelaruan dan kerencaman masalah kehidupan sebagai konflik utama. Hal ini kerana pengkaji-pengkaji luar akan dapat mengenal pasti kelemahan yang dihadapi oleh penduduk Malaysia. Maka tidak mustahil pengkaji-pengkaji luar akan dapat memanupulasi bentuk sosial masyarakat Malaysia sebagai satu tamadun yang tidak berkembang.

Di sini pengkaji memberi beberapa contoh muzikal Hatta Azad Khan yang menceritakan tentang permasalahan kependudukan yang terdapat di Malaysia. Seperti contoh di dalam *Muzikal Tanah, Api, Air dan Angin*, Hatta Azad Khan membangkitkan permasalahan rampasan tanah penduduk pribumi negeri Sarawak. Pengambil alihan tanah peribumi ini disebabkan berlakunya penyalahgunaan kuasa, ketamakan, hasad dengki dan kuasa wang. Di sini juga timbul nilai-nilai sosial yang berlaku di kalangan penduduk setempat. Di dalam drama *Muzikal KL*, sekali lagi Hatta Azad Khan menyelitikan nilai-nilai sosial anak-anak muda yang inginkan pembangunan pesat. Mereka inginkan satu bentuk kehidupan yang selesa. Watak-watak utama yang terdiri daripada anak-anak muda iaitu Man, Andy, Tun dan Maya mempunyai keinginan, kehendak, pemikiran yang berbeza. Kesemua mereka merupakan anak-anak yatim dari sebuah rumah kebajikan namun setiap daripada mereka mempunyai latar belakang yang berbeza. Watak-watak tersebut sebenarnya merepresentasikan latar belakang masyarakat daripada pelbagai sosio budaya

dan ekonomi di mana ianya mempengaruhi kehendak dan pemikiran seseorang itu. Sekali lagi Hatta Azad Khan bermain dengan permasalahan sosial yang berlaku di kalangan masyarakat setempat amnya. Disebabkan nafsu menguasai akal dan nilai-nilai keperikemanusiaan, Andy sanggup membunuh rakannya sendiri iaitu Man atas dasar sifat cemburu.

Seterusnya permasalahan orang Melayu sekali lagi dipotretkan Hatta Azad Khan dalam drama Muzikal *Pi Mai Pi Mai Tang Tu*. Beliau menceritakan tentang sekumpulan anak muda di institut pengajian tinggi yang ingin melihat sendiri kehidupan masyarakat di flat Sri Wangi. Dikatakan bahawa watak-watak seperti Pak Uda, Mak Uda, Pak Busu, Mak Busu, Mat Deris, Budin, Lucy dan Ravi yang terdapat dalam sebuah sitkom televisyen menyerupai watak-watak sebenar penduduk di flat Sri Wangi itu. Hatta bermain dengan masalah-masalah kecil yang timbul antara penduduk tempatan bagi menimbulkan rasa lelucon dalam cerita ini. Namun jika diamati sedalam-dalamnya, *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu* ini menceritakan tentang permasalahan setinggan yang terdapat di tengah kota raya metropolitan Kuala Lumpur. Pada asalnya drama ini diberi nama *Syy!...* Namun disebabkan kesuran untuk menyebut dan difahami filosofikalnya maka Hatta Azad Khan telah menukar kepada *Pi Mai Pi Mai Tang Tu*. Perkara ini diberitahu sendiri oleh Hatta di dalam buku *Syy!...*

Dari sudut pandang positifnya pula ialah dengan adanya kisah-kisah sebegini generasi-generasi baharu boleh mengambil iktibar daripada permasalahan yang berlaku. Selain daripada itu inilah masanya peranan generasi muda yang bakal menerajui negara pada masa akan datang untuk membetulkan kesilapan. Kebarangkalian teraju kepimpinan

sebelum ini gagal untuk memajukan Kampung Bharu dengan adanya pelbagai halangan maka tiba masanya bakal peneraju baru untuk memperbaiki kesilapan dan kelemahan untuk mencapai tahap kemakmuran dan kesejahteraan untuk rakyat Malaysia akan datang. Dikekalkan keistimewaan hak orang Melayu di Tanah Melayu seperti mana pernah dilafazkan oleh Tun Dr. Mahadir “Tak akan Melayu hilang di dunia”.

Sepanjang menjalani analisis Muzikal Kampung Baru ini, pengkaji mendapati Hatta Azad Khan mempunyai satu gaya penulisan yang mungkin tidak disedari oleh pengkaji-pengkaji lain sebelum ini. Seperti mana yang telah dinyatakan oleh pengkaji sebelum ini tentang beberapa buah muzikal beliau yang turut mengupas isu kemanusiaan, Hatta Azad Khan akan menuding jari kepada pihak atasan berkenaan dengan permasalahan yang timbul.

Pengkaji mendapati punca permasalahan yang wujud adalah disebabkan peranan orang atasan yang tidak bertanggungjawab. Malahan mereka inilah memainkan peranan dalam meneraju sesebuah negara. Bahkan juga permainan politik selalunya dikaburi dengan kuasa yang menyelindungi kesalahan yang dilakukan.

Oleh sebab itu, di dalam Muzikal Kampung Baru Hatta Azad Khan agak lantang bersuara menyalahkan ahli politik, menteri dan pihak-pihak atasan dalam kemunduran Kampung Baru. Berbeza dengan beberapa naskah muzikal yang sebelumnya, sindiran terhadap golongan atasan ini digayakan penuh dengan simbolisme.

Pengkaji juga mengharapkan adanya satu kajian akan datang di mana kajian tersebut khusus melihat dunia politik dalam karya-karya Hatta Azad Khan. Perkara ini penting kerana ingin melihat kekuatan dan kelemahan politik Malaysia dari kaca mata Hatta Azad Khan. Kebarangkalian daripada kajian itu nanti akan wujud satu bentuk aliran penulisan drama pada era kini.

Tuntasnya, Hatta Azad Khan selayaknya diangkat sebagai “Bapa Kebudayaan Melayu” kerana keperihatinan beliau terhadap masyarakat sebangsa dengan beliau yang semakin mundur dan sering di perkotak katikkan. Ketulusan dan ketelusan beliau dalam melahirkan drama-drama pentas yang bercorak kehidupan masyarakat setempat menggambarkan beliau seorang yang begitu perihatin dan mengambil berat akan permasalahan yang timbul terutamanya orang Melayu. Walaupun sebenarnya drama beliau menggambarkan kehidupan orang Melayu itu ditindas namun sebenarnya secara tidak langsung beliau menggambarkan orang Melayu itu sebagai sebuah komuniti yang begitu kuat dari segi pendiriannya. Walaupun dilemparkan dengan toman dan tuduhan melulu yang tidak berasas namun orang Melayu ini masih wujud nilai-nilai murninya dalam hidup berbilang agama bangsa dan negara. Hal ini kerana Hatta Azad Khan suka menggambarkan kehidupan orang Melayu ini di kelilingi oleh bangsa-bangsa lain seperti Cina dan India. Jelasnya lagi, Hatta Azad Khan sebenarnya terlebih dahulu memperkenalkan konsep 1Malaysia yang cuba diwar-warkan oleh Perdana Menteri Malaysia iaitu Yang Berbahagia Dato’ Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Rajak. Sudah tiba masanya kita mengangkat naskah Hatta Azad Khan sebagai sebuah naskah yang bertemakan “1 Malaysia 1 Perpaduan” selaras dengan gelaran yang diberikan kepada beliau sebagai “Bapa Kebudayaan Melayu”.

BIBLIOGRAFI

BUKU

- Ab. Fatah Hasan. (1994). *Penggunaan minda yang optimum dalam pembelajaran*. Skudai: Penerbitan UTM
- Abdul Ghani Samsuddin, Ishak Hj. Sulaiman & Engku Ibrahim Ismail. (2001). *Seni dalam Islam*. Selangor: Intel Multimedia and Publication.
- Abdul Halim Ali. (2013). *Teori & kritikan sastera: Barat dan Malaysia*. Univison Press Sdn. Bhd.: Selangor.
- Abdul Rahman Napiah. (1987). *Drama moden Malaysia perkembangan dan perubahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ainon Mohd. (2011). *Panduan menulis novel teknik surah Yusuf*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ali Ahmad (1994). *Pengantar pengajian kesusasteraan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arkes, H.A. (1982). *Psychological theories of motivation*. Belmont, California: Wadworth.
- Brahim. (1968). *Drama dan pendidikan*. Jakarta: Gunung Agung.
- Cashmore, Ellis & Rojek Chris (eds.). (1999). *Culture theorists*. London: Arnold.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah penyelidikan (ed. 2nd)*. Mc Graw Hill Education: Malaysia
- Craigh Wright & Bryan Simms. (2006). *Music in western civilization*. Thomson Schirmer: United State of America.
- Eko Santosa. (2008). *Seni teater jilid 1 dan 2*. Dirjen Manajemen Pendidikan Dasar dan Menengah Depdiknas.
- Fazilah Husin. (2010). *Teater Melayu teks dan eksperimentasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Frederic B. Vogel & Ben Hodges Ed. (2006). *Guide to producing plays and musicals*. Applause Theatre & Cinema Books:New York.

- H. Russel Bernard. (2000). *Social research methods qualitative and quantitative approaches*. Saga Publication, Inc: United States of America.
- GerardCheshire (2011). *Getaran dan bunyi*. (Aidatul Akmar Shahar, Terjemahan). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Hamzah Mohd Tahir. (2009). *Sinografi: komunikasi visual dalam teater* (Said Halim Said Nong, Ed.). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hatta Azad Khan. (2007). *Muzikal Kampung Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hatta Azad Khan. (2008). *Tiga teater muzikal*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Hatta Azad Khan. (2013). *Kumpulan drama Dunia Belum Kiamat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hatta Azad Khan. (2013). *Teater filem dan pengurusan seni*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hatta Azad Khan. (2013). *Syy!...* Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- HB. Yassin. (2006). *Memahami drama*. Balai Pustaka: Jakarta.
- Jeffeson A & Robey D. (1988). *Teori kesusteraan moden: Pengenalan secara bandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johami Abdullah. (1997). *Pendidikan muzik semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaluddin Abd. Rahman. (2007). *Teater Melayu suatu risalah pemikiran Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Lucien Goldman. (1976). *Cultural creation in modern society* (Bart Grahl, Trans.). St. Louis, Missouri: Telos Press Ltd.
- Lukacs George. (1976). *The meaning of contemporary realism*. London: Merlon.
- Lukacs George. (1983). *The historical novel*. Lincoln: University of Nebraska Press.
- Mana Sikana. (1989). *Di sekitar pemikiran drama moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mana Sikana. (2006). *Drama Melayu tradisional, moden dan pascamoden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2009). *Sejarah kesusteraan Melakyu moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2012). *Teori sastera kontemporari*. Selangor: Pustaka Karya.
- Michelene Wandor. (2015). *The art of writing drama*. London: Bloomsbury Publishing.
- Nur Sahid. (2004). *Semiotika Teater*. Yogyakarta: Lembaga Penelitian Institut Seni Indonesia Yogyakarta.
- Osborne, Richard & Van Loon Borin. (1998). *Mengenal sosiologi*. Bandung: Mizan.
- Peter Brooke. (1968). *The empty space*. New York: Atheneium.
- Rahmah Bujang. (1994). *Drama Melayu: Dari skrip ke pentas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rene Wellek. (1973). *Concept of criticism*. London: The Wobern Press.
- Richard Courtney. (1991). *Lakon, drama dan pemikiran latar belakang intelektual drama dalam pendidikan* (Rahmah Bujang, Trans.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robert Cohen. (2000). *Theatre brief version*. Mayfield Publishing Company: United States of America.
- Robert Cohen. (2005). *Theatre – Seventh Edition*. Boston : McGraw Hill.
- Rohani Abdullah, Nani Menon & Mohd Sharani Ahmad (Eds.). (1999). *Panduan kurikulum prasekolah*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Roselina Johari Md. Khir. (2009). *Teater moden Malaysia* (Said Halim Said Nong, Ed.). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Said Halim Nong. (1985). *Drama Melayu televisyen Malaysia satu penilaian perkembangan dan peranan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Said Halim Nong (Ed.). (2009). *Apresiasi seni teater Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Kebudayaan Universiti Malaya.

- Saparman Bakri. (1982). *Alam teater*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Soebakdi Soemanto. (2012). *Drama, sejarah, teori, dan penerapannya*. Indonesia: Javakarsa Media.
- Solehah Ishak. (1987). *Histrionics of development: A study of three contemporary Malay playwrights*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Solehah Ishak. (2010). *Perempuan dari Setchuan sebuah teater alinasi*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia
- Teun A. Van Dijk. 1998. *Ideology*
- William Missouri, Lou Anne Wright & Erik Ramsey. (2007). *The Art of Theatre – Then and Now*. Belmont: Thomson Wadsworth.
- X.J. Kennedy & Dana Gioia. (2007). *Literature: An introduction to fiction, poetry and drama*. London: Pearson Longman
- Zakaria Ariffin. (1984). *Drama Tiga Zaman*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Halilah Haji Khalid. (2007). *Noordin Hassan dalam esei dan kritikan (tulisan Zakaria Ariffin, Noordin Hassan: Antara yang tersurat dengan yang tersirat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

SURATKHABAR

- Alang Bendahara. (5 November 2004). Kg Baru residents agree to development. *New Straits Times*, ms. 23.
- Charles Fernandez. (3 Mac 2011). Kampung Baru going cyber 99% of village stakeholder say “aye” to development. *StarMetro*, ms.6.
- Ku Mohd. Rizduan KU Abdul Rahman. (6 Januari 2011). Legasi 111 tahun Kampung Baru. *Kosmo*, ms. 20 – 21.
- Safri Ali. (3 Mei 1987). Berkisarnya legenda Jebat dalam drama Hatta Azad Khan. *Berita Harian*, ms. 19.
- Sarah Sabaratnam. (20 Mac 2003). Blueprint for growth. *New Straits Times*, ms. 8.

Yuri Azhar Mazlan. (3 September 2004). Penduduk Kampung Baru dahagakan pembangunan. *Utusan Malaysia*, ms. 23.

Yuri Azhar Mazlan. (26 Oktober 2014). Pelan induk penyelamat Kampung Baru. *Utusan Malaysia*, ms. 26.

Kosmo. (13 Januari 1011). Perbadanan Pembangunan Kampung Baru mula Julai 2011). Pg. 4.

Kosmo. (2 Mac 2011). 90% penduduk setuju Kampung Baru dimajukan. Ms, 12.

Utusan Malaysia. (7 September 2004). Kampung Baru dibangunkan jika pemilik tanah membenarkan – PM. Ms. 2

SURATKHABAR ONLINE

Rushidi Salleh. (2015, September 11). PKB tingkatkan usaha jejaki waris Kampong Bharu. *Utusan Malaysia*. Dilihat dari <http://www.utusan.com/berita/nasional/pkb-tingkatkan-usaha-jejaki-waris-kampung-baru-1.134392>

Bernamea. (2010, Mei 29). Kampung Baru Mungkin Dibuka Untuk Bukan Melayu Tingkat Potensi Pembangunan. *Mstar*. Dilihat dari <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2010/05/29/kampung-baru-mungkin-dibuka-untuk-bukan-melayu-tingkat-potensi-pembangunan/>

The Borneo Post. (2011, Jun 22). Kepentingan sastera dalam masyarakat 1Malaysia. *The Borneo Post*. Dilihat dari <http://www.theborneopost.com/2011/06/22/kepentingan-sastera-dalam-masyarakat-1malaysia/>.

Utusan Malaysia. (2015, Jun 23). GCL diseru bangunkan Kampung Baru. *Utusan Malaysia Online*. Dilihat dari <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/glc-diserubangunkan-kampung-baru-1.48625>.

Utusan Malaysia. (2015, Januari 15). TPM lancar pelan pembangunan Kampong Bharu. *Utusan Malaysia Online*. Dilihat dari <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/tpm-lancar-pelan-pembangunan-kampong-bharu-1.48164>.

Utusan Malaysia. (2015, 19 Mac). Kajian nilai hartanah Kampung Baru dijangka siap Mei. *Utusan Malaysia Online*. Dilihat dari <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/kajian-nilai-hartanah-kampung-baru-dijangka-siap-mei-1.70938>.

Utusan Malaysia. (2012, 18 Feb). Perpindahan orang Melayu ke Kampong Bharu. *Utusan Malaysia Online*. Dilihat dari

JURNAL

Md. Zin Idros. (1973). "Penulis Shahrum Hussain". *Journal Persatuan Penulis Johor*, Johor Bahru: Terbitan Saksi Penyelidikan Persatuan Penulis Johor, bil. 3, hlm. 28.

Zulkifli Mohamad. (2012). The Secret Life of Nora (review). *Asian Theatre Journal*, 29, 462.

MAJALAH

Dr. Sharol Lai Sujak. (2008). *Terapi Muzik. Pentas, Jilid 3 Bil. 2 April - Jun 2008*.

Amyra Rania. (2007). *Pi Mai Pi Mai Tang Tu Teater Muzikal?. Pentas, Jilid 2 Bil. 1 Januari - Februari 2007*.

Sabri Mohd Zin. (2007). *Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu lawak jenaka dan muzik. Pentas, Jilid 2 Bil. 1 Januari - Februari 2007*.

Tiara Jacqueline. (2007). *Produk Kesenian Jenama Asia (Noor Azam Shairi, Ed.). Pentas, Jilid 2 Bil. 1 Januari - Februari 2007*.

Alif Imran Hakim. (2008). *Mogok karyawan teater di Broadway. Pentas: Istana Budaya*.

Yusuff Ariffin. (2010). *Teater Realistik Hatta Azad Khan. Dewan Budaya. Julai 2010*.

Solehah Ishak. (2009). *Hatta Azad Khan: Potret Seorang Artis. Dewan Sastera. Januari 2010*.

H. Adry. (2009). *Sindiran Sosial yang Tajam. Dewan Sastera. Januari 2009*.

Zakaria Ariffin. (2009). *Hatta Azad Khan dan Drama Pentas. Dewan Sastera. Januari 2009*.

KERTAS KERJA SEMINAR

Hatta Azad Khan. (2009, Mac 31). *Proses Kreatif Tiga Teater Muzikal dan Muzikal Kampung Baru*. Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.

Rahimah Haji A. Hamid. (2009, Mac 31). *Konflik manusia kota pasca-merdeka dalam Muzikal Kampung Baru*. Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang

INTERNET

Azman Ibrahim. (27 Jun 2015). *IMDB bangunkan semula Masjid Kg. Baru*. Dilihat dari <http://m.utusan.com.my/berita/nasional/1mdb-bangunkan-semula-masjid-kg-baru-1.107666>

Hafiz Ramli. (2011, February 28). *Terapi muzikal mencetus keseimbangan Rohani*. Dilihat dari <http://psipum.org/terapi-muzikal/>

Keperluan sastera dalam masyarakat 1Malaysia (22 Jun 2011). Dilihat dari <http://www.theborneopost.com/2011/06/22/keperluan-sastera-dalam-masyarakat-1malaysia/>

Steve Sawa. (13 Jun 2012). *Unconscious movement – what do they mean?* Dilihat daripada <http://www.youracp.org/unconscious-movements-what-do-they-mean/>

Peter Ong. (13 Jun 2013). *Pengetahuan asas dalam muzik*. Dilihat daripada <https://www.scribd.com/doc/90485872/DEFINISI-MUZIK-2>

Mohd. Rasdan Ahmad. (22 Julai 2012). *Kuantiti, kualiti perlu seimbang*. Dilihat daripada http://www.utusan.com.my/utusan/Hiburan/20120722/hi_13/Kuantiti,-kualiti-perlu-seiring

Hafizah Iszahanid. (30 Mac 2011). *Karya pencar pemikiran*. Dilihat daripada <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Karyapancarpemikiran/Artikel>

Shanty Deviayadurai. (17 Mei 2013). *Kemudahan serba canggih*. Dilihat daripada http://www.utusan.com/Sastera/20130517/sa_01/Kemudahan-serba-canggih

Amirah Amaly Syafaat. (13 Disember 2009). *Wayang di mata juri*. Dilihat daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1213&pub=utusan_malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_22.htm&arc=hive

Muhamad Fairoz Azizan. (8 April 2011)). *Filem Pi Mai Pi Mai terkubur*. Dilihat pada <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/FilemPiMaiPiMaiterkubur/Articles>

Post Metro. (2014). *Kuala Lumpur diiktiraf sebagai bandar raya tenaga dunia*. Dilihat daripada <http://postmetro.net/kuala-lumpur-diiktiraf-sebagai-bandar-raya-tenaga-dunia/>

Hakcipta Terpelihara © 2013, Perbadanan Pertubuhan Kampong Bahru. Dilihat daripada <http://www.pkb.gov.my/ms/pelancong/tempat-menarik/kelab-sultan-sulaiman>

Perbadanan Kampung Baru diwujudkan. (4 Mac 2009). Dilihat dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0304&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_10.htm

KAMUS

Adaptasi. (2010). Kamus dewan edisi keempat (p. 7.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bahasa. (2010). Kamus dewan edisi keempat (p. 106.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Drama. (2010). Kamus dewan edisi keempat (p. 364.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muzik. (2010). Kamus dewan edisi keempat (p. 1062.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pemikiran. (2010). Kamus dewan edisi keempat (p. 1328.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Teater. (2010). Kamus dewan edisi keempat (p. 1620.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Watak. (2010). Kamus dewan edisi keempat (p. 1821.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jati diri. (2010). Kamus dewan edisi keempat (p. 1328.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

TESIS

Kathirasan a/l Doraisamy. (2004). Pemikiran Shahnnon Ahmad dan Naguib Mahfouz dalam novel-novel terpilih: satu perbandingan. Tesis (Ph.D). Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Mohd. Ramli Raman. (1992). Absurdisme dalam drama Melayu: analisis karya-karya empat penulis kontemporari. Disertasi (M.A). Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Ahmad Zaidi Baharuddin. (2010). Persoalan dan pemikiran Hatta Azad Khan dalam teks drama “Patung-Patung” dari perspektif teori persuratan baharu. Ijazah Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

TEMURAMAH

Prof. Dr. Hatta Azad Khan menjawab persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji berkaitan dengan teks-teks drama serta serba sedikit hal peribadi beliau (temuramah peribadi, Januari 29, 2013).

Dr. Nur Afifah Vanitha Binti Abdullah menjawab persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji berkaitan dengan teks-teks drama serta serba sedikit hal peribadi Hatta Azad Khan (temuramah peribadi, Oktober 15, 2013).

En. Mohd. Hafiz Bin Askiak menjawab persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji berkaitan dengan teks-teks drama serta serba sedikit hal peribadi Hatta Azad Khan (temuramah peribadi, Mei 25, 2013).

En. Hamzah Bin Tahir menjawab persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji berkaitan dengan teks-teks drama serta serba sedikit hal peribadi Hatta Azad Khan (temuramah peribadi, September 16, 2013).

Pn. Umi Kalsom Binti Ahmad menjawab persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji berkaitan dengan teks-teks drama serta serba sedikit hal peribadi Hatta Azad Khan (temuramah peribadi, Mei 28, 2013).

Tuan Haji Shamsuri bin Haji Suradi menjawab persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji berkaitan dengan isu dan perkembangan semasa Kampong Bharu (temuramah peribadi, Oktober 25, 2013)

Ahmad Rafizal bin Abdul Rahman menjawab persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji berkaitan dengan isu dan perkembangan semasa Kampong Bharu (temuramah peribadi, September 27, 2013)

TAFSIR AL-QURAN

Surah Ar-Ra'D ayat 11. Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian Al-Qur'an (30 Juz). (Sheikh Abdullah Basmeih, Trans.). Terengganu: Percetakan Yayasan Islam. (Terbitan pertama 1980).